

Diskusi
**Isu Aqidah
dan Pemikiran
Semasa**

di Malaysia

Mohd Aizam bin Mas'od

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَابَتَنَّ كَمْبُوڈَا إِسْلَامَ مَالَيْسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diskusi
**Isu Aqidah
dan Pemikiran
Semasa**

di Malaysia

Mohd Aizam bin Mas'od

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَابَتْهُنَّ مَلَجَوْنَ إِلَيْهِمْ مَلِيْسَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diskusi

Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa

di Malaysia

Mohd Aizam bin Mas'od

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَابَاتُنَّ الْكَمَاجُونَ إِسْلَامُ مَالَيْسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

© HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my

Cetakan Pertama ...2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519, Putrajaya, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Aizam Mas'od, 1976-,

DISKUSI ISU AQIDAH & PEMIKIRAN SEMASA DI MALAYSIA /

MOHD AIZAM BIN MAS'OD

Bibliography: page 505

ISBN 978-983-042-533-7

1. Faith (Islam). 2. Islam--Doctrines.

I. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. II. Judul.

297.2

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok D7 & D9, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62519 Putrajaya.

KATA PENGANTAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan petunjuk dan inayah-Nya, buku Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia ini berjaya diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mutakhir ini, kita dapat melihat pelbagai isu yang melibatkan ancaman terhadap aqidah Islam datang dalam pelbagai bentuk seperti ajaran sesat, perbomohan, amalan khurafat dan tahlul serta aliran pemikiran yang menyeleweng. Kesemua ini jika tidak dibendung dan ditangani segera, ia boleh menggugat kesucian aqidah Islam, malah boleh mencabar kedudukan istimewa agama Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, isu-isu yang dikupas dalam penulisan ini sesuai untuk diketengahkan kepada masyarakat sebagai penjelasan terhadap isu-isu semasa berkaitan aqidah. Buku ini telah melalui semakan dan telah diperakurkan oleh Panel Pakar Aqidah (PPA), Jakim supaya dapat dijadikan panduan dalam mengenal pasti dan menjawab isu-isu semasa aqidah yang berlaku.

Sehubungan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada penulis, Ustaz Mohd Aizam bin Mas'od daripada Seksyen Aqidah,

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM dan semua pihak yang berlibat atas usaha yang bersungguh-sungguh bagi menyiapkan penerbitan buku ini. Semoga usaha ini akan memberi manfaat kepada seluruh ummah dan dikurniakan ganjaran oleh Allah SWT di akhirat kelak.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Bersyukur kepada Allah SWT kerana penulis telah diberi kekuatan untuk menyiapkan buku ini dengan izin-Nya.

Pada dasarnya, kandungan buku ini adalah kompilasi artikel-artikel karangan penulis sejak terlibat secara langsung menjalankan kajian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan ancaman aqidah dan pemikiran semasa di Malaysia. Terdapat artikel-artikel yang ditulis secara serius berdasarkan metode akademik dan sebahagian yang lain ditulis secara santai tetapi masih mengekalkan nilai-nilai ilmiyyah. Di samping itu, penulis turut mengambil rujukan daripada pihak berautoriti bagi menentukan kedudukan atau pendirian rasmi pihak berwajib berkenaan satu-satu isu.

Manhaj penulisan buku ini merangkumi pelbagai pendekatan, sama ada ia berbentuk penjelasan mendatar atau hujah balas terhadap aqidah dan pemikiran yang menyeleweng daripada aqidah dan syariah Islam. Oleh kerana isu-isu yang menjadi topik perbincangan menyentuh bidang yang berbeza, justeru penulis membahagikan buku ini kepada enam bab seperti berikut:-

Bab 1: Islam Sebagai Agama Negara

Bab 2: Isu Ajaran Sesat (Ilmu Hakikat, al-Arqam dan Syiah)

Bab 3: Isu Islam Liberal dan Pluralisme Agama

Bab 4: Isu Bid'ah dan Anti Mazhab

Bab 5: Isu Mistisisme dan Khurafat

Bab 6: Fatwa Aqidah Semasa

Penulis juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan guru dan sahabat penulis terutamanya Prof. Dr. Abdulfatah Haron bin Ibrahim (ahli Panel Kajian Aqidah JAKIM), Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (ahli Panel Kajian Aqidah JAKIM), al-Marhum Ustaz Abdul Hamid Yunus (bekas Pakar Rujuk Aqidah JAKIM) atas bimbingan dan tunjuk ajar mereka dalam menyiapkan buku ini.

Akhir kalam, penulis berdoa semoga apa yang dipersembahkan melalui buku ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam di Malaysia, apatah lagi dalam tujuan memelihara dan mempertahankan aqidah dan syariah Islam di Negara ini.

Sekian, *wassalam*.

MOHD AIZAM BIN MAS'OD

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	v
SEKAPUR SIRIH	vii
Bab 1: ISLAM SEBAGAI AGAMA NEGARA	1
Islam Sebelum Kedatangan Penjajah	1
Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia	5
• Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama	
Bukan Islam	9
• Maksud Islam Agama bagi Persekutuan	10
Malaysia: Negara Islam berlandaskan Ahli Sunnah Wal-Jamaah	
Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Aqidah Wasatiyyah	14
• Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah	15
• Pendapat Para Ulama Tentang Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah	17
• Keputusan Panel Kajian Aqidah JAKIM	19
• Sekilas Sejarah Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia	19
Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Aqidah Wasatiyyah Definisi Aqidah	22
• Definisi Wasatiyyah dalam Aqidah	24
• Manhaj Wasatiyyah dalam Definisi Iman	26
• Manhaj Wasatiyyah dalam Sumber Aqidah	29
• Manhaj Wasatiyyah dalam Pendekatan Ilmu Aqidah	36
• Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara <i>Ilahiyyat</i>	39
• Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara <i>Nubuwwat</i>	44
• Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara <i>Sam'iyyat</i>	48
Kesimpulan	53
Bab 2: ISU AJARAN SESAT (ILMU HAKIKAT, AL-ARQAM DAN SYIAH)	57
Pengenalan Ajaran Sesat dan Penentuannya	57
• Takrif Ajaran Sesat	57

• Penentuan Hukum Ajaran Sesat	58
• Penentuan Hukum Pengamal Ajaran Sesat	59
• Kaedah <i>Takfir</i> Menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah	59
• Syarat-syarat <i>Takfir</i> Peribadi (<i>Syahsi/Mu'ayyan</i>)	62
• Perkembangan Ajaran Sesat di Malaysia	63
Ajaran Ilmu Hakikat	65
• Ciri-ciri Ajaran Ilmu Hakikat	66
• Beberapa Gambar Rajah Ajaran Ahmad Laksamana	74
• Pengharaman Ajaran	96
• Penjenamaan Semula	96
Kesimpulan	98
Ajaran al-Arqam	99
• Pengenalan Kumpulan al-Arqam @ Rufaqa' @ Global Ikhwan	99
• Perkara-perkara yang Meragukan dalam Kumpulan Bekas al-Arqam	102
Menjawab Kesesatan dalam Aurad, Mahdi dan Bani Tamin	104
Menjawab Dakwaan Yaqazah Sesat Jemaah al-Arqam	110
Asaari Muhammad Bukan Putera Bani Tamim	115
Ghaibkah Asaari Muhammad?	121
Menjawab Hujah Dangkal Keghaiban Abuya	124
Ajaran Syiah	131
• Sejarah Ringkas Kemunculan Syiah	131
• Syiah Imamiyyah Ithna 'Asya'riyyah	133
• Pendirian Kerajaan Berkenaan Syiah	135
• Penyelewengan Syiah dari Sudut Aqidah	136
• Penyelewengan Syiah dari Sudut Syariah	150
• Pelbagai Penyelewengan Umum	155
Menjawab Artikel Berbau Syiah	161
• Bid'ah Asyura Tajaan Syiah	162
• Syiah Pencetus Peristiwa Karbala	163
• Tuduhan	166
• Larangan Meratap	168
• Sunni Pejuang Bumi Palestin	169
• Malaysia Bumi Sunni	174
Membongkar Syiah dalam Karya "Perempuan Nan Bercinta"	175
Mempertikaikan Sayyidina Abu Hurairah RA dan Hadith Sahih	177
• Isu Diskriminasi Wanita	179
• Mempertikaikan Kredibiliti Sayyidah 'Aisyah RA	182
• Menuduh Hadith-Hadith Keutamaan Para Sahabat Hanyalah Rekaan Sunni	183

• Menghina Khulafa' al-Rasyidin	183
• Menghina Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah (Asya'irah-Maturidiyyah)	184
Kesimpulan	188
Bab 3: ISU ISLAM LIBERAL DAN PLURALISME AGAMA	189
Serangan Pemikiran @ Ideologi	189
Fahaman Islam Liberal	191
• Perbandingan Antara Islam dan Liberalisme	193
• Doktrin Utama Islam Liberal	194
Beberapa Fenomena Liberalisme dan Pluralisme Agama di Malaysia	195
• Membenarkan Murtad atau Pertukaran Agama	195
• Penentangan Terhadap Pelaksanaan Syariah dan Autoriti Agama	208
• Keputusan Fatwa Kebangsaan	214
Fahami Kewajaran Fatwa Islam Liberal	216
Islam Liberal Pada Neraca Ulama al-Azhar	220
Islam Liberal Pertikai Pemakaian Tudung	225
Bahaya Pluralisme Agama	229
• Kekeliruan Pluralisme Agama Menurut Islam	231
• Perbezaan Pluraliti Agama dan Pluralisme Agama	232
• Perbezaaan Pluralisme Agama dan Toleransi Agama	233
• Tips Membenteng Diri daripada Pluralisme Agama	234
• Fatwa Berkenaan Pluralisme Agama	238
Mengapa Ulama Tolak Pluralisme Agama	238
Kebebasan Beragama: Antara Universal Islam dan Pluralisme Agama	243
• Inklusif dan Eksklusif	244
• Syariah Islam	245
• Islam Agama Universal	248
• Dialog Keagamaan Sebagai Medium Dakwah	249
Kecelaruan Beragama	252
• Dakwaan Islam, Yahudi dan Kristian sebagai Agama 'Monoteisme'	252
• Monoteisme Menjadi Pluralisme Agama	255
• Konsep 'Falsafah Abadi'	256
• Islam Agama Tauhid Sebenar	258
Kisah Farish, Zainah dan Armstrong	259
Islam Liberal Menolak Hadith Ahad	265

Murtad Bukan Hak Asasi	271
Awas! Artikel Menghina Islam	278
• Laporan Polis Terhadap Artikel Menghina Islam	279
• <i>'I Promise to be a good, non-hypocritical Muslim'</i>	281
• Menafikan Kewajipan Bertudung	282
• Menolak Kewujudan Syariat dan Negara Islam	286
Polemik Kongsi Raya	290
• Garis Panduan Menyertai Perayaan Bukan Islam	293
Pluralisme Agama dalam Buku ESQ 165	295
• Konsep Spiritualiti yang Bertentangan dengan Agama Islam	295
• Pluralisme Agama Melalui Falsafah Perennial	297
• Berpegang Kepada Konsep <i>Universal Sufism</i>	299
• Mencapai Kecerdasan Spiritual Tanpa Mensyaratkan Ibadah	300
• Beberapa Keputusan Mengenai ESQ	
Liberalisme dan Pluralisme Agama dalam Buku Irshad Manji	302
• Membawa Ideologi Pluralisme Agama	302
• Menyeru Kepada Ijtihad Bebas dan Menolak Ijmak	312
• Menghina al-Qur'an dan Rasulullah SAW	318
• Dekonstruksi Syariah Islam Atas Nama Kebebasan Beragama Termasuk Kebebasan Murtad	321
• Mempromosikan Fahaman Sekularisme	324
• Meruntuhkan Syariat Solat	326
Implikasi Islam Liberal dan Pluralisme Agama Terhadap Umat Islam	328
Kesimpulan	331
Bab 4: ISU BID'AH DAN ANTI MAZHAB	333
Isu Salafi @ Wahhabi	333
• Awal Kemunculan Gerakan Salafi @ Wahhabi	334
• Kesilapan Wahhabiyah	336
• Pertembungan Wahhabiyah dengan Asya'irah	337
• Pendirian Terhadap Wahhabiyah	338
Bahaya Anti Mazhab	340
• Golongan Menolak Mazhab	342
• Golongan Mengharuskan Mazhab	345
• Berpegang kepada Satu Mazhab	347
• Mampukah Beramal Tanpa Mazhab	350
• Bid'ah dalam Masalah Khilafiyah	353
• Pengajaran al-Banna dalam Masalah Khilafiyah	356

• Pesanan Buat Anti Mazhab	358
Bid'ah antara Dua Pendekatan	359
• Definisi Bid'ah	359
• Takrif Lanjut Bid'ah Buat Golongan yang Bertegas (<i>Mutasyaddidin</i>)	362
• Sebahagian Perkara Bid'ah Menurut Persepsi yang Bertegas	363
• Justifikasi Golongan yang Bertegas dalam Soal Bid'ah	365
• Bid'ah Menurut Golongan Sederhana (<i>Mu'tadilin</i>)	367
• Meninjau Pandangan al-Syatibi Tentang Bid'ah	371
• Konsep Bid'ah Menurut Hasan al-Banna	374
• Pandangan al-Qaradhawi Tentang Bid'ah	376
• Pendekatan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam Persoalan Bid'ah	377
Teguran Buat <i>Salafiyah</i>	380
Menjawab Isu Khilaf	386
Tajdid Fiqh atau Islah Mafhum Mazhab?	390
Kesimpulan	393
Bab 5: ISU MISTISISME DAN KHURAFAT	395
Budaya Mistisisme	395
• Subjektif	396
• Mistisisme dalam Masyarakat Melayu	397
• Penyebaran Faham Mistisisme Masa Kini	398
• Melanggar Garis Panduan JAKIM	399
Fenomena Takut Hantu	404
• Bagaimana Iblis, Jin dan Syaitan Menyerupakan Diri?	406
• Adakah Hantu Boleh Memudaratkan Manusia?	407
• Perlukah Takut Kepada Hantu?	408
Pameran Jin dan Hantu: Antara Khurafat dan Kenyataan	410
• Keputusan Fatwa Berkaitan	414
Jurus dalam Ilmu Silat Kebatinan	414
Khurafat dalam Perbomohan @ Perdukunan	419
• Erti ' <i>'Arraaf</i> dan <i>Kahin</i>	420
• Makna Hadith	421
• Contoh-contoh Ajaran Perbomohan dan Perdukunan Menyeleweng	423
• Menyalahi Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam	426
Penjualan Air Jampi Secara Komersial	431
Larangan Melukis Wajah Nabi SAW	437

Bab 6: FATWA AQIDAH SEMASA	445
Fatwa Penggunaan Kalimah ‘Allah’ oleh Kristian	445
• Pendahuluan	445
• Alasan Gereja Katolik Menggunakan Kalimah ‘Allah’	446
• Hujah-hujah Menolak Alasan Pihak Gereja Katolik	446
• Hujah-hujah Tambahan	457
• Pandangan Tokoh Ulama Luar Negara	460
• Keputusan Kerajaan	462
• Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan	462
Fatwa Pengharaman Yoga	463
• Pendahuluan	463
• Definisi Yoga	464
• Sumber Ilmu Yoga	465
• Matlamat Tertinggi Yoga	466
• Falsafah Yoga Menurut Agama Bukan Islam	466
• Aspek Fizikal Yoga	467
• Kesimpulan Kaitan Senaman Yoga dengan Hinduisme	472
• Dalil dan Hujah	473
• Fatwa Ulama dan Institusi Islam Berkenaan Yoga	481
• Keputusan Fatwa Kebangsaan	487
Fatwa Meminta Orang Bukan Islam Doa Bersama	487
• Kesucian Aqidah Islam	488
• Doa Merupakan Ibadah	489
• Doa Orang Bukan Islam Menurut Syarak	491
• Kiasan Kepada Hukum Penyertaan Orang Bukan Islam Dalam Solat Istisqa’	492
• Hukum Memohon Kerjasama Bukan Islam untuk Doa Bersama	494
• Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia	494
Fatwa Penglibatan Orang Islam dalam Perbuatan <i>Candlelight Vigil</i>	495
• Takrif <i>Candlelight Vigil</i>	495
• Kaitan Amalan <i>Candlelight Vigil</i> atau Kepercayaan Terhadap Kuasa Cahaya/Lilin/API dengan Agama-agama Bukan Islam	497
• Amalan Pada Masa Kini	500
• Keputusan Fatwa Kebangsaan	503
BIBLIOGRAFI	505

1

ISLAM SEBAGAI AGAMA NEGARA

ISLAM SEBELUM KEDATANGAN PENJAJAH

Pengaruh utama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu ialah terhadap aqidah dan kepercayaan. Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat permulaan adalah berbentuk animisme. Dalam kepercayaan ini mereka menganggap setiap benda-benda mempunyai semangat dan kuasa ghaib. Sehubungan itu, wujudlah pemujaan atau penyembahan kepada batu-batu, pokok-pokok, sungai-sungai dan fenomena alam yang lain. Kuasa ghaib itu disifatkan sebagai hantu, jembalang atau jin yang menjadi penunggu objek tersebut¹.

Dengan kedatangan Islam, ia telah mengubah *world-view* masyarakat Melayu daripada mempercayai roh, semangat dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan Yang Maha Esa, percaya adanya para nabi, rasul, malaikat dan kitab-kitab suci. Keimanan mereka diikuti dengan amal ibadat seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan rukun haji. Masyarakat Melayu juga merayakan hari-hari kebesaran Islam seperti mengadakan sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul dan Nuzul al-Qur'an. Perubahan yang paling utama ialah daripada sudut kepercayaan yang mana masyarakat Melayu telah diperkenalkan dan diyakinkan dengan keyakinan yang berteraskan tauhid. Fahaman tauhid telah mengubah *world-view* orang Melayu daripada zaman Hindu-Buddha

¹ Haron Daud (1989), *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26.

yang beridentitikan penyembahan raja, berhala dan alam khayalan kepada ajaran tauhid yang murni².

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, kedatangan Islam telah mengubah masyarakat Melayu dari segi dalamannya. Jika dahulu mereka lebih asyik dengan bidang kesenian, mitos dan khayalan, tetapi selepas kedatangan Islam timbul pandangan-pandangan yang mementingkan unsur-unsur rasionalisme dan intelektualisme. Ini adalah hasil daripada usaha para pendakwah Islam yang menyeru kepada kepercayaan ketuhanan yang tunggal; yang kudrat-Nya terhukum pada hikmat-Nya; yang iradat-Nya berjalan selaras dengan akal. Insan diciptakan dengan sifat asasnya adalah akal dan unsur inilah yang menjadi perhubungan antara Dia dengan hakikat alam semesta. Jika dulunya mereka asyik menggemari bermenungan, berfoya-foya, dongengan khayal, kini mereka giat menganjurkan penulisan dan penafsiran ilmu-ilmu sejarah, tasawuf serta falsafah Islam³. Bermula dengan revolusi pemikiran ini, ia mengarah kepada revolusi sosial apabila masyarakat Melayu dengan sendirinya menolak kepercayaan tahuil Hindu dan fahaman animisme⁴.

Dalam aspek pendidikan, Islam telah memperlihatkan perubahan yang besar dalam struktur sosial masyarakat Melayu. Selepas kedatangan Islam, golongan bawahan turut menerima pendidikan yang sama seperti golongan atasan. Sistem pendidikan yang bermula di istana mula beralih ke beberapa institusi pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah. Tradisi keilmuan yang ditekankan oleh Islam telah mengembangkan pula tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun. Dorongan belajar bermula dengan pengajaran membaca al-Qur'an dan kitab-kitab agama. Golongan pemerintah dan para pembesar berperanan penting dalam

² Muhammad Uthman El-Muhammady (1977), *Memahami Islam: Insan, Ilmu dan Kebudayaan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 185.

³ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, c. 4. Petaling Jaya: ABIM, h. 19-21.

⁴ Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah, h. 133-134.

mengembangkan ilmu pengetahuan tersebut. Melalui sistem pengajian ilmu tersebut lahirlah para cendekiawan dan ulama Melayu yang menjadi pegawai-pegawai pemerintah, guru-guru dan ahli agama⁵.

Hasil daripada didikan agama yang berkesan, masyarakat Melayu mula membentuk suatu jati diri yang mantap. Mereka dikenali sebagai bangsa yang beragama, berakhhlak dan berbudi. Keluarga adalah agen sosialisasi utama dalam mendidik dan mengajar supaya seseorang anak itu menjadi anggota masyarakat yang baik. Sejak lahir lagi, seseorang itu akan dididik berteraskan Islam dan adat sehingga mereka dewasa. Contohnya, sebaik sahaja seseorang itu dilahirkan, bapa atau datuk akan mengazarkan bayi lelaki, atau mengiqamatkan bayi perempuan. Tujuannya ialah untuk memperdengarkan buat pertama kalinya kepada bayi itu seruan azan dan kalimah syahadah serta meniupkan roh dan semangat Islam kepada bayi tersebut. Sejak kecil lagi kanak-kanak akan diajar konsep-konsep dosa, pahala, halal, haram dan sebagainya. Setelah meningkat umur lima tahun ke atas kanak-kanak juga akan diajar bersembahyang, berpuasa dan lain-lain. Selain itu mereka juga diajar supaya hormat-menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seharian. Perihal pentingnya sistem kekeluargaan ini terserlah apabila hukum syarak berkaitan perkahwinan turut dikanunkan dalam Hukum Kanun Melaka⁶.

Hakikatnya, kedatangan Islam bukan sahaja mengubah kehidupan peribadi dan cara bermasyarakat orang Melayu, tetapi ia turut mengubah sistem politik yang sebelumnya banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu-Buddha. Ini terlihat dalam perubahan cara hidup masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka daripada sistem politik warisan Tamadun Hindu-Buddha kepada sistem Islam yang menyeluruh dan

⁵ Hashim Hj. Musa (2004), Dialog Peradaban, Pemerksaan Tamadun Melayu Menghadapi Globalisasi Barat, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 46.

⁶ Azmah Abdul Manaf (2001), Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia, Petaling Jaya, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 217.

meliputi segala aspek kehidupan manusia. Islam kemudiannya muncul sebagai suatu kuasa politik baru yang mampu mengatur kehidupan manusia dan memerintah negara.

Masyarakat juga diberi kefahaman bahawa kuasa yang ada pada pemerintah bukanlah mutlak tetapi ianya merupakan amanah yang dipinjamkan oleh Allah SWT. Tanggungjawab dan amanah seorang raja dalam menggalas kuasa politik Islam bagi menegakkan syariah sering ditekankan dalam hasil penulisan historiografi Melayu tradisional dan undang-undang Melayu lama. Ia dengan mengibaratkan pemerintah dan para rasul sebagai dua biji permata dalam sebentuk cincin. Apabila pemerintah melaksanakan apa yang diperintahkan oleh rasul, maka ia samalah dengan memenuhi tugas kepada Allah SWT. Mereka sama-sama memakmurkan dunia seperitimana yang diamanahkan Allah SWT⁷.

Kewujudan Empayar Melayu Melaka dengan segala kehebatannya amat berkait rapat dengan pelaksanaan hukum-hakam Islam oleh para pendakwah. Pemerintah Melaka amat menghormati ajaran Islam dan menjadikan istana sebagai pusat perkembangan Islam. Peranan Islam begitu penting ketika itu apabila ia dijadikan syarat untuk menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran di Melaka. Contohnya, pemimpin dikehendaki mengetahui dan memahami Hukum Kanun Melaka.

Undang-undang Melaka yang disusun lengkap dan dijadikan undang-undang pemerintahan terbahagi kepada dua bahagian:

- a) Hukum Kanun Melaka⁸. Ia mengandungi Undang-undang Jenayah (meliputi *qisas*, *hudud*, *ta'zir* dan *diyah*), Undang-undang Muamalah,

⁷ A. Samad Ahmad (1979), Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 190.

⁸ Hukum Kanun Melaka mempunyai 44 fasil dan bidangkuasa merangkumi pusat negeri Melaka, anak sungai, dusun dan juga takluk pada negeri itu. Lihat Prof. Ahmad Mohamed brahim dan Ahilemah Joned (1987), Sistem Undang-undang di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

Undang-undang Keluarga, Undang-undang Keterangan dan Acara, syarat-syarat menjadi pemerintah serta tanggungjawab terhadap pemerintahan.

- b) Undang-undang Laut Melaka⁹. Ia berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan, kesalahan jenayah perniagaan dan bidangkuasa nakhoda kapal serta kes-kes yang berkaitan.

Selain daripada Undang-undang Melaka terdapat beberapa teks undang-undang Melayu lama seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Sembilan Puloh Sembilan Perak, Undang-undang Sungai Ujong dan Undang-undang Johor. Dalam pemerintahan baginda Sultan Umar di Terengganu pada tahun 1837, Undang-undang Jenayah Islam seperti *qisas*, *hudud*, *ta'zir* dan *diyah* dijalankan. Segala bentuk maksiat termasuk judi adalah dilarang¹⁰.

Berdasarkan kenyataan ini, amat jelas dilihat bagaimana kedudukan beragama masyarakat Islam sebelum kedatangan penjajah yang membawa pelbagai pengaruh ideologi baru. Ketika itu, Islam diambil sebagai satu cara hidup yang meliputi segenap lapangan kehidupan sehingga kepada pentadbiran negara. Malah sebelum kedatangan penjajah Islam telah menjadi satu agama yang mentadbir negara dan bukan sekadar diamalkan secara individu semata-mata.

KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan syariah Islam telah pun bermula sebaik sahaja Islam sampai ke Tanah Melayu. Telah dijelaskan sebelumnya bagaimana syariah Islam telah dijadikan undang-undang di

⁹ Undang-undang Laut Melaka mengandungi 25 fasil. Ibid., h. 12.

¹⁰ Clifford H (1961), Expedition: Terengganu and Kelantan, Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society, h. 60-61.

beberapa negeri di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah. Namun begitu, selepas kedatangan penjajah, syariah Islam masih dilaksanakan walaupun dalam ruang lingkup yang agak terbatas. Setelah kedatangan British menerusi beberapa perjanjian dengan Sultan, bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874, agama Islam telah dipisahkan menjadi dua aspek yang berasingan iaitu aspek awam dan aspek peribadi. Undang-undang Islam telah diasingkan dan dipakai dalam perkara kekeluargaan sahaja. Pendekatan ini pada umumnya menjadi asas kepada perjanjian Malayan Union 1946 dan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948¹¹.

Kini, tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang Islam merupakan salah satu sumber undang-undang Malaysia. Tetapi perlembagaan hanya membenarkan ianya dipakai terhadap orang-orang Islam sahaja dalam perkara-perkara seperti yang disenaraikan dalam Senarai 2 Jadual Kesembilan. Tetapi dari segi menggubal dan menghukum kesalahan-kesalahan, undang-undang ini dibenarkan hanya setakat mana yang diberi oleh undang-undang Persekutuan. Satu contoh undang-undang Persekutuan yang mengawal bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah ialah *Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965 (Pindaan 1984)*. Akta ini memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah di Semenanjung berhubung kesalahan-kesalahan agama. Ini telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak menerusi *Syariah Courts (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Act 1989 (A 730)*. Undang-undang ini menetapkan hukuman maksimum kesalahan jenayah yang boleh dikenakan, iaitu tidak melebihi 3 tahun penjara atau denda RM5,000 atau 6 kali sebatan atau mana-mana

¹¹ Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 5; Abdul Aziz Bari (2005), *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 8, 34-35; Abdullah Alwi Hj. Hasan, "Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia: Suatu Ulasan", Ke Arah Merealisasikan Undang-undang di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 92-95; Mahmood Zuhdi (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 54-56; Abdul Samat bin Musa (2006), "Kedudukan Islam dan Kebebasan Beragama Dalam Perlembagaan Malaysia", kertas kerja Seminar Pertukaran Agama dan Kesan Dari Segi Perspektif Syariah dan Perundangan, Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, h. 4.

gabungan hukuman tersebut. Manakala pelaksanaan undang-undang jenayah yang lebih luas dan umum adalah merupakan perkara undang-undang Persekutuan yang ditadbir oleh Mahkamah Sivil berasaskan undang-undang sivil¹².

Walaupun dalam keadaan pelaksanaan syariah Islam yang terbatas, Perlembagaan Persekutuan tetap memperuntukkan agama Islam pada kedudukan yang amat istimewa. Ini dapat dilihat dalam Fasal (1) Perkara 3 yang meletakkan agama Islam sebagai agama utama dan dominan dalam Perlembagaan Persekutuan¹³. Agama-agama lain tidak diberikan status yang sama seperti Islam kerana agama-agama lain tersebut tidak dinyatakan secara spesifik dalam Perlembagaan.

Berdasarkan Fasal (2)¹⁴ dan Fasal (5) Perkara 3, Sultan di Negeri-Negeri menjadi Ketua Agama Islam Negeri masing-masing dan Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) menjadi Ketua Agama Islam di negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan seperti di Sabah, Sarawak, Penang, Melaka dan Wilayah-Wilayah Persekutuan¹⁵. Kedudukan istimewa Islam sebagai agama utama dan dominan turut dikukuhkan melalui fasal (1) dan fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan¹⁶.

Fasal (4) Perkara 11 memperuntukkan kuasa Negeri-Negeri untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang bagi memelihara agama Islam daripada penyebaran pengaruh kepercayaan, ajaran dan amalan agama bukan Islam kepada orang Islam atau ajaran yang menyimpang dalam agama Islam sendiri.

¹² Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), op.cit., h. 38-39; Abdul Aziz Bari (2005), op.cit., h. 142.

¹³ Perlembagaan Persekutuan, Bahagian I, h. 1 : 15

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid., h. 1 : 16.

¹⁶ Ibid., h. 1 : 22.

Kedudukan istimewa Islam ini juga terserlah melalui sumpah jawatan YDPA [Jadual Keempat dibaca bersama Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan]¹⁷. Berdasarkan peruntukan tersebut, YDPA mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memelihara Islam pada setiap masa di negara ini¹⁸. Oleh yang demikian, tugas dan tanggungjawab ini turut terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dalam menjalankan fungsi eksekutifnya.

Peruntukan Perlembagaan secara jelas menyatakan kedudukan dan fungsi YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja sebagai ketua agama Islam bagi negeri masing-masing di bawah Fasal (2), (3) dan (5) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan kesemua hak, hak keistimewaan dan kuasa prerogatif YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja sebagai Ketua Agama Islam hendaklah dihormati, bukan sahaja oleh orang Islam bahkan juga semua masyarakat di Negara ini tanpa mengira bangsa dan agama¹⁹.

Sehubungan itu, sekiranya YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja telah menjalankan kuasa prerogatif untuk meluluskan undang-undang tertentu seperti Enakmen Keluarga Islam atau Enakmen Jenayah Islam, maka undang-undang tersebut hendaklah dipatuhi dan dihormati oleh semua rakyat Malaysia. Mana-mana tindakan ketidakpatuhan akan dikira sebagai ketidaksetiaan dan ketidakhormatan kepada YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja. Ini adalah selari dengan prinsip Rukun Negara iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” dan “Keluhuran Perlembagaan”²⁰.

Dengan kedudukan Islam yang begitu tinggi dan terserlah ini, sudah tentu tiada sebab untuk syariah Islam tidak dapat dilaksanakan atau sekurang-kurangnya diperkasakan dalam konteks perundangan yang sedia ada. Menurut Ahmad Ibrahim, oleh kerana perkataan “Islam”

¹⁷ Ibid., h. 1 : 40.

¹⁸ Ibid., h. 1 : 178.

¹⁹ Ibid., h. 1 : 15-16.

²⁰ Ucapan Tuan Hj. Mahamad Nasir bin Disa (Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara) dalam Wacana Pendidikan Fatwa: Penggunaan Lafaz Allah pada 28 Januari 2010M anjuran Jakim.

dan bukan “ugama Islam” yang digunakan dalam Perkara 3 bolehlah dihujahkan bahawa apa yang dimaksudkan ialah Islam sebagai cara hidup iaitu Islam sebagai *al-Din*. Jika disebut “agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”, orang-orang bukan Islam mendakwa bukan sahaja mereka diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan dan upacara-upacara agama mereka akan tetapi cara hidup mereka. Jika ini makna yang dikehendaki diberi kepada perkataan “ugama” oleh orang-orang yang bukan Islam, lebih-lebih lagi lalah orang-orang Islam berhak memberi makna yang luas kepada “Islam” sebagai agama Persekutuan²¹.

Malangnya dalam keadaan pelaksanaan syariah Islam yang terbatas ini pun, tetap wujud pihak tertentu yang mengkritik dengan keras dan memohon kepada kerajaan supaya perundangan syariah dihapuskan sama sekali. Antaranya, kritik dan penentangan terhadap pelaksanaan undang-undang jenayah syariah yang sering dilabelkan sebagai undang-undang moral kian lantang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Selain berselindung di sebalik slogan kebebasan dan hak asasi, ada pihak yang turut menggunakan perlumbagaan sendiri dalam hujah-hujah mereka. Antara hujah teknikal yang mereka kemukakan ialah bahawa bidang kuasa jenayah sepatutnya berada di tangan persekutuan yakni pihak berkuasa pusat dan tidak sepatutnya dilaksanakan oleh negeri.

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam

Antara bukti keistimewaan lain agama Islam dalam perlumbagaan adalah kerajaan telah diberi hak oleh Perlumbagaan Persekutuan dalam

²¹ Hj. Salleh Buang, “Kedudukan Undang-undang Islam di Bawah Perlumbagaan: Suatu Ulasan”, h. 49; Tun Mohamad Suffian (1990), Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101-103; Zaini Nasohah (2004), Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 77-79; Abdul Kadir Muhamad (1996), Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100. Lihat Artikel “Kedudukan Islam Dalam Perlumbagaan Malaysia” oleh Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, <http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html>, 31 Mac 2011.

Perkara 11(4) (untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti ugama Islam). Di bawah peruntukan ini kerajaan (sama ada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri) telah menggubal undang-undang mengawal dan menyekat pengembangan agama-agama bukan Islam terhadap umat Islam. Sehingga kini sepuluh buah Negeri iaitu Terengganu (1980), Kelantan (1981), Melaka (1988), Kedah (1988), Selangor (1988), Perak (1988), Pahang (1989), Johor (1991), Negeri Sembilan (1991) dan Perlis (2003) telah mempunyai undang-undang tersebut yang bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin agama dan kepercayaan bukan Islam dalam kalangan orang Islam. Sebagai contoh Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu 1980, Seksyen 9 menyebut; (melarang seseorang (bukan Islam) daripada menggunakan perkataan-perkataan tertentu baik dalam tulisan, ucapan atau kenyataan untuk menggambarkan antaranya kepercayaan atau konsep mana-mana agama bukan Islam. Perkataan-perkataan itu termasuklah Allah, Ilahi, Rasul, Nabi, Wahyu, Iman, Imam, Syariah, Ulama, Dakwah, Ibadah, Injil dan lain-lain). Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa menggunakan kalimah ‘Allah’ bagi golongan bukan Islam adalah menyalahi undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negara ini.

Maksud Islam Agama bagi Persekutuan²²

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

²² Terdapat banyak penulisan yang menyentuh tentang isu ini. Di antaranya Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (1994), "Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia" dalam Ahmad Ibrahim dll, Al-Ahkam - Islam dalam Perlembagaan; Ahmad Ibrahim (1997), Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: IKIM; Abdul Mohaimin Noordin Ayus, "Agama dan Perlembagaan: Suatu Isu Pentafsiran" [Disember 1996] 8 KANUN (4); Hasan Bahrom, "Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam" Jurnal Syariah, Jil. 7, Bil.1, Januari 1999. Ahmad Hidayat Buang (penyunting), Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999 dan banyak lagi.

Semua pihak juga telah bersetuju, kewujudan peruntukan ini tidak sekali-kali menjelaskan hak-hak sivil orang bukan Islam. Dalam memorandum yang dikemukakan oleh Perikatan telah disebut agama Persekutuan hendaklah Islam. Peruntukan prinsip ini tidak akan menghilangkan apa-apa hak ke atas rakyat bukan Islam untuk menganuti dan mengamalkan agama mereka masing-masing. Malah tidak terdapat apa-apa dalam draf Perlembagaan itu dalam apa-apa keadaan yang memudaratkan hak-hak sivil individu bukan Islam.

Hakim Abdul Hamid yang terlibat dalam penggubalan Perlembagaan berpendapat bahawa perisytiharan Islam sebagai agama Persekutuan perlu dimasukkan seperti yang dicadangkan oleh Perikatan. Dalam cadangan beliau, Hakim Abdul Hamid dari Pakistan itu mengesyorkan, oleh kerana cadangan oleh Perikatan itu adalah dibuat sebulat suara, ia harus diterima. Peruntukan seperti itu telah pun terdapat di negeri-negeri dan apa yang perlu ialah memindahkannya dari perlembagaan negeri-negeri ke Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang penting, tidak disebut dalam Perlembagaan bahawa negara ini adalah negara sekular (seperti disebutkan di India umpamanya) dan oleh kerana itu tidak ada halangan untuk dihujahkan kemudiannya bahawa oleh kerana Islam adalah agama Persekutuan, ia membolehkan ajaran Islam dimasukkan dan diterapkan dalam keseluruhan pentadbiran negara apabila masanya sesuai.

Oleh kerana perkataan “Islam” dan bukan “agama Islam” yang digunakan dalam Perkara 3, bolehlah dihujahkan bahawa apa yang dimaksudkan ialah Islam sebagai cara hidup iaitu Islam sebagai *Ad-Din*. Apabila disebut “agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”, orang-orang bukan Islam mendakwa bukan sahaja mereka diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan dan upacara-upacara agama mereka akan tetapi cara hidup mereka. Mereka tidak mahu undang-undang Islam dikenakan kepada mereka dan lebih suka mengikut undang-undang Inggeris. Jika ini makna

yang diberi kepada perkataan "agama" oleh orang-orang yang bukan Islam, maka umat Islam lebih berhak memberi makna yang luas kepada "Islam" sebagai agama Persekutuan.

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan, "*Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada fasal (4) mengembangkan ugamanya.*" Daripada peruntukan ini jelaslah umat Islam berhak menganuti dan mengamalkan agamanya sebagai suatu cara hidup. Fasal (4) menyebutkan undang-undang boleh dibuat untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama lain terhadap penganut Islam.

Jika dirujuk kepada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia, terdapat beberapa kes lama yang memberi makna sempit kepada perkataan "*Islam ialah ugama bagi Persekutuan*". Dalam kes Che Omar bin Che Soh Iwn Pendakwa Raya [1988] 2 MLJ 55, hujah yang dibuat bagi pihak perayu ialah hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedor dadah berbahaya dan memiliki senjata api adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan secara tidak langsung ia terbatal.

Dihujahkan juga bahawa oleh kerana Islam adalah agama bagi Persekutuan, maka hukuman mati mandatori adalah berlawanan dengan ajaran Islam kerana ia tidak termasuk di bawah kesalahan *hudud* atau *qisas*, oleh itu hukuman tersebut tidak sah mengikut Perlembagaan. Sungguhpun begitu, Tun Salleh Abas, Ketua Hakim Negara ketika memberikan penghakiman telah mengakui bahawa tidak syak lagi Islam bukan hanya kumpulan kepercayaan dan upacara agama sahaja tetapi cara hidup yang lengkap termasuk semua bidang sama ada peribadi atau umum, perundangan, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, moral atau kehakiman. Cara mengatur kehidupan termasuk hukum-hukum dan akhlak semuanya berpandu kepada wahyu dari Allah yang terdapat dalam al-Qur'an dan Hadith Nabi SAW. Namun begitu, beliau mempersoalkan adakah itu makna Islam yang dimaksudkan oleh penggubal Perlembagaan?

Beliau telah kembali merujuk kepada sejarah kemasukan British di Malaysia sebagai penjajah yang mana mereka telah membahagikan agama kepada dua jenis, satu dari segi peribadi dan satu dari segi awam. Dalam semua perkara awam termasuk undang-undang pentadbiran dan kehakiman, mereka telah mengenepikan Islam dan mengikut cara yang sekular. Sementara itu, undang-undang Islam telah diasingkan dalam lingkungan yang sempit meliputi undang-undang perkahwinan, perceraian dan warisan. Inilah makna “Islam” yang dimaksudkan oleh penggubal Perlembagaan menurut beliau.

Oleh kerana itu, beliau berhujah bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan tidak boleh dijadikan hujah untuk membatalkan hukuman mati bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya atau mana-mana kesalahan lain dengan asas berlawanan dengan Islam, ini kerana ia berlawanan dengan maksud Islam dalam Perlembagaan sendiri.

Penghakiman yang dibuat oleh Yang Arif Hakim ketika itu jelas menunjukkan beliau masih terikat dengan konsep penjajah dan tidak menimbangkan bahawa Malaysia telah merdeka dan tidak lagi di bawah kuasa penjajahan.

Justeru, dalam konteks hari ini, terutamanya selepas kes Lina Joy pada tahun 2007 diputuskan, inilah masanya untuk kita mengetengahkan perundangan Islam yang lebih komprehensif. Kita sendiri melihat bagaimana Tun Ahmad Fairuz Syeikh Abdul Halim, Ketua Hakim Negara pada ketika itu, memberi alasan penghakiman terhadap penolakan rayuan Lina Joy. Beliau berpandangan bahawa adalah perlu jika seseorang itu masuk Islam dengan undang-undang Islam, maka hendaklah keluar daripada Islam juga melalui proses perundangan Islam. Dengan itu, sudah tiba masanya kita memahami bahawa “Islam ugama bagi Persekutuan” seperti yang termaktub dalam Perlembagaan itu sebagai Islam yang menyeluruh dan komprehensif.

MALAYSIA: NEGARA ISLAM BERLANDASKAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH

Malaysia adalah sebuah Negara Islam yang berteraskan dasar Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Aqidah, Syariah dan Akhlak ummah sentiasa dipelihara agar selari dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam dasar tersebut. Dasar ini jelas termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Manakala tafsiran ‘Islam’ dalam perlembagaan telah diperincikan lagi menerusi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah antara lain juga telah menetapkan keputusan seperti berikut:

- a) Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.
- b) Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa:

- i. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak
- ii. Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut:

“Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertiannya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, syariah dan Akhlak”

- iii. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah dilarang
- iv. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam Hukum Syarak yang berdasarkan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja
- v. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah diharamkan

Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Dalam konteks nusus perkataan Ahli Sunnah dalam bahasa Arab bererti pengikut atau pendukung Sunnah Rasulullah. Perkataan "Jamaah" pula merujuk kepada jamaah Rasul bersama Sahabat, *Tabi'in*, *Tabi'ut Tabi'in* dan orang Islam yang mewarisi Islam menurut cara dan pendekatan mereka itu. Hakikat ini bertepatan dengan Hadith Nabi SAW:

عَلَيْكُمْ بِسْنَتِي وَسُنَّةَ الْخَلَفَاءِ الْمَهْدِيَّينَ الرَّاشِدِينَ تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَصُّوْا عَلَيْهَا بِالنَّوْاجِذِ

Bermaksud: *Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Kamu gigitlah dengan geraham (kamu berpeganglah bersungguh-sungguh).*

(Riwayat Abu Daud)

Rasulullah SAW juga bersabda:

تَرْكُتُ فِيهِمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكُتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Bermaksud: *Aku tinggal pada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.*

(Riwayat Imam Malik)

Kita juga dapat bahawa terminologi Ahli Sunnah Wal-Jamaah mempunyai sokongan yang implisit dan eksplisit di dalam al-Qur'an. Umat Islam diperintahkan mentaati Allah dan mengikut Sunnah Rasul-Nya dengan menjadikan kedua-duanya sebagai rujukan utama, firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ هُمُ الْمُرْسَلُونَ
الْأَمْرُ مِنْ كُوْنِكُمْ فِي إِنْ تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَأَيْمَوْمُ الْآخِرَةِ لَكَ خَيْرٌ وَأَحَسَنُ تَوْبَةً لَّا
⑤٩

(Surah al-Nisaa': 59)

Bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikan kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul-Nya (Sunnah). Jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat.*

Daripada matan yang disebutkan tadi sama ada al-Qur'an atau al-Hadith menunjukkan betapa jelas dan kuatnya gesaan supaya berpegang dan menghayati sunnah Nabi SAW dan menjadikan para sahabat RA sebagai manhaj dan rujukan dalam mengamalkan ajaran Islam. Maka boleh diambil satu kesimpulan bahawa Ahli Sunnah Wal-Jamaah bermakna jamaah umat Islam yang majoritinya (*al-sawad al-a'zam*) berlitzam kepada al-Qur'an dan al-Sunnah mengikut pemahaman yang diajarkan oleh Nabi SAW. Pemahaman ini dipegang dan dihayati oleh sahabat, *tabi'in*, *tabi'ut tabi'in* dan orang Islam yang mewarisi mereka itu sehingga ke hari ini. Nama ini juga membezakan golongan terbesar umat Islam dengan golongan yang tidak berpegang kepada manhaj yang betul atau sunnah Nabi SAW terutamanya dalam perihal yang berkaitan dengan aqidah.

Dalam perspektif ini, bagi golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah, para sahabat dan *tabi'in* adalah sebenarnya pendukung dan penegak Sunnah. Oleh itu merekalah pengasas Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Maka

kewujudan Ahli Sunnah Wal-jamaah selepas itu sebagai kelangsungan dan kesinambungan wujudnya para pendukung dan penjunjung Islam yang telah dirintis sejak zaman Rasulullah SAW. Ia diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi. Mereka berjuang bagi menjamin kemurnian Islam sentiasa terpelihara di atas landasan kebenaran²³.

Pendapat Para Ulama Tentang Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Para ulama memberikan banyak takrifan berkenaan istilah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, antaranya seperti berikut:

- i. Mereka yang berpegang dengan sunnah Nabi SAW, para sahabatnya dan yang mengikut mereka serta berjalan mengikut perjalanan mereka dalam aqidah, ucapan dan amalan. Mereka juga beristiqamah dalam mengikut sunnah dan menjauhi daripada bid'ah. Mereka kekal untuk memenangkan dan dimenangkan sehingga hari kiamat. Maka ikutan mereka adalah mendapat petunjuk sedangkan menyalahi mereka merupakan kesesatan²⁴.
 - ii. Mereka ialah yang mengikut cara Rasulullah SAW, para sahabatnya dan sekali-kali tidak melakukan bid'ah dalam urusan agama di samping tidak menyalahi cara Rasulullah SAW²⁵.
 - iii. Mereka yang berpegang dengan sunnah seperti pegangan para sahabat sebelum munculnya perkara bid'ah seperti yang dilakukan oleh golongan muktazilah, Syiah Rafidah dan lain-lainnya. Pemimpin utama mereka iaitu 2 orang, iaitu:
- a) Imam Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi yang bermazhab Hanafi. Mempunyai kitab dan karya seperti Kitab **Tauhid, Maqolat** dan kitab **Takwilat al-Quran**. Meninggal dunia pada tahun 333 Hijrah.

²³ Ringkasan daripada kertas kerja Abdul Shukor Husin (1998). Ahli Sunnah Wal-Jamaah Pemahaman Semula, Bangi: UKM, h. 16.

²⁴ Lihat al-Wajiz fi-Aqidat al-Salaf al-Soleh, h. 25.

²⁵ Lihat al-Insaf fi Haqiqat al-Auliya' wa Ma Lahum min al-Karamah wa al-Altaf, h. 51.

- b) Abu Hasan Ali bin Ismail al-Asya'ari bermazhab Syafi'i yang lahir pada tahun 262 Hijrah. Pada awalnya mengikut mazhab Juba'ie dalam fahaman Muktazilah selama hampir 40 tahun kemudian meninggalkannya serta membangkang fahaman Muktazilah berdasarkan hujah Sunnah. Beliau adalah pemimpin utama fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Meninggal dunia pada tahun 330 Hijrah²⁶.
- iv. Apabila disebut nama Ahli Sunnah secara umum, maka maksudnya adalah Asya'irah (para pengikut faham Abu al-Hasan al-Asy'ari) dan Maturidiyah (para pengikut faham Abu Mansur al-Maturidi)²⁷.
- v. Dan Ahlul-Haqq (orang-orang yang berjalan di atas kebenaran) adalah gambaran tentang Ahli Sunnah Asya'irah dan Maturidiyah, atau maksudnya mereka adalah orang-orang yang berada di atas sunnah Rasulullah SAW, maka mencakup orang-orang yang hidup sebelum munculnya dua orang syaikh tersebut, iaitu Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi²⁸.
- vi. Bahawa kumpulan-kumpulan Ahli Sunnah ada tiga iaitu Asya'irah, Hanabilah dan Maturidiyah berasaskan dalil diiringkan golongan Hanabilah kepada golongan Asya'irah dalam kitab-kitab ilmu kalam dan diiringkan golongan Asya'irah kepada golongan Hanabilah dalam kitab-kitab Hanabilah²⁹.
- vii. Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu tiga kumpulan, al-Athariyyah, imam mereka ialah Ahmad bin Hanbal, al-Asy'ariyah, imam mereka Abu al-Hasan al-Asy'ari dan al-Maturidiyah, imam mereka Abu Mansur al-Maturidi³⁰.

²⁶ Lihat Qawaaid al-Fiqh, j. 1, h. 197.

²⁷ Lihat Ittihaaf Sadat al-Muttaqin, Muhammad Az-Zabidi, juz 2, h. 6 nukilan K.H. Siradjuddin Abbas dalam I'tiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah, h. 17.

²⁸ Lihat Hasyiyah Al-'Adwi, j. 1, h. 105.

²⁹ Lihat al-Mawahibi al-Hanbali, al-'Ayn wa al-Athar fi 'Aqa'id Ahl al-Athar, h. 53.

³⁰ Lihat Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyah, h. 73.

Keputusan Panel Kajian Aqidah JAKIM

Selepas mengadakan perbincangan dalam Bengkel Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Panel Kajian Aqidah JAKIM bertarikh 28 Disember 2010 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, panel telah memutuskan bahawa definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah ialah:

“Golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip aqidah, syariah dan akhlak”.³¹

Penjelasan definisi:

- a) Mereka adalah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah salaf dan khalaf (Asya'irah dan Maturidiyyah).
- b) Mereka adalah golongan berfahaman sederhana (*wasatiyyah*), tidak melampau dan tidak terlalu longgar, ini mengeluarkan Khawarij, Syiah Rafidah, Qadariyyah, Jabariyyah, Muktazilah, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya.
- c) Mereka ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam.

Sekilas Sejarah Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia

Perkembangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia adalah seiring dengan perluasan pengaruh mazhab Asya'irah-Maturidiyah di Nusantara. Pada zaman keagungan Aceh sejak abad ke-17, berkembanglah aliran Kalam dalam pengajian Usul al-Din, baik menurut fahaman Asya'irah

³¹ Cawangan Akidah (2011a), “Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah”, (Kertas Mesyuarat Panel Kajian Akidah kali ke-42, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

mahupun Maturidiyah. Antara tokoh yang mempeloporinya ialah Bukhari al-Jawhari pengarang Kitab *Taj al-Salatin* yang membahaskan tentang mengenal diri dan Tuhan sebagaimana yang terkandung dalam ajaran Imam al-Ghazali. Kitab ini bukan sahaja dianggap sebagai kitab pertama yang menonjolkan fahaman Asya'irah menurut tafsiran Imam al-Ghazali bahkan mungkin merupakan kitab pertama dalam Bahasa Melayu yang diketahui nama penyusunnya.

Selain itu terdapat dua orang ulama besar yang membahaskan persoalan Kalam ini, iaitu Syeikh Nur al-Din al-Raniri (1658) dan Syeikh Abd al-Rauf Fansuri (1620-1693). Mengenai Nur al-Din beliau membincangkan fahaman Maturidiyah yang bermazhab Hanafi dengan menterjemahkan kitab *Syarh al-'Aqaid al-Nasafiyah* oleh Sa'd al-Din al-Taftazani dan diberi judul *Durrat al-Fara'id bi Syarh al-'Aqaid*. Sebenarnya kitab al-Taftazani ini berasaskan karangan 'Umar ibn Muhammad al-Nasafi (m. 1143). Al-Nasafi dan al-Taftazani adalah ulama Hanafiyah dalam bidang fiqh.

Pengaruh ajaran Maturidiyah juga dapat dilihat dalam karya Nur al-Din al-Raniri yang berjudul *Hidayat al-Imam* yang membincangkan masalah zat, sifat dan perbuatan Allah SWT serta kebenaran Rasul dan rukun Islam yang lima. Sewaktu membahaskan persoalan zat dan sifat Allah itu, beliau turut terbawa-bawa dengan pembahagian sifat ma'ani dan ma'nawiyah yang dikatakan pengaruh Maturidiyah, kerana dalam ajaran Asya'irah tidak terdapat sifat-sifat itu.

Mengenai Abdul al-Rauf Fansuri yang juga dikenali dengan nama Abdul Rauf Singkil, kuperasannya tentang Ilmu Kalam terkandung dalam kitab tasawufnya yang bertajuk *Umdat al-Muhtajin* yang dianggap sebagai ulama yang pertama mengajarkan Sifat Dua Puluh. Beliau mengupas sifat wajib, mustahil dan harus atau *jaiz* bagi Allah SWT. Mengenai sifat wajib yang berjumlah dua puluh itu beliau membahagikannya kepada empat kategori: *Nafsiyah*, *Salbiah*, *Ma'ani* dan *Ma'nawiyah*. Selain itu beliau juga menyentuh tentang sifat yang wajib dan mustahil bagi Rasulullah SAW.

Pada abad ke-18, Muhammad Zayn Faqih Jalal al-Din al-Ashi telah menterjemahkan serta mengubah suai kitab yang bertajuk *al-Barahin* oleh al-Sanusi yang membahas tentang ajaran Sifat Dua Puluh kemudian diberi tajuk *Bidayat al-Hidayah*. Selepas itu muncullah beberapa buah kitab tentang Ilmu Kalam yang berdasarkan kitab *Umm al-Barahin* itu. Antaranya ialah *Zuhrat al-Murid fi Bayani Kalimat al-Tawhid* oleh Abd al-Samad al-Falimbani pada tahun 1764 di Makkah. Syeikh Nawawi Bentan juga ada menyusun sebuah kitab syarah *Umm al-Barahin* yang bertajuk *Zari'at al-Yaqin*.

Kemudian pada abad ke-19 muncul lagi kitab-kitab Ilmu Kalam yang membahaskan tentang ajaran Sifat Dua Puluh itu. Antara kitab yang terpenting ialah "Ini Kitab Sifat Dua Puluh", oleh Sayid Uthman Ibnu Yahya al-Betawi pada tahun 1886. Begitu juga kitab bertajuk *Siraj al-Huda* yang disusun oleh Muhammad Zayn al-Din ibn Muhammad Badawi al-Sambawi sekitar tahun 1885-1886 dan juga kitab yang bertajuk *Aqidah al-Najin* yang ditulis oleh Zayn al-'Abidin Muhammad al-Fatani pada tahun 1890.

Pada abad ke-20 juga terdapat seorang alim yang produktif dalam bidang penulisan iaitu Syeikh Dawud ibn 'Abdullah al-Fatani. Antara kitab-kitabnya yang membahas tentang Sifat Dua Puluh ialah *al-Durr al-Thamin* dan sebuah kitab tulisan tangan bertajuk Sifat Dua Puluh. Di Kelantan terdapat tokoh Haji 'Abd al-Samad ibn Muhammad Salih (1840-1891), yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal turut membahaskan masalah Sifat Dua Puluh dalam kitabnya yang bertajuk *Bi Kifayat al-'Awwam*. Di Kedah pula terdapat seorang ulama yang berasal daripada keturunan Muhammad Arshad al-Banjari iaitu Muhammad Tayb ibn Mas'ud al-Banjari yang membahaskan ajaran Sifat Dua Puluh dalam kitabnya bertajuk *Miftah al-Jannah*³².

³² Lihat: Abdul Rahman Hj. Abdullah(1998), Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fakta-fakta ini, jelas menunjukkan betapa umat Melayu Islam di Tanah Melayu, telah turun temurun menganut fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah berteraskan aqidah al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Oleh itu apa jua aqidah yang bersalahan dengan disiplin ini akan ditentang atas alasan ianya bercanggah dengan asas-asas aqidah Islam yang boleh menjerumuskan seseorang ke lembah kesesatan.

Kesimpulannya, anutan Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi tradisi di Malaysia adalah dirujuk kepada pengikut mazhab fiqh beraliran Syafi'iyyah dan dari segi teologinya beraliran Asya'irah. Manakala dari segi akhlak atau rohaniahnya adalah dipengaruhi oleh pandangan-pandangan Imam al-Ghazali (505H)³³. Kitab *al-Farqu Baina al-Firaq* karangan al-Baghdadi berkenaan takrif golongan Ahli Sunnah juga sering dijadikan rujukan majoriti pengkaji mazhab dan aliran pemikiran aqidah di dunia Islam terutama dalam menyokong pandangan yang mengatakan bahawa pelopor Ahli Sunnah adalah bermula dengan dua orang tokoh Islam terkemuka iaitu Abu Hasan al-Asy'ari (334H) dan Abu Mansur al-Maturidi (333H)³⁴.

AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH: AQIDAH WASATIYYAH DEFINISI AQIDAH

Aqidah dari sudut bahasa berasal daripada perkataan (العقد) iaitu ikatan dan simpulan yang kuat, antara ertinya juga adalah kemuktamadan, keyakinan, pegangan, keutuhan dan kepercayaan³⁵. Jadi, apa yang ditetapkan oleh seseorang insan dalam hatinya secara muktamad maka disebut aqidah.

Sehubungan dengan itu, aqidah dari sudut istilah yang am adalah kepercayaan atau keimanan yang muktamad tanpa sedikit pun rasa

³³ Uthman el-Muhammady (1995). Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan Yang Mengamalkan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Kuala Lumpur: BAHEIS.

³⁴ Abdul Shukor Husin (1998). Ahli Sunnah Wal-Jamaah Pemahaman Semula, Bangi: UKM, h. 15.

³⁵ Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (t.t), Lisan al-'Arab, Beirut: Dar Sadir, j.3, h. 295-300.

syak dan ragu-ragu bagi orang yang berpegang kepada kepercayaan itu. Takrifan ini adalah umum merangkumi kepercayaan aqidah yang hak mahupun yang batil (palsu), apa yang penting adalah aqidah yang dipegang di dalam hati penganut aqidah tersebut.

Manakala aqidah Islamiyyah, adalah istilah khusus yang merujuk kepada keimanan yang teguh dan bersifat pasti kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala kewajiban, mentauhidkan-Nya dan taat kepada-Nya, beriman kepada para malaikat-Nya, para rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, hari akhirat, takdir baik dan buruk serta mengimani seluruh apa yang telah sahih tentang prinsip-prinsip agama atau usuluddin, perkara-perkara yang ghaib, beriman kepada apa yang menjadi *ijma'* salafussaleh, serta seluruh berita-berita *qat'i* (pasti), baik secara *'ilmiyah* mahupun secara *'amaliyah* yang telah ditetapkan menurut al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih serta *ijma'* para ulama³⁶.

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, aqidah Islam juga sering ditakrifkan sebagai satu ilmu yang mendedahkan kebatilan, keraguan dan pendustaan orang-orang musyrikin terhadap orang-orang yang beriman yang mempercayai Allah, malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab Allah, hari akhirat dan takdir baik serta buruk³⁷.

Ilmu aqidah Islam juga sering diberikan beberapa nama lain seperti berikut:

- a) Al-Fiqh al-Akbar: ia dinamakan begini oleh Imam Abu Hanifah dalam kitabnya *al-Fiqh al-Akbar*, yang mana beliau menyebut, "kefaqihan dalam agama lebih utama daripada kefaqihan dalam ilmu, kerana kefaqihan dalam agama itu *asal* (prinsip) manakala kefaqihan dalam ilmu itu *furu'* (cabang), sedang keutamaan *asal* atas *furu'* itu adalah sesuatu yang dimaklumi"³⁸.

³⁶ 'Aql, Na'ir bin 'Abd al-Karim (1419h), *Buhuth fi 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Saudi: Dar al-'Asimah, h. 13.

³⁷ Sa'id Ibrahim (1996), *'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah, h. 9.

³⁸ Duri, Qahtan al-(1996), *Usul al-Din al-Islami*, Amman: Dar al-Fikr, h. 14.

- b) Ilmu *al-nazar wa al-istidlal* : Digelar dengan nama ini kerana ia bersandar kepada manhaj pemerhatian fikiran dan kewarasan akal sebagai jalan untuk menetapkan asas-asas aqidah yang telah sabit dengan nas-nas agama³⁹.
- c) Tauhid dan Sifat: Disebutkan dengan nama ini kerana ia adalah perbahasan yang paling masyhur, paling utama dan paling serius dalam ilmu aqidah. Membincangkan soal berkaitan tauhid dan sifat-sifat ketuhanan⁴⁰.
- d) Ilmu ‘*aqa’id* : Disandar dengan nama ini kerana ia bertujuan untuk mengkaji aqidah-aqidah agama dan menetapkannya dengan dalil-dalil yang yakin serta mempertahankannya daripada segala kepercayaan dan pemikiran yang bertentangan dengannya⁴¹.
- e) *Usul al-Din*: Dinamakan begini kerana ia adalah prinsip pengetahuan agama. Dengan prinsip-prinsip tersebut agama terbina dan lahirnya cabang-cabang daripada prinsip-prinsip tersebut. Ia ilmu yang berperanan menjelaskan apa yang ditetapkan sebagai prinsip-prinsip agama dan rukun-rukun yang tidak sempurna iman tanpa kewujudannya. Ia berbeza dengan ilmu fiqh yang berfungsi menerangkan perkara cabang amali dalam agama. Juga berbeza dengan ilmu akhlak dan tasawuf yang menyentuh sudut perilaku dan akhlak berdasarkan rasa rohani dan kehalusan jiwa⁴².

Definisi Wasatiyyah dalam Aqidah

Wasatiyyah dalam aqidah adalah suatu manifestasi kesederhanaan dalam keadilan, istiqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan dalam prinsip-prinsip keimanan⁴³.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Ibid., h. 15.

⁴² Ibid.

⁴³ Al-Qaradawi mengatakan kesederhanaan (*wasatiyyah*) itu adalah adil, is iqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan. Lihat Qaradawi, Yusuf al-(2010), Kesederhanaan Dalam Islam, terj. Mohd Lokman & Hasan Basri, Seri Kembangan: Mj Production, h. 5-10.

Bahkan hukum *wasatiyyah* dalam aqidah adalah wajib sebagaimana yang diisyaratkan dalam beberapa firman Allah SWT yang menegah daripada sikap melampaui umat-umat terdahulu dalam beraqidah. Firman Allah SWT:

يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَىٰ
اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ

(Surah al-Nisaa': 171)

Bermaksud: “Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar”.

Begitu juga firman Allah SWT:

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ غَيْرُ الْحَقِّ وَلَا تَتَبَعُوا أَهْوَاءَ
قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوْ أَمْنَ قَبْلٍ وَأَضْلَلُوْ أَكْثِرًا وَضَلُّوْ أَعْنَ سَوَاءِ السَّبِيلِ

(Surah al-Ma'idah: 77)

Bermaksud: “Katakanlah: Wahai ahli Kitab! janganlah kamu melampaui dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul”.

Berdasarkan beberapa definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa *wasatiyyah* dalam aqidah boleh dibahaskan meliputi enam perkara pokok iaitu *wasatiyyah* dalam definisi iman, *wasatiyyah* dalam sumber aqidah, *wasatiyyah* dalam pendekatan ilmu aqidah, *wasatiyyah* dalam perkara *ilahiyyat*, *wasatiyyah* dalam perkara *nubuwwat* dan *wasatiyyah* dalam

perkara *ghaibiyat*. Keenam-enam perkara inilah yang perlu dilihat secara pandangan *wasatiyyah* sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Manhaj Wasatiyyah dalam Definisi Iman

Perkataan iman amat sinonim dengan perkataan aqidah. Ini kerana perbahasan utama aqidah adalah bertumpu kepada soal keimanan yang juga bermakna kepercayaan. Bagaimanapun, definisi iman yang terlampau ketat atau terlampau longgar boleh memberi implikasi kepada pegangan aqidah. Manhaj *wasatiyyah* berada di pertengahan antara golongan-golongan tersebut.

Golongan pertama mendakwa iman itu bertempat di hati dan di lidah semata-mata. Cukup bagi seseorang apabila ia mengaku beriman di dalam hati dan dilafaz dengan lidah, maka dia menjadi mukmin yang sempurna dan tiada seorang pun yang boleh mempertikaikan keimanannya selepas itu walaupun dia melakukan perkara-perkara yang boleh membantalkan iman. Dalam sejarah teologi Islam, golongan ini dinamakan sebagai kelompok Murji'ah.

Golongan kedua pula mengatakan bahawa iman itu terletak pada amal perbuatan seseorang. Apabila seseorang itu melakukan dosa terutamanya dosa besar, maka tergelincirlah keimanannya dan dia menjadi kafir. Dalam sejarah teologi Islam, golongan ini dinamakan sebagai kelompok Khawarij.

Implikasi bagi golongan pertama adalah, amal perbuatan tidak akan diambil kira sebagai pembuktian dalam soal aqidah dan keimanan. Ini bermakna, seseorang yang dilihat pada zahir kehidupannya tidak mengamalkan Islam seperti minum arak, berzina, menolak hukum hudud, berfikiran terbuka seperti menerima pluralisme agama dan lain-lain adalah dianggap masih dalam keimanan yang sempurna selagi mana masih ada iman dalam hati dan lidahnya mengaku beriman.

Implikasi bagi golongan kedua pula ialah, amalan hati dan perakuan lidah tidak akan diambil kira, selagi mana dia telah melakukan dosa besar seperti berzina, minum arak, melantik pemimpin yang zalim dan tidak berhukum dengan hukum Allah maka dianggap sebagai kafir terkeluar daripada Islam.

Kesilapan kedua-dua golongan ialah wujudnya keterlampauan dalam memahami definisi iman, di antara iman itu di dalam hati dan ucapan lidah, dengan iman itu pada amal perbuatan. Dengan pendekatan *wasatiyyah*, pandangan kedua-dua golongan ini tidak ditolak secara total dan tidak juga diterima secara total, tetapi kedua-duanya diseimbangkan.

Manhaj *wasatiyyah* mengatakan iman itu adalah pemberian dengan hati, perakuan dengan lisan dan beramal dengan anggota badan. Ia adalah pandangan majoriti Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Al-Khallal meriwayatkan daripada Imam Ahmad bin Hanbal tentang penjelasan iman:

“Adalah Ahmad bin Hanbal berpandangan bahawa iman itu ucapan dengan lisan, beramal dengan anggota badan dan iktikad dengan hati, ia bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan kemaksiatan, menjadi kuat dengan ilmu dan menjadi lemah dengan kejahilan, dengan hidayah Allah seseorang boleh mencapai iman, bahawa iman itu kata nama yang merangkumi perkara-perkara yang dinamakan yang banyak, terdiri daripada perbuatan dan perkataan. Beliau menyebut hadith daripada Nabi SAW yang bersabda, Iman itu lebih daripada tujuh puluh cabang, sebaik-baiknya adalah ucapan ‘tiada tuhan melainkan Allah’ dan serendah-rendahnya membuang perkara yang memudarangkan di jalanan. Di sisi beliau, solat juga termasuk erti kata iman, begitu juga membaca al-Qur'an”⁴⁴.

Malah al-Lalaka'i telah meriwayatkan daripada Imam al-Syafi'i berkenaan ijmak dalam kalangan para sahabat dan *al-tabi'in* bahawa

⁴⁴ Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1408h), al-'Aqidah Riwayah Abi Bakr al-Khallal, Dimashq: Dar Qutaybah, h. 117.

iman itu adalah ucapan, amalan dan niat. Ia seperitimana ungkapan Imam al-Syafi'i: "Dan telah berlaku *ijmak* (kesepakatan) dalam kalangan para sahabat dan *al-tabi'in* yang datang selepas mereka yang sempat ditemui oleh kami: bahawa iman itu ialah ucapan, amalan dan niat. Setiap satu daripada tiga tidak memadai tanpa yang lainnya"⁴⁵.

Bagi Ahli al-Sunnah Wal-Jamaah, amal perbuatan juga termasuk dalam hakikat iman bahkan tiada iman yang sempurna tanpa amalan. Fahaman ini jelas berasaskan kepada nas-nas yang banyak dalam al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya ialah firman Allah SWT ketika menjelaskan sejumlah sifat golongan yang bertakwa dalam kalangan orang mukmin. Firman Allah SWT:

لَيْسَ الِّبَرَأَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ
 وَلَا كِنَّ الِّبَرَّ مِنْ إِيمَانَ بِإِلَهٍ وَآتَيْمَ الْآخِرِ وَالْمَلَئِكَةِ
 وَالْكِتَبِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذُو الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى
 وَالْمَسَكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ
 الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكُوَةَ وَالْمُؤْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
 وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ أَبْأَسُوا لَيْكَ الَّذِينَ
 صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ (٧٧)

(Surah al-Baqarah: 177)

Bermaksud: "Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala

⁴⁵ Lalakal'i, Hibah Allah bin al-Hasan al-(1402h), Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma' al-Sahabah, j.1. Riyad: Dar al-Tayyibah, h. 887.

kitab, dan sekalian nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi; dan yang mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. Orang yang demikian, mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertakwa”.

Ayat ini jelas memasukkan amal perbuatan seperti mendermakan harta, mendirikan solat, menunaikan zakat, menyempurnakan janji dan berjihad pada jalan Allah ke dalam pengertian iman. Di penghujung ayat, Allah SWT mengiktiraf mereka sebagai golongan yang benar. Menurut al-Baghawi dan al-Suyuti, maksud golongan yang benar iaitu golongan yang benar dalam keimanan mereka⁴⁶.

Malah menurut al-Qaradhwai, walau bagaimana sekalipun perselisihan para ulama kalam dalam membahaskan kaitan iman dengan amal perbuatan, sama ada amal perbuatan itu sebahagian daripada erti iman atau syaratnya atau hasil daripada hasilan iman, kesemua mereka bersepakat bahawa amal perbuatan adalah bahagian yang tidak terpisah daripada iman yang sempurna⁴⁷.

Manhaj Wasatiyyah dalam Sumber Aqidah

Sumber aqidah Islam, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith sebagai dua sumber yang terpelihara kandungan dan maksudnya⁴⁸. Kedua-dua sumber ini berdasarkan Hadith Rasulullah SAW yang masyhur bermaksud:

⁴⁶ Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-(t.t), Tafsir al-Baghawi al-Musamma Ma'alim al-Tanzil, j.4. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 144; al-Sayuti wa al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad wa 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr (t.t) Tafsir al-Jalalayn, Kaherah: Dar al-Hadith, h. 36.

⁴⁷ Qaradawi, Yusuf al-(2006), al-Iman wa al-Hayah, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 293.

⁴⁸ Sebahagian ulama memasukkan ijmak juga sebagai sumber aqidah. Bagaimanapun ijma' bukanlah sumber yang berasingan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana ijmak berlaku atas kefahaman para ulama berdasarkan nusus al-Qur'an dan al-Sunnah.

“Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku tinggalkan bagi kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selepas kedua-duanya, Kitabullah dan Sunnah-ku, kedua-duanya tidak akan terpisah sehingga menemuiku di haudh (telaga di syurga)”⁴⁹.

Ia juga disokong oleh dua lagi sumber ilmu yang diiktiraf keupayaannya iaitu akal dan deria. Kedua-duanya adalah termasuk dalam perkara yang dikategorikan sebagai *asbab al-ilmi* atau sumber-sumber ilmu dalam aqidah. Imam al-Taftazani mengatakan sumber-sumber ilmu ada tiga iaitu *al-khabar al-sadiq* (perkhabarhan yang benar iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah), *al-'aql* (akal) dan *al-hawas* (pancaindera)⁵⁰. Bagaimanapun keupayaan akal dan pancaindera dalam mensabitkan aqidah adalah tertakluk kepada kemampuannya selagi mana tidak bercanggah dengan nas-nas al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW yang sahih. Malah sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah tetap menjadi asas yang utama, jalan yang tiada pilihan kecuali berpegang kepada mereka dalam segenap kehidupan bagi mengenali hakikat-hakikat yang tidak mungkin dirungkaikan oleh manusia menerusi pancaindera mahupun akal yang sejahtera⁵¹.

Oleh itu, sumber aqidah menurut manhaj *wasati* adalah berada di pertengahan antara mengambil aqidah menerusi zahir nusus al-Qur'an dan Hadith sahih semata-mata tanpa penghayatan akal, dengan mengambil aqidah hanya menerusi akal di samping mengenepikan nas ketika bertembung dengan kewarasan akal.

Dalam sejarah teologi Islam, memang telah wujud pertembungan antara golongan yang membataskan akal dalam menerima aqidah

⁴⁹ Hadith ini diriwayatkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak (no. 319), al-Daruqutni dalam al-Sunan (no. 149) dan al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (no. 20124). Menurut Ibn 'Abd al-Bar, "Hadith ini terpelihara, dimaklumi dan masyhur daripada Nabi SAW, di sisi para ulama ianya masyhur sehingga hampir tidak memerlukan sanad...". Ibn 'Abd al-Barr (1387h), al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid, al-Maghrib: Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, j 24, h. 331.

⁵⁰ Taftazani, Sa'd al-Din al-(1988), Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah, Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, h. 15.

⁵¹ Habannakah, 'Abd al-Rahman Hasan (1979), al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah, Dimasyq: Dar al-Qalam, h. 41.

semata-mata melalui zahir nusus al-Qur'an dan al-Sunnah, dengan golongan yang melampau dalam menggunakan akal sehingga ke peringkat mengutamakan akal mengatasi nusus al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebagai contoh, golongan Muktazilah memberi keutamaan kepada kewibawaan akal dan mensekunderkan teks al-Qur'an dan al-Hadith. Ahli falsafah Islam pula berpegang sepenuhnya kepada dalil aqli dan unsur-unsur agama ditafsirkan mengikut pendekatan akal dan falsafi. Pada awal kurun ke-4 Hijrah ketika kekuatan pengaruh Muktazilah masih di puncak, muncul dua orang tokoh ulama Islam yang sangat terkenal kewibawaannya dalam membela dan mempertahankan Ahli Sunnah Wal-Jamaah daripada dipermain-mainkan oleh golongan yang menyeleweng. Mereka ialah Abu Hasan al-Asy'ari (260H - 330H) dan Abu Mansur Maturidi (w. 333H).

Kedua-dua tokoh ini terutama al-Asy'ari muncul dalam suasana kemelut dan pertarungan yang berlaku di antara golongan Muktazilah yang diasaskan oleh Abu Huzaifah Wasil bin 'Ata. Abu Huzaifah sangat yakin dengan kewibawaan akal dalam menangani isu aqidah manakala golongan Mujassimah (*anthropomorphists*) dan Karramiah terus berpegang kepada pendekatan lafzi atau literal. Abu Hasan al-Asy'ari sangat gigih dan berani membenteras segala fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Kesederhanaan sikap dan pendekatan al-Asy'ari ternyata apabila beliau menolak kedua-dua golongan di atas yang dianggap keterlaluan. Beliau menerima pendekatan Ahli Salaf dan pendekatan akal dalam memahami teks (nusus) agama tetapi tidak sampai ke tahap peranan dan kewibawaan akal dalam kalangan Muktazilah. Al-Asy'ari juga tidak menerima manhaj literal dalam memahami aqidah Islam seperti yang dianuti oleh golongan Mujassimah dan Karramiah⁵².

⁵² Abdul Shukor Husin (1998), Ahli Sunah Wal-Jamaah Pemahaman Semula, Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 25.bd al-Rahman Hasan (1979), al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah, Dimasyq: Dar al-Qalam, h. 41.

Pendekatan *wasatiyyah* ini terkandung dalam dua ungkapan al-Asy'ari. Pertama, manhaj dan dasar agama yang kita berpegang dengannya ialah Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnah Nabi kita Muhammad SAW dan apa yang diriwayatkan oleh para Sahabat, *Tabi'in* dan Imam-imam Hadith. Kita berpegang dengan apa yang dikatakan oleh Imam Abdullah Ahmad bin Hanbal (W.241H.) dan sesiapa yang menentang atau menyalahi pendapatnya maka dia menyalahi prinsip-prinsip di atas⁵³.

Kedua, beliau menyatakan bahawa sesungguhnya ada segolongan manusia yang menjadikan kejahilan sebagai asas pegangan. Mereka lebih cenderung bertaklid, mengkritik sesiapa jua yang menganalisis dasar agama dan menganggap perbuatan itu menyeleweng. Dalam menentukan masalah agama, hendaklah dikembalikan kepada sumbernya yang disampaikan iaitu wahyu, begitu juga masalah yang berkaitan akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumbernya. Ia tidak boleh dicampur aduk antara masalah *aqliyyah* dengan masalah *sam'iyyah* begitu juga sebaliknya⁵⁴.

Kedua-dua ungkapan al-Asy'ari tadi, jelas menunjukkan sikap kesederhanaan beliau. Dalam ungkapan pertama, beliau tidak mahu memberikan wibawa secara mutlak kepada akal sekalipun untuk memperkuatkan agama atau aqidah. Oleh itu, beliau menekankan tentang perlunya umat Islam kembali berpegang pada nusus agama tanpa membuat takwilan yang jauh. Menurut al-Asy'ari, manhaj Ahli Salaf merupakan sebaik-baik manhaj bagi umat Islam untuk diikuti dan Imam Ahmad bin Hanbal adalah sebaik-baik contoh ikutan dalam menghayati manhaj tersebut.

Beliau berjuang bersungguh-sungguh untuk menghidupkan kembali manhaj Ahli Salaf yang telah diterima dan dihayati oleh generasi

⁵³ Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1977), Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah, Kaherah: Dar al-Ansar, h. 20.

⁵⁴ Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1995), Risalah Istihsan al-Khawdh fi 'Ilm al-Kalam, Beirut: Dar al-Masyari', h. 47-48.

pertama muslim sebelum bertapaknya aliran Muktazilah. Manakala dalam ungkapan kedua, al-Asy'ari bersikap lebih terbuka dan menentang fikiran yang jumud dan taklid buta. Pada masa beliau mengajak masyarakat Islam kembali kepada manhaj Ahli Salaf, beliau juga mengajak masyarakat Islam memberikan perhatian dan tempat kepada peranan akal dalam mengukuhkan agama dan aqidah yang dinyatakan oleh nusus agama.

Beliau berpendapat bahawa dengan adanya paduan antara aqli dan naqli, adalah lebih mudah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Islam tentang aqidah dan sekaligus memudahkan pula penyebarannya kepada masyarakat yang belum Islam. Walaupun demikian keterbukaan al-Asy'ari, beliau tetap mengutamakan nusus daripada akal. Ini jelas apabila berlaku percanggahan di antara akal dan naql dalam sesuatu isu aqidah, maka nusus mestilah diutamakan kerana nusus lebih berwibawa dan muktamad⁵⁵.

Dalam konteks Malaysia, manhaj *wasatiyyah* sangat penting bagi menyeimbangkan antara aliran literalisme, liberalisme dan sufisme⁵⁶ dalam mengambil sumber aqidah. Bagi aliran literalis, mereka menolak perbahasan aqli dalam menetapkan kebenaran aqidah Islam, apatah lagi perbahasan saintifik yang semakin mendapat tempat dalam kalangan sebahagian umat Islam pada zaman moden ini. Golongan ini terlampau *rigid* sehingga menolak secara total sebarang unsur-unsur luar yang

⁵⁵ Abdul Shukor Husin (1998), op. cit, h. 26-27.

⁵⁶ Aliran sufisme di sini bermaksud penganut tarekat sufi yang ekstrem sehingga mengutamakan pengalaman-pengalaman rohani guru mereka dari diri sendiri melebihi nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah dalam mengambil sumber aqidah. Imam al-Ghazali menuliskan daripada Sahi bahawa setiap wujud atau zawaq (naluri atau perasaan) yang tidak diperakui oleh al-Kitab dan al-Sunnah maka ianya batil. Ghazali, Abu Hamid al-(t.t), hya"Ulum al-Din, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j.2, h. 302. Imam al-Qusyairi pula mengatakan bahawa barangsiapa yang tidak menghafaz al-Qur'an dan tidak menulis Hadith, dia tidak boleh diikuti pada urusan (kesufian) ini, kerana ilmu kita ini terikat dengan al-Kitab dan al-Sunnah. Qusyairi, 'Abd al-Karim bin Hawazin (2001), al-Risalah al-Qusyairiyah, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 51. Berkenaan kedudukan tarekat, setelah banyak kajian dibuat, kerajaan berpendirian bahawa kerajaan tidak mengiktiraf atau merekemendasi mana-mana tarekat tertentu kerana dibimbangi ada berlaku penyelewengan dalam aspek tertentu. Bagaimanapun mana-mana tarekat yang tidak diharamkan adalah kekal pada hukum harus, kecuali setelah terbukti wujudnya penyelewengan. Abdul Hamid Yunus (2010), Asas Rujukan Dalam Bidang Akidah Islam, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 26.

dikatakan boleh mencarik kesucian sumber asli aqidah iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Golongan yang menyalahi mereka dianggap sebagai ahli bid'ah atau menyeleweng daripada aqidah Islam.

Manakala golongan liberalis pula berpegang kepada kebebasan yang melampau dalam menggunakan akal walaupun kadangkala bercanggah atau di luar kemampuan akal dan deria manusia. Golongan ini menganggap berpegang kepada nusus semata-mata adalah jumud dan akal akan menjadi penentu di saat berlaku pertembungan antara akal dan naqal. Penentang golongan ini akan dilabel sebagai golongan fundamentalis atau konservatif.

Dalam masa yang sama, wujud aliran sufisme yang gemar mengambil sumber-sumber aqidah menerusi pengalaman-pengalaman kerohanian seperti ilham dan *kasyaf*⁵⁷, mimpi⁵⁸, *yaqazah*⁵⁹ dan lain-lain. Kesemua perkara ini adalah tertolak daripada menjadi sumber aqidah kerana ia bukan termasuk ke dalam punca-punca ilmu atau *asbab al-'ilmi* seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

⁵⁷ Kasyaf bermaksud buka hijab. Bagi kalangan ahli sufi, kasyaf bererti sesuatu yang dicampak ke dalam hati dengan cara anugerah (al-Jurjani, al-Ta'rifat), ini tidak berbeza dengan ilham kerana ia juga bermaksud terbuka maklumat yang tersembunyi kepada mereka. Menurut Dr. Yusof al-Qardhawi; setakat ini tidak diketahui ada 'ulama' yang menafikan secara mutlak berlaku ilham dan kasyaf kepada orang-orang tertentu. Seterusnya beliau menambah bahawa kedua-duanya bukan menjadi sumber syara'. Walau bagaimanapun kasyaf adalah termasuk dalam karamah daripada Allah, ia boleh diterima asalkan tidak menolak atau merosakkan kaedah agama dan hukum syara' yang dijima'kan ke atasnya, sebagaimana yang dijelaskan dengan dalil-dalil. Yang merosakkan kaedah hukum syara' bukanlah sesuatu yang benar, bahkan tidak lebih dari khayalan atau waham atau bisikan syaitan. Perkara utama di kalangan orang sufi ialah menerima ilham daripada Allah atau terbukanya tabir yang disebut kasyaf, bukan sahaja dapat menerima daripada nabi, malaikat atau Allah bahkan dapat meninjau terus di Luh-Mahfuz, dapat melihat di alam ghaib. Inilah yang dianggap jauh menyimpang daripada aqidah, kerana ia merupakan suatu yang mengingkari al-Qur'an ayat 65 surah al-Najm. Abdul Hamid Yunus (2010), Penjelasan Istilah yang Boleh Membawa Penyelewengan Aqidah, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 4

⁵⁸ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-36 yang bersidang pada 15 Dec 1994 telah membincangkan Mimpi Dari Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa: 1) Mimpi seorang nabi dan rasul adalah wahyu yang menjadi hukum adalah benar. 2) Mimpi orang ramai di zaman Rasulullah S.A.W. seperti melihat Baginda dalam tidur menyamai melihat Rasulullah S.A.W. dalam masa jaga adalah khusus di zaman semasa Baginda masih hidup. 3) Mimpi orang Islam selepas wafat Rasulullah S.A.W. maka ia akan berjumpa di akhirat nanti dan akan

Antara kesemua aliran ini, manhaj *wasatiyyah* berada di pertengahan antara menerima dan menolak secara total. Tiada yang diterima secara total dan tiada juga yang ditolak secara total. Manhaj *wasatiyyah* sentiasa berpegang teguh dalam meletakkan nusus al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber aqidah yang murni tetapi dalam masa yang sama tidak mengabaikan fungsi akal dan pancaindera dalam menyokong dan mendokong kebenaran wahyu. Namun fungsi akal itu tidak akan melebihi kemampuan dan keupayaannya sehingga mengatasi kesucian wahyu dan ia dipimpin dan dibimbing berdasarkan prinsip dan disiplin yang ditetapkan oleh para ulama. Begitu juga manhaj *wasatiyyah* tidak menolak secara total unsur-unsur sufisme yang disebutkan dalam memperkuuhkan aqidah selagimana ia tidak menjadi sumber utama, sahih dan tidak bercanggah dengan kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah.

mendapat syafaat Rasulullah S.A.W 4) Mimpi orang Islam ada tiga peringkat, peringkat pertama bisikan jiwa, yang kedua godaan syaitan dan yang ketiga ialah mimpi khabar gembira dari Allah S.W.T. Mimpi orang bukan Islam adalah ditolak. 5) Mimpi orang awam bukan hujah terhadap satu hukum atau berita atau satu kenyataan. Lihat <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/mimpi-dari-perspektif-islam>.

59 Yaqazah iaitu bertemu secara jaga/sedar dengan Rasulullah SAW. Jumlah ASWJ menolak berlakunya yaqazah (bertemu secara jaga) dengan Rasulullah SAW atau mereka yang sudah mati. Mengenai hadi h yaqazah, Imam Nawawi menjelaskan terdapat beberapa pandangan ulama mengenai maksudnya iaitu: 1) boleh melihat Rasulullah SAW secara jaga itu ialah mereka yang hidup semasa hayat Baginda, atau 2) orang yang bermimpi itu boleh melihat benar-benar apa yang dimimpikan secara jaga semasa di akhirat nanti, atau 3) Orang bermimpi Rasulullah SAW itu dapat melihatnya di akhirat dengan cara melihat yang khusus kerana hampirnya ia dengan Rasulullah SAW. Lihat: Nawawi (1995) Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, Dar al-Fikr , j.15, h. 21-22. Berkenaan hadith yaqazah juga, Imam Ibnu Hajar memberi komentar seperti berikut: "Keadaan ini adalah sangat bermasalah. Ini kerana sekiranya kita membawa lafadz hadi h ini secara zahir maka sudah tentu kesemua mereka yang disebutkan adalah terdiri di kalangan sahabat Nabi SAW, dan berkemungkinan subah akan berlaku sehingga ke hari Qiyamat. Ia mengelirukan kerana sekumpulan besar di kalangan sahabat telah bermimpi bertemu Nabi SAW (setelah Baginda wafat) tetapi tiada seorang pun yang melihatnya secara jaga dan perkhabaran yang benar tidak boleh disanggah. Imam al-Qurtubi juga amat mengingkari sesiapa yang mengatakan bahwa sesiapa yang melihatnya di dalam tidur maka telah melihatnya hakikatnya, kemudian dia juga akan melihatnya secara sedar". Lihat Ibn Hajar al-Asqalani (1995) Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari, Dar al-Fikr, j.14, h. 413. Bagaimanapun terdapat para ulama yang membenarkan yaqazah seperti Imam Sayuti dalam karyanya bertajuk Tanwir al-Halak fi Imkan Ru'yat al-Nabi Jiharan aw al-Malak atau karangan Imam al-Qastallani berjudul al-Mawahib al-Ladunniyyah bi Syarh al-Zurqani atau juga kitab karangan Imam al-Subki tentang karamah para wali dalam Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra. Hakikatnya sekiranya dibaca kitab-kitab karangan para ulama ini tiada seorang pun di kalangan mereka yang mengiktiraf yaqazah sesat sebagaimana yang diimani dan dipegang sesetengah ajaran sesat seperti al-Arqam. Sesungguhnya para ulama yang membenarkan yaqazah dengan Rasulullah SAW kesemua mereka sepakat mengatakan ia hanya boleh berlaku melalui karamah para wali. Karamah pula perlu difahami sebagai sesuatu yang diperolehi bukan dalam bentuk dipelajari atau diminta. Ia merupakan perkara yang mencari yang adat yang berlaku ke atas orang soleh sebagai penghormatan (takriman) oleh Allah SWT kepadanya. Habannakah, 'Abd Rahman (1994) al-Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah, Dar al-Qalam, h. 347.

Manhaj Wasatiyyah dalam Pendekatan Ilmu Aqidah

Ilmu aqidah merupakan subjek terpenting yang perlu diketengahkan kepada masyarakat. Meskipun begitu, pendekatan dalam menyampaikan ilmu aqidah perlu mengambil kira latar belakang masyarakat yang mempunyai tahap pemikiran dan pengetahuan agama yang berbeza-beza. Lazimnya, pengajaran ilmu aqidah dilatari oleh pelbagai madrasah dan mazhab tertentu. Ia bergantung kepada siapa yang menyampaikan pengajaran ilmu aqidah tersebut. Misalnya, seorang graduan lulusan Mesir, Lubnan atau pengajian tempatan mungkin akan mengambil pendekatan aqidah berdasarkan aliran Asya'irah-Syafi'iyyah, manakala lulusan Madinah dan Mekah mungkin akan membawa aliran Salafiyah-Hanabilah. Terdapat juga sesetengah ilmuwan agama yang mengambil pendekatan perbandingan sesama aliran Sunni dengan mentarjihkan pendapat yang terkuat.

Apa yang menjadi kemasukan tentang kepelbagaian madrasah dan mazhab aqidah adalah tahap penguasaan ilmu, keterbukaan dan memahami realiti (*waqi'*) oleh para pengajar. Tahap penguasaan ilmu sangat penting kerana penguasaan ilmu yang luas mampu mengurangkan perselisihan, salah faham dan prasangka buruk. Tahap keterbukaan pula penting kerana tanpa keterbukaan akan membawa kepada ketaksuban membawa tuli dan kurang adab di samping aliran lain akan dianggap bid'ah, sesat dan menyeleweng. Dalam pada itu keperluan memahami realiti tidak boleh diabaikan kerana setiap pengajaran yang disampaikan hendaklah sesuai dengan *waqi'* latar belakang masyarakat sekeliling.

Oleh yang demikian, manhaj *wasatiyyah* diperlukan bagi membentuk pendekatan yang ideal, sesuai dan harmoni dalam mengetengahkan ilmu aqidah. Ia penting supaya ilmu aqidah benar-benar menjadi sumber kekuatan dan perpaduan umat Islam seperti di zaman Rasulullah SAW dan para sahabah RA serta bukan menjadi punca kelemahan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Dalam konteks ini, disyorkan beberapa pendekatan yang berpaksikan prinsip-prinsip *wasatiyyah* iaitu tidak terlalu ketat (*ifrath*) dan

tidak terlalu longgar (*tafrith*) serta mengutamakan apa yang lebih utama. Antaranya adalah seperti berikut:

Pertama: Mengutama dan meraikan pengajaran aqidah yang bersifat mesra tempatan supaya ia sesuai dengan latar belakang aqidah yang sedang menjadi pegangan umat Islam semasa. Sebagaimana sedia maklum, aqidah yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia adalah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Kedua: Pengajaran aqidah hendaklah memberi fokus kepada perkara *usul al-i'tiqad*⁶⁰ yang jelas dan disepakati ulama dan cuba mengelakkan perbincangan *furu' al-i'tiqad*⁶¹ yang diperselisih antara ulama Ahli Sunnah⁶².

Ketiga: Bertegas dalam perkara-perkara yang menyalahi usul aqidah dan bermaaf-maafan serta tidak mengkafirkan, membid'ahkan atau menfasiqkan pada perkara-perkara yang menjadi khilaf sesama Ahli Sunnah Wal-Jamaah⁶³.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi adalah antara ulama yang tegas mengatakan ketidakharusan *takfir*, *tabdi'* dan *tafsiq* dalam soal khilaf antara manhaj salaf dan khalaf. Beliau mengatakan:

⁶⁰ Usul al-i'tiqad iaitu perkara-perkara yang berkaitan prinsip keimanan kepada Allah, malaikat, kitab, rasul, hari akhirat dan qadha' serta qadar, al-Qur'an itu benar dan diturunkan daripada Allah SWT, Rasulullah SAW diutuskan kepada seluruh manusia dan lain-lain. Ia adalah hukum-hakam aqidah yang menyeluruh (kulliyah) yang disepakati ulama secara ijma' dan perkara yang dimaklumi di dalam agama secara darurat. Lihat Khatib, Syarif al-(t.t), Masyru'iyyah al-Ijtihad fi Furu' al-I'tiqad, Mafraq: Jami'ah Al al-Bayt, h. 9.

⁶¹ Furu' al-i'tiqad iaitu persoalan cabang yang imbul akibat nusus yang tidak muktamad sama ada dari sudut thubut atau dhilalah. Ia termasuk perbahasan ilmu kalam yang diperselisih oleh ulama hingga terjadinya perdebatan yang berpuncu daripada dilalah nusus yang bersifat zhan. Antara isu-isu tersebut adalah ijtihad dalam masalah sama ada Nabi SAW melihat Allah SWT ketika mi'raj atau tidak, ijtihad tentang makna sifat-sifat Allah SWT dan lain-lain. Ibid., h. 9 & 12-21.

⁶² Menurut Dr. Yusuf al-Qaradhawi ilmu aqidah itu terbahagi kepada dua bahagian: 1) Usul aqidah: Iaitu ilmu bersumber ayat al-Qur'an yang tidak terdedah kepada sebarang tafsiran dan takwilan menurut ilmu Usul Fiqh seperti kewujudan Allah SWT, keesaan-Nya, sifat kesempurnaan-Nya dan banyak lagi. 2) Furu' aqidah: Imu aqidah yang bersumber al-Qur'an dan Hadith sahih tetapi terdedah kepada tafsiran dan takwilan yang sesuai menurut kaedah dalam ilmu Usul Fiqh. Ia seperti syafaat di akhirat, melihat Allah SWT di syurga, mentakwil ayat sifat Allah SWT, Imam Mahdi, penurunan Nabi Isa a.s dan banyak lagi. Lihat Qaradhawi, Yusuf al-(2001) Kayfa Nata'amal Ma'a Turath wa at-Tamazhab wa al-Ikhtilaf, Mesir: Maktabah Wahbah, h. 142. Dinukil daripada web zaharuddin.net.

⁶³ Kaedah usul fiqh menyebut, "La yunkaru al-mukhtalafu fihi wa innama yunkaru al-mujma'u 'alaikh" bererti "Tidak dimungkiri perkara yang diperselisihkan padanya, tetapi dimungkiri perkara yang disepakati atasnya". Sayu i, 'Abd al-Rahman al-(1403), al-Asyabah wa al-Nazha'ir, Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiyah, h. 158.

“Aku ingin tegaskan di sini bahawa khilaf antara dua manhaj atau dua mazhab (salaf dan khalaf) tidak mewajibkan takfir antara satu dengan lain, dengan makna menghukumnya sebagai kafir dengan kekufuran yang besar terkeluar daripada Islam!. Maka ini sesuatu yang tidak diterima oleh jiwa seorang muslim dan tidak boleh diterima oleh akal seorang alim. Bagaimana umat Islam datang dengan mengkafirkan antara satu dengan lain, mengeluarkan antara sesama sendiri daripada agama Islam, sedangkan mereka semua beriman kepada Tuhan Yang Esa, Rasul yang satu, kitab yang satu, manhaj yang satu dan solat menghadap kiblat yang satu...aku melihat khilaf dalam isu ini tidak menyebabkan ta’thim, tafsiq dan tabdi’, sedangkan paling jauh pun ianya adalah khilaf antara yang benar (dua pahala) dan yang salah (satu pahala) atau antara yang benar dan yang lebih benar daripadanya. Bagaimana seorang alim yang hebat berani untuk menuduh fasiq, berdosa atau bid’ah kepada tokoh-tokoh ulama ummah yang telah menjunjung syariat Islam, mempertahankan aqidahnya, ditentang musuh dakwahnya, menghabiskan umurnya sebagai pendakwah dan pengislah, ulama yang beramal seperti al-Baqillani, al-Isfirayini, al-Maturidi, al-Ghazali, al-Razi, Ibn ‘Abd al-Salam, Ibn Daqiq al-‘Id, al-Rafi’i, al-Nawawi, Ibn al-Humam, al-Zarkasyi, al-Iraqi, Ibn Hajar, al-Sayuti dan lain-lain...dan ini adalah pendekatan Syaikh al-Islam Ibn Taimiyah dan muridnya al-Imam Ibn Qayyim iaitu tidak menuduh berdosa kepada yang tersilap dalam takwilannya pada permasalahan usuliyyah mahupun ilmiyyah, yang dimaksud engannya permasalahan yang berkaitan aqidah dan usuluddin”⁶⁴.

Sebagai contoh, terdapat cubaan untuk memperlekehkan pendekatan sifat 20 yang berteraskan aliran mazhab al-Asya’rah iaitu yang telah diterapkan dalam pengajian aqidah sejak sekian lama di Malaysia. Hal seperti ini, adalah sesuatu yang membuang masa kalau sarjana kini masih lagi mempertikaikan isu-isu remeh. Ini kerana pendekatan ini juga ada aspek positifnya. Ia memudahkan orang awam memahami persoalan tauhid dengan cara yang mudah. Pemantapan hanya perlu dibuat dari aspek bagaimana memastikan umat Islam dapat memahami konsep

⁶⁴ Qaradhawi, Yusuf al-(2009), Fatawa Mu’asirah, Kuwait: Dar al-Qalam, j.4, h. 151-152.

sebenar sifat-sifat ini dan apa kesannya pemahaman sifat tersebut dalam kehidupan seharian sehingga dengan itu, corak ia berfikir dan berperilaku dalam kehidupannya selaras dengan kefahaman tersebut⁶⁵.

Keempat: Menekankan pendekatan aqidah yang mampu menjawab permasalahan masyarakat dan kemosykilan pemikiran semasa. Antaranya seperti isu kewujudan Allah dan keesaan-Nya, kenabian, kehidupan selepas mati, qada' dan qadar dan lain-lain. Isu-isu ini perlu diketengahkan dengan cara yang bijaksana dan menarik agar dapat membenteng masyarakat daripada pelbagai aliran semasa yang dimaklumi kemudaratannya seperti faham sekularisme (dikotomi dunia akhirat), materialisme (kebendaan), hedonisme (hiburan melampau), liberalisme (agama tanpa disiplin) dan pluralisme agama (kesamarataan agama).

Kelima: Memperbanyakkan pengajaran aqidah ‘*amaliyyah* berbanding aqidah *nazhariyyah*. Aqidah ‘*amaliyyah* berobjektifkan untuk membentuk modal insan rabbani dari segi ketulusan hati, ketekunan beribadah dan akhlak yang luhur. Ia berbeza dengan aqidah *nazhariyyah* yang lebih cenderung kepada perbahasan ilmu kalam yang mendalam dalam soal *sam'iyyat* dan ‘*aqliyyat*. Dalam hal ini pendekatan para ulama salaf dalam menyampaikan aqidah adalah lebih mudah dan berkesan terutamanya kepada golongan awam. Oleh kerana itu, Mufti Mesir, Dr. 'Ali Jum'ah mengatakan *mazhab al-salaf mazhab i'tiqad* (mazhab salaf adalah mazhab untuk beriktikad) dan *mazhab al-khalaf mazhab munazarah* (mazhab khalaf adalah mazhab untuk berbahas)⁶⁶.

Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara *Ilahiyyat*

Perkara *ilahiyyat* adalah berkaitan dengan keimanan terhadap Allah SWT dan keesaan-Nya yang merupakan rukun iman pertama dalam

⁶⁵ Mohd Fauzi Hamat (2008), "Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran", *Jurnal Penyelidikan Islam* Bil. 21, Putrajaya: Jakim, h. 23.

⁶⁶ Jum'ah, 'Ali (2005), *al-Bayan lima Yusyghil al-Azhan*, Kaherah: el-Mokatam, h. 134.

agama Islam. Perbahasannya meliputi soal *zat*, *sifat* dan *af'al* Allah SWT serta perkara yang berkaitan dengannya. Dalam hal *ilahiyyat*, manhaj *wasatiyyah* amat penting bagi memastikan keimanan yang tepat dan sahih sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT dan diimani oleh Rasulullah SAW. Antara pendekatan tersebut ialah seperti berikut:

Pertama: Dalam memperkatakan soal zat Allah, perlu berada di pertengahan antara golongan yang melampau sehingga mengatakan mereka mengenal zat Allah secara hakikat⁶⁷ dengan golongan yang langsung menolak kewujudan zat Allah⁶⁸. Manhaj yang pertengahan adalah beriman sesungguhnya akan kewujudan zat Allah SWT sebagaimana yang dinaskan dalam al-Qur'an, al-Sunnah yang sahih dan akal yang waras. Zat yang Maha Sempurna, tidak menerima sifat kekurangan dan tidak sekali-kali menyerupai sesuatu apapun.

Kedua: Tentang sifat-sifat Allah SWT, manhaj *wasatiyyah* berada di pertengahan antara golongan yang melampau dalam menetapkan sifat-sifat Allah SWT sehingga menjisimkan dan menyerupakan-Nya dengan sifat makhluk (*mujassimah* atau *musyabbihah*), dengan golongan yang menafikan dan menyelewengkan maksud sifat-sifat Allah SWT (*mu'attilah*).

Dalam hal ini, pendekatan terbaik adalah seperti yang dikemukakan oleh al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna. Isu sifat-sifat Allah SWT perlu dirujuk kepada pandangan dan pegangan dua golongan utama

⁶⁷ Berkata al-Imam Hasan al-Banna, "Ramai orang telah sesat apabila memperkatakan tentang zat Allah SWT, perbincangan mereka itu menjadi sebab kepada kesesatan, fitnah dan perselisihan mereka kerana mereka bercakap pada perkara yang mereka tidak ketahui ketentuannya, dan tidak berkemampuan mengetahui hakikatnya, kerana itu Rasulullah SAW menegah daripada memikirkan tentang zat Allah, tetapi memerintahkan supaya berfikir pada kejadian-kejadian-Nya. Daripada Ibn 'Abbas RA bahawa satu kaum telah berfikir tentang zat Allah, lalu Nabi SAW bersabda: Berfikirlah kamu tentang kejadian Allah dan jangan kamu berfikir tentang (zat) Allah, sesungguhnya kamu tidak mampu mencapainya. Al-'Iraqi berkata diriwayatkan oleh Abu Nu'a'im dalam al-Hilyah dengan sanad yang dha'if, juga al-Asbahani dalam al-Targhib wa al-Tarhib dengan sanad yang lebih sahih daripadanya dan diriwayatkan oleh Abu al-Syaikh begitu juga, apapun keadaannya maknanya adalah sahih". Banna, Hasan al-(t.t), Majmu' al-Rasa'il, T.T.P. h. 471-472. Antara ajaran yang difatwakan sebagai sesat disebabkan keterlampauan mereka membincangkan tentang zat Allah adalah ajaran Hakikat Insan di Kelantan, ajaran Taslim di Pulau Pinang, ajaran Khatijah Ali di Pucong dan ajaran Hj. Banuar di Selangor.

⁶⁸ Seperti yang dipercayai oleh golongan ateisme yang tidak mempercayai kewujudan tuhan.

dalam tradisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah iaitu mazhab salaf dan khalaf. Memetik pandangan mazhab salaf yang mengatakan; “*Kami beriman dengan ayat-ayat dan hadith-hadith yang sebagaimana ianya datang dan kami tinggalkan kepada Allah keterangan maksudnya yang sebenar*”. Al-Banna menjelaskan bawa mazhab ini menetapkan bagi Allah SWT sifat *yad, ‘ain, istiwa’* dan lain-lainnya dengan maksud makna sebenarnya terserahlah kepada Allah⁶⁹. Sebagai sandaran kepada mazhab ini, al-Banna membawakan beberapa nas daripada kitab-kitab seperti *al-Hilyah* oleh Abu Nu‘aim, *Usul al-Sunnah* dan lain-lainnya yang menaqalkan riwayat daripada beberapa tokoh daripada kalangan salaf seperti Imam Ahmad bin Hanbal.

Berdasarkan nama-nama yang disebut daripada kedua-dua mazhab Ahli Sunnah itu, jelas bahawa golongan salaf yang dimaksudkan dikenali juga sebagai golongan Hanabilah dan mazhab khalaf jelas merujuk kepada pendukung mazhab Asya‘irah. Menurut al-Banna mengenai perbezaan pendapat di antara kedua-dua golongan ini; bahawa mazhab salaf mengenai ayat-ayat atau Hadith-Hadith yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT ialah mereka menerima tanpa menafsir atau mentakwilkan maknanya. Mazhab khalaf pula mentakwilkannya demi mensucikan Allah daripada sebarang “*syubhah*” yang mengelirukan dengan kesamaran makhluk.

al-Banna dalam menangani khilaf ini, bahawa bagi sesiapa yang ingin cara yang selamat (*manhaj taslim*) mazhab salaf adalah pilihan yang terbaik. Namun beliau penuh yakin bahawa secara umumnya pentakwilan yang dibuat oleh golongan khalaf sudah tentu tidak sampai membawa

⁶⁹ Imam Abu al-Hasan al-Asy’ari dalam kitab al-Ibanah seperti yang dinukulkan oleh Imam Ibn ‘Asakir dalam Tabyin Kazib al-Muftari Fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy’ari telah mengambil pendekatan men’tafwidh’kan ayat-ayat yang mutasyabihat tersebut kepada Allah SWT tanpa memberikan sebarang makna kepadanya seperti yang dipegang oleh mazhab Salaf. Kaedah ini memang diakui dalam mazhab Asya‘irah sebagaimana ta’liq Imam al-Kauthari dalam Tabyin, yang mengatakan bahawa, kitab al-Ibanah membawakan kaedah al-mufawwidhah pada menahan diri daripada menentukan maksud ayat-ayat mutasyabihat. Lihat Ibn ‘Asakir, ‘Ali bin al-Hasan (1347h), Tabyin Kazib al-Muftari Fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy’ari, Dimasyq: al-Qudsi, h. 28. Rujuk juga al-Ibanah tahqiq Dr. Fauqiyyah Husain Mahmud. Asy’ari (1977), op. cit., h. 22.

kepada kekufuran dan kefasikan. Ini kerana para ulama khalaf tetap mengikat kaedah takwil yang mereka lakukan dengan kaedah-kaedah syar'i yang tidak bercanggah dengan mana-mana usul di dalam usuluddin seperti meraikan makna daripada sudut bahasa Arab yang makruf. Demikianlah dalam keadaan-keadaan tertentu golongan salaf seperti Imam Ahmad sendiri turut mengambil kaedah takwil.

Ketiga: Berkenaan perbuatan-perbuatan (*af'al*) Allah SWT, manhaj *wasatiyyah* mengambil pendekatan pertengahan antara golongan yang melampau sehingga menyandarkan semua perbuatan kepada Allah SWT dan manusia tiada daya upaya kecuali dipaksakan oleh Allah SWT (*jabariyyah*), dengan golongan yang menafikan terus perbuatan Allah SWT sehingga menolak kekuasaan dan campur tangan Allah SWT dalam amal perbuatan manusia (*qadariyyah*).

Pendekatan *wasatiyyah* adalah tidak menolak secara total pandangan kedua-dua aliran *jabariyyah* dan *qadariyyah* sebaliknya diperbetulkan tanggapan kedua-duanya supaya kembali kepada pandangan pertengahan. Golongan *jabariyyah* benar apabila mengatakan Allah SWT yang menciptakan segala perbuatan makhluk, tetapi salah apabila mengatakan seorang manusia bukan pelaku kepada perbuatannya secara hakiki sebaliknya Allah SWT yang melakukannya. Golongan *qadariyyah* pula benar apabila mengatakan manusia berkuasa atas segala perbuatannya dan dia bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan, tetapi salah apabila mengatakan Allah SWT tidak menciptakan segala perbuatan manusia, lalu mereka terjebak dalam menetapkan dua pencipta (Allah dan manusia).

Oleh itu, pendekatan *wasatiyyah* adalah menetapkan bahawa Allah SWT adalah pencipta kepada perbuatan manusia secara hakiki, kerana manusia adalah ciptaan-Nya sebagaimana perbuatan manusia juga dicipta oleh-Nya berdasarkan firman Allah SWT:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَمَا تَعْمَلُونَ
⑥

(Surah al-Saffaat: 96)

Bermaksud: “*Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!*”

Begitu juga sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Allah SWT yang menciptakan setiap pelaku dan perlakuannya*”.

(Riwayat al-Bukhari)

Manakala, nusus yang menerangkan tentang perbuatan manusia secara hakiki juga diterima seperti firman Allah SWT:

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ

(Surah al-Baqarah: 197)

Bermaksud: “*Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah*”.

Atau firman Allah SWT:

فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكُفُرْ

(Surah al-Kahfi: 29)

Bermaksud: “*Maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya*”.

Manhaj wasatiyyah menerima kedua-dua bentuk nusus ini dan berusaha menghimpunkan makna kedua-duanya menjadi selari dan sekata. Ayat atau Hadith yang menunjukkan bahawa Allah SWT menciptakan perbuatan manusia tidaklah bermaksud manusia itu bukan pelaku secara hakiki, tidak berkemahanan, tidak berkuasa memilih, atau pergerakannya yang berbentuk pilihan adalah umpama getaran, tiupan angin dan gerakan pokok. Begitu juga ayat yang menunjukkan bahawa

manusia itu pelaku secara hakiki bukanlah bermakna manusia itu berada di luar qadar (takdir) Allah SWT atau di luar kehendak dan kekuasaan Allah SWT⁷⁰.

Dengan mengambil pendekatan *wasatiyyah*, ia dapat mengelakkan daripada kesesatan golongan *jabariyyah* yang boleh membawa kepada penafian hukum hakam perintah dan larangan serta dosa dan pahala. Ini kerana apa gunanya perintah dan larangan, dosa dan pahala jika segala-galanya telah dipaksakan ke atas manusia. Misalnya, seseorang yang menjadi perompak atau pencuri akan mengatakan bahawa Allah SWT telah menetapkan dia menjadi pencuri. Begitu juga seorang artis yang berkahwin dan bercerai berulang kali akan mengatakan bahawa Allah SWT telah menetapkan nasibnya begitu. Segala keburukan yang berlaku pada dirinya seolah-olah sengaja dipasrahkan kepada taqdir Allah SWT sedangkan dia sendiri tidak pernah memuhasabah dirinya apakah perbuatan yang dilakukannya hingga menyebabkan natijah sesuatu itu terjadi.

Manhaj *wasatiyyah* juga mengelak daripada menjadi golongan *qadariyyah* yang menjurus kepada iktikad mensyirikkan Allah SWT. Iaitu menyanjung hasil usaha dan amal perbuatannya sendiri sehingga merasakan ia tiada kena mengena dengan kehendak dan kekuasaan Allah SWT dalam menentukan sesuatu. Tiada erti kata doa dan tawakkal bagi golongan seperti ini sehingga mereka menjadi makhluk yang sombong dan angkuh seolah-olah semua yang berlaku di dunia adalah berlaku dengan kehendak dan usaha manusia semata-mata.

Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara Nubuwwat

Nubuwwat adalah perkara yang berkaitan dengan keimanan terhadap para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Manhaj *wasatiyyah* berada

⁷⁰ Ba 'Abdullah, Muhammad Ba Karim (1994), *Wasatiyyah Ahl al-Sunnah Bayn al-Firaq*, Riyadh: Dar al-Rayah, h. 380-382.

di pertengahan antara golongan yang mendewakan para nabi dan rasul sehingga menganggap mereka sebagai tuhan yang disembah, dengan golongan lain yang mendustakan para nabi, melemparkan tuduhan ke atas mereka malah menyakiti para nabi.

Para nabi adalah manusia biasa yang makan, berjalan ke pasar, ada yang berumah tangga dan beranak-pinak, yang hanya membezakan antara kita dan mereka ialah mereka dikurniakan wahyu untuk disampaikan dan disokong dengan mukjizat. Firman Allah SWT:

قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِنَّنَا نَحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ وَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَمَا كَانَ لَنَا أَنْ تَأْتِيَكُمْ بِسُلْطَنٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلْ كُلُّ مُؤْمِنٌ
⑩

(Surah Ibrahim: 11)

Bermaksud: “Rasul-rasul mereka berkata kepada mereka: “Kami ini tidak lain hanyalah manusia seperti kamu juga, tetapi Allah melimpahkan kurniannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya; dan Kami tiadalah berkuasa membawa kepada kamu sebarang bukti (mukjizat) melainkan dengan izin Allah. Dan dengan yang demikian maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri”.

Dalam konteks Nabi Muhammad SAW, manhaj wasatiyyah mengambil pendekatan mengutamakan penegakan risalah dan sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW berbanding sekadar mengagung-agungkan jasad dan keturunan Baginda. Adalah tidak salah untuk memuji dan mengenang Rasulullah SAW dengan membaca pelbagai qasidah dan syair berkenaan jasad dan keturunan Baginda SAW, namun apa yang lebih penting adalah melaksanakan risalah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا أَءَيْتُكُم مِّنْ رَسُولٍ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَأَنْتُمْ تَهُوَّرُونَ

(Surah al-Hasyr: 7)

Bermaksud: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahnya)”.

Ia juga merupakan wasiat Rasulullah SAW supaya kita berpegang teguh dengan sunnahnya. Sabda Rasulullah SAW:

Bermaksud: “Saya wasiatkan kepada kalian agar bertaqwa kepada Allah SWT, taat dan tunduk kepada-Nya, walaupun yang menyampaikannya hanyalah seorang hamba habsyi. Dan sesungguhnya, sesiapa antara kalian yang akan hidup sepeninggalku akan mendapati perselisihan yang banyak, maka berpeganglah dengan sunnah-ku dan sunnah para Khulafa’ Rasyidin yang telah mendapat petunjuk, berpegang eratlah dengannya. Dan berwaspadalah kalian daripada setiap perkara yang diada-adakan, kesemuanya itu adalah bid’ah dan setiap bid’ah adalah sesat”⁷¹.

Terdapat segelintir golongan yang mengaku pencinta Rasulullah SAW, namun kecintaan itu apabila tidak diseimbangkan antara cinta kepada jasad Baginda dengan cinta kepada sunnah Baginda dibimbangi akan membawa kepada pelanggaran terhadap batas-batas hukum. Sebagai contoh, mengadakan bacaan rawi berupa qasidah atau syair atau nasyid yang memuji-muji Baginda SAW sambil menunggu waktu Isyak, di dalam masjid atau surau, sambil diiringi dengan alatan muzik seperti *duf*

⁷¹ Hadith ini diriwayatkan oleh al-Darimi, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Hakim. Al-Tirmizi mengatakan Hadith ini hasan sahih. Lihat Tirmizi, Muhammad bin 'Isa (t.t), al-Jami' al-Sahih, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.5, h. 44. Al-Hakim pula mengatakan hadith ini sahih dan tidak mempunyai 'illah. Hakim, Muhammad bin 'Abdullah (1990), al-Mustadrak 'ala al-Sahihain, Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiah, j.1, h. 174.

dan *tambourine*, dengan penuh keasyikan sehingga menyebabkan terluput syiar azan, adalah sesuatu yang amat dikesali dan bertentangan dengan semangat cintakan Nabi SAW⁷².

Imam al-Sayuti *rahimahullah* pernah menegaskan berkaitan senario yang berlaku ini sambil menjelaskan seperti berikut:

ومن ذلك الرقص، والغناء في المساجد، وضرب الدف أو غير ذلك من آلات الطرب. فمن فعل ذلك في المسجد، فهو مبتدع، ضال، مستحق للطرد والضرب لأنه استتحف بما أمر الله بتعظيمه، قال الله تعالى: (في بيته أذن الله أن ترفع "أي تعظم ويدرك فيها اسمه)، أي يتلى فيها كتابه. وببيوت الله هي المساجد وقد أمر الله بتعظيمها وصيانتها عن الأقدار، والأوساخ، والصبيان، والمخاط، والثوم، والبصل، وإنشاد الشعر فيها، والغناء والرقص؛ فمن غنى فيها أو رقص فهو مبتدع، ضال مضل، مستحق للعقوبة

Bermaksud: “Di antaranya adalah menari, menyanyi di dalam masjid, memukul duf (rebana) atau rebab (sejenis alat muzik), atau selain itu dari jenis alat-alat muzik. Maka, sesiapa yang melakukan itu di dalam masjid maka dia mubtadi’ (pelaku bid’ah), sesat, patut baginya diusir dan dipukul, kerana dia meremehkan perintah Allah untuk memuliakan masjid. Allah Ta’ala berfirman: “Bertasbihlah kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya.” Iaitu dibacakan kitab-Nya di dalamnya. Rumah-rumah Allah adalah masjid-masjid, dan Allah Ta’ala telah memerintahkan untuk memuliakannya, menjaganya dari kotoran, najis, kanak-kanak, hingus (ludah), bawang putih, bawang merah, nasyid-nasyid dan sya’ir di dalamnya, nyanyian dan tarian, dan barangsiapa yang bernyanyi di dalamnya atau menari maka dia adalah pelaku bid’ah, sesat dan menyesatkan, dan berhak diberikan hukuman”⁷³.

⁷² Perkara ini berlaku di hadapan mata penulis sendiri di salah sebuah surau Jumaat di negeri Selangor pada malam sambutan Tahun Baru 2012 yang lalu.

⁷³ Sayuti, Jalal al-Din al-(1995) al-Amr bi al-Ittiba' wa al-Nahy 'an al-Ibtida', Dammam: Dar Ibn al-Qayyim, h. 275.

Oleh itu, cinta kepada Rasulullah SAW hendaklah disemai dan dibajai dengan cinta kepada sunnah atau risalah yang ditinggalkan oleh Nabi SAW, bukan semata-mata cinta kepada jasad dan keturunan Baginda. Ini kerana cinta kepada Nabi SAW adalah cabang kepada cinta kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ كُنْتُمْ تُحِبُّوْنَّ اللَّهَ فَاتَّبِعُوْنِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝

(Surah Ali 'Imran: 31)

Bermaksud: “Katakanlah (Wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara Sam'iyyat

Perkara *sam'iyyat* atau *ghaibiyat* adalah keimanan terhadap perkhabaran-perkhabaran *ghaib* yang diwahyukan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya seperti beriman terhadap hari akhirat, alam barzakh, titian sirath, *mizan* atau timbangan, malaikat, jin dan sebagainya.

Manhaj *wasatiyyah* dalam perkara *sam'iyyat* berada di pertengahan iaitu tidak melampau sehingga keterlaluan mencari dan membongkar hakikat sebenar perkara-perkara *sam'iyyat* tersebut, serta tidak terlalu longgar sehingga menolak kewujudan perkara *sam'iyyat* secara total. Kedua-dua pendekatan yang melampau ini ditolak kerana ia boleh membawa kepada kerosakan aqidah. Malah antara punca berlakunya kesyirikan dan kekufuran adalah disebabkan keterlampauan dalam perkara *sam'iyyat*.

Misalnya terdapat golongan manusia yang keterlaluan untuk membongkar hakikat roh, malah ada yang mendakwa bahawa mereka

mengetahui apakah itu roh. Sedangkan Allah SWT telah menyembunyikan hakikat roh itu hanya dalam khazanah ilmu-Nya. Allah SWT berfirman:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوتِيتُمُ
مِّنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

(Surah al-Isra': 85)

Bermaksud: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.

Ada juga yang mendakwa mereka mampu mengetahui hal-hal yang akan berlaku pada masa hadapan termasuk bila akan berlakunya hari kiamat, jantina bayi yang akan lahir (sebelum membentuk janin di dalam perut ibu), bila dan di mana seseorang akan menemui ajalnya serta untung nasib hayat seseorang. Semua perkara ini adalah termasuk dalam perkara *ghaibiyyat* yang mustahil diketahui oleh manusia dan jin kerana ianya berada dalam ilmu Allah SWT. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ
وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَاذَا كَسَبَ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِيَمِينِ أَرْضٍ
تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

(Surah Luqman: 34)

Bermaksud: “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa

yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya”.

Terdapat pula kalangan manusia yang sanggup bekerjasama atau meminta pertolongan dengan makhlus halus iaitu jin dengan anggapan para jin itu mengetahui perkara-perkara yang ghaib sedangkan Allah menegah jin daripada mengetahui perkara yang ghaib. Hal ini digambarkan oleh Allah SWT:

وَإِنَّهُ وَكَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنْسِينَ يَعْوِذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَرَأَوْهُمْ
 رَهْقًا ⑥ وَإِنَّهُمْ ظَنُوا كَمَا ظَنَنُوا أَنَّ لَنَّ يَبْعَثَ اللَّهُ أَحَدًا
 وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلْئَةً حَرَسًا شَدِيدًا
 وَشُهْبَيَا ⑧ وَأَنَا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقْعِدًا لِلسمْعِ فَمَنْ
 يَسْتَمِعُ أُلَّا نَحْدُلُهُ وَشَهَابَارَصَدًا ⑨ وَأَنَا لَأَنْذِرِي أَ
 شَرًّا يُرِيدُ بِمَنْ فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ⑩

(Surah al-Jin: 6-10)

Bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombang dan jahat (6) Dan bahawa sesungguhnya (tidaklah benar) manusia menyangka sebagaimana yang kamu sangka, bahawa Allah tidak sekali-

kali mengutuskan sebarang Rasul (atau tidak akan membangkitkan manusia pada hari qiyamat) (7). Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala (8) Padahal Sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya (9) Dan bahawa sesungguhnya kami tidak mengetahui adakah (dengan adanya kawalan langit yang demikian) hendak menimpakan bala bencana kepada penduduk bumi, atau pun Tuhan mereka hendak melimpahkan kebaikan kepada mereka? (10)".

Kepercayaan melampau sesetengah manusia tehadap kehebatan dan keistimewaan jin ini akhirnya menjadi punca kepada berlakunya banyak penyelewengan aqidah. Antaranya dengan mendatangi dan mempercayai ramalan-ramalan para dukun dan bomoh yang berdamping dengan jin sedangkan ia ditegah oleh Nabi SAW sebagaimana terkandung dalam beberapa Hadithnya.

Namun demikian, fenomena mistisisme semakin membudaya dalam masyarakat Melayu Islam di negara ini. Lambakan drama, filem, akhbar tabloid, majalah dan lain-lain yang gemar memaparkan cerita-cerita mistik semakin mendapat tempat di hati khalayak. Perkara seumpama ini amat membimbangkan kerana ia boleh menghakiskan keimanan umat Islam terhadap perkara-perkara *ghaibiyat* seperti yang selayaknya diimani. Keterlaluan dalam membongkar perkara-perkara seumpama ini membuka ruang yang luas kepada berlakunya bid'ah, khurafat dan tasyul⁷⁴ dalam kepercayaan dan amal perbuatan yang akhirnya membawa kepada kesesatan dan kerosakan aqidah.

⁷⁴ Khurafat ialah sesuatu perkara mempesonakan berbentuk rekaan atau dongeng (legenda) yang karut yang menyimpang dari ajaran Islam sedangkan tasyul pula iaitu semua cerita sama ada khayalan atau rekaan yang meliputi cerita-cerita yang mempesonakan dan bercampuraduk dengan perkara-perkara yang dusta.

Sementara itu, manhaj wasatiyyah juga menolak golongan yang langsung tidak menerima kewujudan perkara-perkara ghaib. Bagi golongan ini, kewujudan hanya terbatas kepada perkara yang boleh dicapai oleh pancaindera yang lima. Golongan ini berpegang kepada fahaman materialisme iaitu suatu falsafah yang mengatakan bahawa hal yang dapat dikatakan benar-benar ada adalah material, fizikal atau jasmaniah.

Pada dasarnya semua hal terdiri atas material dan semua fenomena adalah hasil interaksi material. Materialisme tidak mengakui entiti-entiti non-material seperti roh, hantu, syaitan dan malaikat. Pelaku-pelaku immaterial tidak ada. Tidak ada Allah atau dunia supranatural. Realiti satu-satunya adalah material dan segala sesuatu merupakan manifestasi dari aktiviti material. Material dan aktivitinya bersifat abadi. Tidak ada penggerak pertama atau sebab pertama⁷⁵.

Golongan ini pernah wujud pada suatu ketika dahulu dan mereka digelar sebagai golongan *dahriyyun*. Mereka tidak percaya dengan hari kebangkitan semula manusia, yang mana pada hari itu segala amal perbuatan manusia akan dihitung dan diganjar oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an ketika merakamkan kenyataan golongan ini terhadap Nabi Saleh yang mengingatkan mereka tentang ancaman hari akhirat:

هَيَّهَاتٌ هَيَّهَاتٌ لِمَا تُوَعَّدُونَ ﴿٣٦﴾
الْدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

(Surah al-mukmin: 36-37)

Bermaksud: "Jauh, amatlah jauh (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu! (36) Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, kita mati dan kita hidup (silih berganti) dan tiadalah kita akan dibangkitkan hidup semula(37)"

⁷⁵ Lihat subjek materialisme dalam <http://id.wikipedia.org/wiki/Materialisme>.

Demikian juga firman Allah SWT:

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاةٌ أُنْتُمْ تَنْحِيَأْ وَمَا يَهْلِكُنَا إِلَّا الْدَّهْرُ وَمَا
لَهُمْ بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنَّهُمْ إِلَّا يُظْنُونَ
٢٤

(Surah al-Jathiyah: 24)

Bermaksud: “Dan mereka berkata: Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini, kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman, padahal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata”.

Menolak kewujudan hari akhirat bermakna menolak kewujudan pencipta yakni Allah SWT. Fahaman ini jelas terkeluar daripada Islam. Namun begitu, perlu diberi perhatian apabila wujud golongan yang mirip-mirip kepada golongan *dahriyyun* atau materialis ini, seumpama mengatakan bencana alam yang berlaku adalah hanya berpunca daripada fenomena alam semulajadi yang boleh dirumus secara saintifik, sehingga terlupa untuk mengaitkannya dengan tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT.

Oleh itu, pendekatan terbaik adalah manhaj *wasatiyyah*, iaitu tidak menolak perkara *ghaibiyat* secara total, sebaliknya beriman dengan sepenuh keyakinan tentang perkara *ghaibiyat* seperti yang terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa sebarang tokok tambah, rekayasa dan takwilan yang batil.

KESIMPULAN

Setelah membentangkan secara ringkas beberapa asas penting *wasatiyyah* dalam aqidah, dapat di simpulkan seperti berikut:

- a) Aqidah bererti keimanan yang teguh dalam hati, perakuan dengan lisani dan pembuktian dengan amal perbuatan.
- b) Perbahasan aqidah menekankan sumber, pendekatan, mafhum iman, soal ketuhanan (*ilahiyyat*), kenabian (*nubuwwat*) dan perkara-perkara ghaib (*ghaibiyyat*).
- c) Sumber asal aqidah adalah nas-nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW yang sahih.
- d) Akal dan deria berperanan dalam mensabitkan aqidah selagi mana dalam kemampuannya dan tidak bercanggah dengan nas-nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW yang sahih.
- e) Aqidah yang sahih tidak boleh terpisah dengan tasawuf yang murni dalam erti melahirkan amalan dan akhlak yang soleh.
- f) Aqidah yang haq adalah berasaskan manhaj Ahli Sunnah Wal-Jamaah.
- g) Bertegas dalam perkara *usul al-i'tiqad* yang disepakati dan bermaaf-maafan dalam perkara *furu' al-i'tiqad* yang diperselisih antara ulama Ahli Sunnah.
- h) Bersungguh-sungguh dalam mengikuti manhaj salaf dalam menghayati aqidah (*mazhab al-salaf mazhab i'tiqad*) dan meraikan manhaj khalfah dalam membentengi aqidah (*mazhab al-khalaf mazhab munazarah*).
- i) Memuliakan dan menghormati golongan salafussoleh dan menganggap pegangan mereka adalah paling selamat, paling mengetahui dan paling bijak.
- j) Mendaulukan naqli daripada aqli dan menjadikan hukum aqli hendaklah tunduk kepada hukum naqli.
- k) Komited dalam menyebarkan aqidah yang disepakati kebenarannya, dan menentang aqidah yang disepakati kebatilannya.
- l) Bersungguh-sungguh menyatukan ummah dengan sifat rahmat, ehsan dan sangka baik ke dalam satu aqidah yang sama dan menjauhkan sikap gemarkan perselisihan dan perpecahan sehingga mengeluarkan seseorang daripada aqidah tanpa hak.
- m) Mengelakkan diri daripada menghukum dengan kafir mengkafir (*takfir*), bid'ah membid'ah (*tabdi'*) dan sesat menyesatkan (*tadhlii'*)

antara sesama muslim secara sesuka hati, sebaliknya mengambil pendekatan dakwah secara ilmu dan berdasarkan prinsip keadilan.

- n) Mengutamakan aqidah untuk membentuk sebaik-baik manusia dari segi keperibadian dan penyucian jiwa dalam mentaati Allah, bukan membentangkan aqidah yang membangkitkan perdebatan antara ahli ilmu dan membingungkan orang awam yang jahil.
- o) Menjadikan aqidah sebagai sumber inspirasi kehidupan muslim dalam *ibadah, munakahah, muamalah, jinayah* dan *siyasat al-daulah*.

2

ISU AJARAN SESAT (ILMU HAKIKAT, AL-ARQAM DAN SYIAH)

PENGENALAN AJARAN SESAT DAN PENENTUANNYA

Takrif Ajaran Sesat

Takrif ajaran sesat yang diguna pakai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada masa ini adalah “sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah (iaitu Hadith sahih) serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah”.

Takrif ini disokong pula dengan takrif yang disebut oleh Tafsir Pimpinan Rahman (muka surat 4 edisi jawi dan muka surat 5 edisi rumi), orang yang sesat ialah “orang yang tidak berpengetahuan agama kerana tidak berusaha mempelajarinya atau orang yang berpengetahuan agama yang tidak betul kerana dipelajari dengan tidak menurut peraturan dan jalan sebenarnya”.

Menerusi takrif yang diguna pakai oleh JAKIM, jelas menunjukkan bahawa tiada sebarang ayat yang menunjukkan JAKIM secara langsung menghukumkan bahawa seseorang pengamal ajaran sesat itu telah murtad. Sebaliknya takrif ini hanya menisbahkan kesesatan atau penyelewengan itu berlaku terhadap sesuatu perbuatan atau perkataan yang menjadi ajaran atau amalan seseorang pengamal ajaran sesat.

Dengan kata lain definisi ajaran sesat yang dikemukakan oleh JAKIM adalah bersifat penghukuman terhadap sesuatu ajaran atau amalan itu. Ia adalah satu kaedah umum yang boleh diguna pakai terhadap apa jua ajaran atau amalan yang didapati menepati ciri-ciri kesesatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Islam. Manakala untuk memberi penghukuman terhadap status Islam seseorang pengamal ajaran sesat secara khusus (penetapan murtad) adalah tertakluk kepada pihak berautoriti seperti institusi fatwa atau melalui proses kehakiman Islam.

Penentuan Hukum Ajaran Sesat

Secara zahirnya pengamal ajaran sesat telah memenuhi ciri-ciri murtad. Persoalannya adakah ia boleh dihukumkan murtad? Hukum bagi menentukan status keislaman sesebuah ajaran sesat adalah bergantung kepada tahap atau jenis kesesatan yang dilakukan oleh pengamalnya. Menurut para ulama, jenis kesesatan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama; kesesatan yang mengkafirkan (*bid'ah mukaffirah*). Kedua; kesesatan yang tidak mengkafirkan (*bid'ah ghair mukaffirah* atau *bid'ah mufassiqah*)⁷⁶. Takrifannya adalah seperti berikut:

- a) Kesesatan yang mengkafirkan (*bid'ah mukaffirah*) iaitu mengingkari sesuatu hukum syarak yang telah disepakati (*ijmak*), telah mutawatir (khabarnya) serta sewajibnya dimaklumi dalam agama (*ma 'ulima min al-din bi al-dharurah*) atau orang yang meyakini sebaliknya.
- b) Kesesatan yang tidak mengkafirkan (*bid'ah ghair mukaffirah* atau *bid'ah mufassiqah*) iaitu kesesatan yang tidak menyebabkan kekafiran tetapi ia dihukumkan sebagai *fasiq* atau pelaku dosa. Kesesatan jenis ini tidak sampai merosakkan pokok-pokok keimanan (*usul al-iman*), tidak membatalkan sesuatu hukum yang mutawatir dan sesuatu hukum yang sewajibnya dimaklumi dalam agama (*ma 'ulima min al-din*

⁷⁶ Lihat: Syarah Nukhbah Fi Mustalah Ahl al-Athar, Ahmad ibn Hajar al-'Asqalani, Ta'lîq: Syaikh Muhammad Ghias al-Sibagh, Maktabah al-Ghazali, Damsyiq, h. 101.

bi al-dharurah). Akan tetapi ajaran atau amalan ini tetap dikategorikan sebagai sesat dan menyimpang daripada kebenaran (*al-haq*).

Penentuan Hukum Pengamal Ajaran Sesat

Penentuan bagi menentukan status keislaman seseorang pengamal ajaran sesat adalah tertakluk kepada kategori sesat yang dilakukannya. Sekiranya kesesatan yang dilakukan adalah termasuk dalam jenis *bid'ah ghair mukaffirah*, maka tidak syak lagi bahawa dia adalah kekal sebagai seorang Islam. Namun sekiranya kesesatan itu menyentuh persoalan *bid'ah mukaffirah*, maka menjadi tanggungjawab umat Islam agar berhati-hati serta benar-benar melakukan penelitian kerana ia boleh mengakibatkan seseorang dijatuhkan hukuman terkeluar daripada Islam atau murtad.

Kaedah *Takfir* Menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Para ulama menggariskan dua kaedah dalam *takfir* (mengkafirkan orang)⁷⁷.

- (a) *Takfir Mutlak*. Bererti menyatakan bahawa sesiapa berbuat sesuatu perkara yang boleh mengkafirkan maka ia boleh membawa kepada kekuferan, tanpa memaksudkan pelaku atau orang tertentu. Kenyataan seumpama ini difokuskan kepada perbuatan atau ajaran atau pembawaannya, bukan pelaku atau orang secara khusus.
- (b) *Takfir Mu'ayyan*. Bererti menyatakan bahawa si fulan bin si fulan, iaitu dengan menyebut nama orang tertentu telah kafir. Kenyataan seumpama ini ditujukan secara langsung kepada seseorang yang melakukan sesuatu perkara yang boleh mengkafirkan.

Menurut Dr. Yusof al-Qaradhawi *takfir* perlu dibezakan dengan dua cara iaitu *takfir nau'* (jenis) dan *takfir syakhs mu'ayyan* (peribadi). Beliau menyebut: “*Hendaklah diberikan perhatian apa yang telah*

⁷⁷ Al-Qaradhawi, Yusuf (1996), *Fatawa Mu'asirah*, Kaherah: Dar al-Qalam, j.1, h. 126-127.

Ingin membaca buku ini lebih lanjut?
Dapatkan naskhah anda di:
Bahagian Penerbitan Jakim
Aras 1, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 W.P. Putrajaya.
No. Tel : 03-8886 4575

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an

Al-Hadith

Perlembagaan Malaysia.

_____. (1990), *Mengapa Kalimah Allah?*, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM KL.

_____. (2002), *Islam, dakwah dan politik*, Pustaka Thariqul Izzah.

_____. (1991), *Kamus Dwi-Bahasa*, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

'Ulwan, 'Abdullah Nasih, Dr.(1988), *Hurriyah al-I'tiqad fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam

'Akbari, 'Ubayd Allah bin Muhammad bin Battah al-(1418h), *al-Ibanah 'an Syari'ah al-Firqah al-Najiyah wa Mujanabah al-Firaq al-Madhmmah*, j.1, c.2, Riyadh :Dar al-Rayah.

'Ala' al-Din, Abu Abdullah (1999), *Syarh Sunan Ibn Majah*, Saudi: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz, j.1.

'Allal al-Fasi , *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*, al-Dar al-Baydha'.

'Amili, al-Hurr (1414h), *Wasa'il al-Sy'i'ah*, T.T.P: Muassasah Al al-Bayt li Ihya' al-Turath.

'Amili, Muhsin al-Amin (1983), *A'yarus Syi'ah*, T.T.P: T.P.

'Aql, Nasir bin 'Abd al-Karim (1419h), *Buhuth fi 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, Saudi : Dar al-'Asimah.

A.S Hornby(1985), *Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English*, Oxford University Press, Great Britain.

- Abadi, Syams al-Haq al-Azim, *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Abduh, Muhammad (1341H), *Tafsir Juzz 'Amma*, Misr: Sharikah Musahamah Misriyyah.
- Abdul Aziz Bari (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Hamid Yunus (2010), *Asas Rujukan dalam Bidang Akidah Islam*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Hamid Yunus (2010), *Penjelasan Istilah yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Kadir Muhamad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim al-Khudhair, *al-Hadith al-Dha'if*, Dar al-Muslim
- Abdul Rahman Hasan Habannakah al-Maidani(1994), *al-Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, Dar al-Qalam.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah(1998), *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samat bin Musa (2006), “Kedudukan Islam dan Kebebasan Beragama dalam Perlembagaan Malaysia”, kertas kerja Seminar Pertukaran Agama dan Kesan dari Segi Perspektif Syariah dan Perundangan, Bangi : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Abdul Shukor Husin (1998), *Ahli Sunah Wal-Jamaah Pemahaman Semula*, Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Pengaruh Asing Terhadap Kefahaman Allah-Muhammad*, Cakera Padat, Putrajaya: JAKIM.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Sumber Ajaran Sesat*, Putrajaya: JAKIM.
- Abdullah Alwi Hj. Hasan, “Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia : Suatu Ulasan”, *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang di Malaysia*, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Batu Caves : Thinkers Library Sdn. Bhd.

- Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya : al-Rahmaniah.
- Abu Habib, Sa'di (1988), *al-Qamus al-Fiqhi*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Adian Husaini, M.A dan Nuim Hidayat, *Islam Liberal*, (Jakarta: Gema Insani, 2002).
- Ahmad al-Kisrawiy al-Syi'iy *Al-Tasyayyu' Wasy-Syi'ah*.
- Ahmad Husnan (1993), *Ilmiah Intelektual dalam Sorotan*, Surakarta: Uil Albab Press.
- Ahmad Laksamana, *Hakikat Insan*
- Ahmad Laksamana, *Tajalli*.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned (1987), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rasyad, Dr. (1998), *Hurriyah al-'Aqidah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Itrak li al-Nasyr al-Tawzi'
- Alain, *Yoga for Perfect health*, New York: Pyramid Books, 1970.
- Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Hijab al-Mar'ah al-Muslimah*, al-Maktab al-Islami
- Ali Shari'ati (1980), *Marxisme and Other Western Fallacies, an Islamic Critique*, terj. R. Campbell, Berkeley : Mizan Press.
- Al-Kitab, The Bible Society Of Malaysia
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*(1427), Kuwait: Wizarat al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Amudi(1955), *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Qahirah: Muassasat al-Halabi wa Syuraka'uhu.
- Anwar al-Jundi (1993), *Pembaratan di Dunia Islam*, Bandung : PT Remaja Rosdakarya.
- Anis Malik Thaha (2005), *Tren Pluralisme Agama*, Jakarta: Gema Insani.

- Apte, Vaman Shivram (1965). *The Practical Sanskrit Dictionary*. Delhi: Motilal Banarsi Dass Publishers.
- Armstrong, K, . *A History of God*, New York: Ballantine Books, 1993.
- Ary Ginanjar Agustian(2009), *Spiritual Company: Kecerdasan Spiritual Pembawa Sukses Kampiun Bisnis Dunia*, Jakarta: Arga Publishing.
- Asnawi, 'Abd al-Rahim ibn Hasan, *Nihayat al-Su'al fi Syarh Minhaj al-Usul li al-Baidhawi*, al-Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Asuki Abas, "PM : Tangguh Tubuh ICM – Adalah lebih baik dimulakan dialog antara pelbagai agama", *Utusan Malaysia*, 27 Februari 2005.
- Asy'ari, Abu al-Hasan al-(t.t), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1977), *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, Kaherah: Dar al-Ansar.
- Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1995), *Risalah Istihsan al-Khawdh fi 'Ilm al-Kalam*, Beirut: Dar al-Masyari'.
- Athari, Abdullah bin Abdul Hamid (1422h), *Al-Wajiz Fi Aqidah al-Salaf al-Soleh*, Saudi: Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Irsyad.
- Azmah Abdul Manaf (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Petaling Jaya, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ba 'Abdullah, Muhammad Ba Karim (1994), *Wasatiyyah Ahl al-Sunnah Bayn al-Firaq*, Riyadh: Dar al-Rayah.
- Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-(t.t), *Tafsir al-Baghawi al-Musamma Ma'alim al-Tanzil*, j.4. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Bahagian Penyelidikan (1997), *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*, Putrajaya: JAKIM.
- Banna, Hasan al-(t.t), *Majmu' al-Rasa'il*, T.T.P: T.P.
- Berita Harian, 4 Februari 1997.
- Bukhari, Abd al-'Aziz, *Kasyf al-Asrar 'ala Usul al-Bazdawi*, Istanbul: al-Syirkah al-Sohafiyyah al-'Uthmaniyyah.

- Bukhari, Muhammad bin Isma'il al-(1987), *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*, c.3, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Buti, Sa'id Ramadhan, Dr. (2004), *Hurriyah al-Insan fi Zill 'Ubudiyyah Li-Allah: Damsyik*.
- Buti, Sa'id Ramadan (1981), *Alla mazhabiyah*, Pent. Anas Tahir Syamsudin, Surabaya: Bina Ilmu.
- Clifford H (1961), *Expedition : Terengganu and Kelantan*, Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society.
- De Kleine W.P. Encylopaedie (1950, Mr. G.B.J. Hiltermann dan Prof.Dr.P. Van De Woestijne.
- Dihlawi, Shah Abdul Aziz (t.t), *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*: Kuala Lumpur: DBP.
- Duri, Qahtan al-(1996), *Usul al-Din al-Islami*, 'Amman : Dar al-Fikr.
- Fatawa al-Azhar*, Mesir: Wizarat al-Auqaf al-Misriyyah.
- Flood, Gavin (1996), *An Introduction to Hinduism*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazali(1973), *al-Mustasfa*, Mesir: Maktabat Tijariyyah al-Kubra.
- Ghazali, Abu Hamid al-(t.t), *Ihya 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Habannakah, Abdul Rahman Hasan (1994), *al-Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, Beirut: Dar al-Qalam.
- Haja Maiden (1991), *The Nadra Tragedy*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications.
- Hakim, Muhammad bin 'Abdullah (1990), *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, j.1.
- Haron Daud (1989), *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan al-Banna, *Majmu'at al-Rasa'il*.
- Hasbi, al-Siddiqi, *Pokok-pokok Pegangan Imam-imam Mazhab dalam Membina Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.

- Hashim Hj. Musa (2004), *Dialog Peradaban, Pemerksaan Tamadun Melayu Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press.
- Hassan Bandung(1980), *Risalah al-Mazhab*, Bangil: Pustaka Abdul Muis.
- Hasyim, Ahmad 'Umar (1998), *Wasatiyyah al-Islam*, Kaherah: Mansyurat Dar al-Rasisyad.
- Hindi, Nasir al-Din (2008), *al-Suyuf al-Musyriqah wa Mukhtasar al-Sawa'iq al-Muhriqah*, Kaherah: Maktabah al-Imam al-Bukhari.
- Ibn 'Asakir, 'Ali bin al-Hasan (1347h), *Tabyin Kazib al-Muftari Fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari*, Dimasyq: al-Qudsi.
- Ibn 'Abd al-Barr (1387h), *al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, al-Maghrib: Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah, j.24.
- Ibn al-Humam, *al-Tahrir fi Usul al-Fiqh*, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn al-Jawzi , *Talbis Iblis*.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj (1358H), *al-Muntazam fi Tarikh al-Muluk wa al-Umam*, Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Khatib al-Baghdadi, *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*.
- Ibn al-Subki(1965), *Jam'ul Jawami'*, Surabaya: Syarikat Maktabah Said bin Nubhan wa Awladuhu.
- Ibn Daqiq al-'Ied(1976), *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdat al-Ahkam*.
- Ibn Hajar al-'Asqalani (1964), *Talkhis al-Habir fi Ahadith al-Rafi'i al-Kabir*, Madinah: T.P.
- Ibn Hajar al-'Asqalani , *Syarah Nukhbat al-Fikar Fi Mustalah Ahl al-Athar*, Ta'lisiq: Syaikh Muhammad Ghias al-Sibagh, Damsyiq: Maktabah al-Ghazali.
- Ibn Hajar al-Asqalani(1995), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali (1984), *Tahzib al-Tahzib*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1408h), *al-'Aqidah Riwayah Abi Bakr al-Khallal*, Dimashq: Dar Qutaybah.
- Ibn Hazm al-Andalusi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*.

- Ibn Hazm(1965), *al-Muhalla*, Beirut: Maktabat Tijariyyah.
- Ibn Hazm, 'Ali bin Ahmad (t.t), *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, Mesir : Maktabah al-Khanji, j.4.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (t.t), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, j.3.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah(1968), *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Rajab al-Hanbali, *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*.
- Ibn Taimiyyah , *Majmu'at al-Rasa'il al-Kubra*, Beyrut.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim (2005), *Majmu' Fatawa*, Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Ibnu Hajar al-Haithami, *al-Fatawa al-Hadithiyyah*, Dar al-Ma'rifat, Beyrut.
- Ibnu Jaziy al-Maliki, *Qawa'id al-Ahkam al-Syar'iyyah*.
- Irbili, Ali bin Isa (1381h), *Kasyful Ghummah fi Ma'rifah al-A'imma*, Tabriz : Bani Hasimi.
- Ismail, Mohammad Ariffin (t.t), *Cabarani Akidah : Pemikiran Islam Liberal*, Kuala Lumpur : Jabatan Mufti Wilayah.
- Ittihaf Sadat al-Muttaqin*, Muhammad Az-Zabidi, juz 2, hal. 6 nukilan K.H. Siradjuddin Abbas dalam *I'tiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah*.
- Izz ibn 'Abd al-Salam(1968), *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*.
- Ja'bari, Hafiz Muhammad al-(1996), *Gerakan Kebangkitan Islam*, Solo : Duta Rahman.
- James McCartney(1969), *Yoga The Key to Life*, New York: E.P. Dutton & Co., Inc.
- John Ferguson(1977), *An Illustrated Encyclopaedia of Mysticism, "samsara"*, New York: Seabury Press.
- Jum'ah, 'Ali (2005), *al-Bayan lima Yusyghil al-Azhan*, Kaherah: el-Mokatam
- Khalif Muammar (2006), *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Islam Liberal*, Kajang : Akademi Kajian Ketamadunan.

Khatib, Syarif al-(t.t), *Masyru'iyyah al-Ijtihad fi Furu' al-I'tiqad*, Mafraq: Jami'ah Al al-Bayt.

Khomeini, Mustafa Ahmad (1389), al-Hukumah al-Islamiyyah, c.3. T.T.P : T.P.

Khudhari Bek(1960), *Usul al-Fiqh*, Mesir: Maktabat Tijariyyah al-Kubra.

Kisrawi, Ahmad (1988), *al-Tasyayyu' wa al-Syi'ah*, T.T.P: T.P.

Kulaini, Muhammad bin Ya'qub (1407h), *al-Kafi*, Tehran : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

Kulaini, Muhammad bin Ya'qub al-(t.t), *Usul al-Kafi (makhtutah)*.

Lalaka'i, Hibah Allah bin al-Hasan al-(1402h), *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma' al-Sahabah*, j.1. Riyadh : Dar al-Tayyibah.

Lawrence C. Becker (2001), *Encyclopedia of Ethics*, New York : Routledge, j.2.

Mahmood Zuhdi (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Majalah *Mannar al-Islam* bil.11/10/1405H.

Majalah Matra, Disember 1992.

Majalah *Rabitah al-'Alam al-Islami*, Bil. 7, Tahun 7/1389H.

Majlisi, Muhammad Baqir (1378h), *Jilaau al-'Uyun*, Tehran: Wizarat Farhang wa Irsyad Islami.

Makki, 'Abd al-Malik bin Husayn al-(1998), *Samt al-Nujum al-'Awali fi Abna' al-Awa'il wa al-Tawali*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Malti, Muhammad bin Ahmad al-(1997), *al-Tanbih wa al-Radd 'ala Ahl al-Ahwa' wa al-Bida'*, Kaherah : al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.

Manji, Irshad (2012), *Allah, kebebasan dan cinta*, Petaling Jaya: ZI Publication.

Marjah, Muwaffah Bani (1996), *Sahwah al-Rajul al-Maridh*, T.T.P: Muassasah al-Rayyan.

Mawahibi, 'Abd al-Baqi al-(1987), *al-'Ayn wa al-Athar fi 'Aqa'id Ahl al-Athar*, Lubnan: Dar al-Ma'mun.

Mc Cartney, J. *Yoga: The Key To Life*, New York: E.P/ Dutton & Co., Inc.

- Mohd Fauzi Hamat (2008), "Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran", Jurnal Penyelidikan Islam Bil. 21, Putrajaya: JAKIM.
- Morey, Robert (1992) *Islamic Invasion : Confronting the World's Fastest Growing Religion*, Oregon: Harvest House.
- Mufid, Muhammad bin Muhammad (1413h) *Al-Irsyad fi Ma'rifah Hijaj Allah a'la al-'Ibad*, Qom: Kangarah Syeikh Mufid.
- Muhammad Fathi 'Uthman (1969), *al-Tarikh al-Islami wa al-Mazhab al-Maddi*, Kuwait: T.P.
- Muhammad Uthman El-Muhammady (1977), *Memahami Islam : Insan, Ilmu dan Kebudayaan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Munawi (1994), *Faydh al-Qadir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Munawi, Muhammad 'Abd al-Ra'uf al-(1990), *al-Tawqif 'ala Muhimmaat al-Ta'ariif "Mu'jam Lughawiy Mustalahiy"*, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Munzari, *al-Targhib wa al-Tarhib*, 1373H.
- Nakri, 'Abd al-Rabb al-Nabi (2000), *Dustur al-'Ulama' aw Jami' al-'Ulum fi Istilahat al-Funun*, j.3. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nawawi, *al-Azkar*, al-Maktabah al-'Asriyyah, Beirut.
- Nawawi (1995), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Nawawi, Yahya bin Syaraf al-(1995) *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Dar al-Fikr. j.15.
- Neill,S (1956), Colonialism and Christian Missions. London: Lutterworth Press.
- Penjelasan Hukum*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, cet.1, 1998.
- Phelan, N and Volin, Michael, *Sex and Yoga*, New York: Bantam Books, 1969.
- Qaradhawi, Yusof, al-(1993), *Malamih al- Mujtama` al-Muslim Allazi Nansyuduhi*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(1995), *Fi al-Fiqh al-Awlawiyyat*, Qahirah: Maktabat Wahbah.
- Qaradhawi, Yusof, al-(1996), *Fatawa Mu'asirah*, Kaherah: Dar al-Qalam.

- Qaradhawi, Yusof, al-(t.t) *al-Sunnah Masdarun li al-Ma'rifat wa al-Hadharah*, al-Qahirah: Dar al-Syarq.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(2001) *Kayfa Nata'amal Ma'a Turath wa at-Tamazhab wa al-Ikhtilaf*, Mesir: Maktabah Wahbah.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(2006), *al-Iman wa al-Hayah*, Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(2010), *Kesederhanaan Dalam Islam*, terj. Mohd Lokman & Hasan Basri, Seri Kembangan: Mj Production.
- Qurtubi al-(2003), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Qusyairi, 'Abd al-Karim bin Hawazin (2001), *al-Risalah al-Qusyairiyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rafiq al-'Azm (1968), *Asyhar Masyahir al-Islam fi al-Hurub wa al-Siyasah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Rajih 'Abd al-Hamid al-Kurdi (1989), *al-Ittijah al-Salafi Bain al-Asalah Wa al-Mu'asarah*, Dar 'Ammar.
- Razi, Fakhruddin al-(2000), *al-Tafsir al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Razi, Muhammad bin 'Umar al-(1402h), *I'tiqadat Firaq al-Muslimin wa al-Mushrikin*, Beirut : Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Rifyal Ka'bah (1994), *Islam dan Serangan Pemikiran*, Jakarta : Granada Nadia.
- Ringkasan buku Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah, JAKIM.
- Shah Abdul Aziz al-Dahlawi. DBP: *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*.
- Sa'id Ibrahim (1996), *'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah.
- Safarini, Syamsuddin al-(1982), *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyah*, Damsyiq: Mu'assasah al-Khafiqin.
- Salleh Buang (2006), "Sikap dan Peranan Umat Islam dalam Menghadapi Cabaran Semasa", kertas kerja Simposium Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan, Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Samad Ahmad (1979), *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sayuti wa al-Mahalli, al-(t.t) *Tafsir al-Jalalayn*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Sayuti, Jalal al-Din al-(1403), *al-Asyabah wa al-Nazha'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sayuti, Jalal al-Din al-(1995), *al-Amr bi al-Ittiba' wa al-Nahy 'an al-Ibtida'*, Dammam: Dar Ibn al-Qayyim.
- Sabuni, Muhammad 'Ali al-(t.t), *Tafsir Ayat al-Ahkam*, Dimasyq: Maktabah al-Ghazali.
- Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad 'Abd al-Karim Abi Bakr Ahmad al-(1404h), *al-Milal wa al-Nihal*, Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Shaybani, Abu al-Hasan bin Ali al-Karam (1415h), *al-Kamil fi al-Tarikh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sulayman al-Nadawi, *Tahqiq Ma'na al-Sunnah wa Bayan al-Hajat llayh*, al-Qahirah, 1377H.
- Syahril A. Kadir, "Kabinet arah henti bincang isu sensitif agama", *Utusan Malaysia*, 27 Julai 2006.
- Syatibi (1997), *al-Muwafaqat*, Dar Ibn 'Affan.
- Syatibi , *al-I'tisam*, Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, c. 4. Petaling Jaya : ABIM.
- Tabari, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*.
- Tabari, Muhammad bin Jarir (1969), *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Tabarsi, Ahmad bin Ali (1403h) *Al-Ihtijaj 'ala Ahl al-Lajjaj*, Masyhad : Nasyr Murtada.
- Tabarsi, Fadhal bin Hasan (1390h), *I'lamlul Wara bi A'lam al-Huda*, Tehran: Islamiyyah.
- Taftazani, Sa'd al-Din al-(1988), *Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Tantawi, Muhammad Sayyid, *Tafsir al-Wasit*, Kaherah: Dar al-Sa'adah.

Tarmizi Abdul Halim, "Nyonya Tahir bukan Islam: Mahkamah Syariah benarkan si mati disemadi cara Buddha", *Utusan Malaysia*, 23 Januari 2006.

Tirmizi, Muhammad bin 'Isa (t.t), *al-Jami' al-Sahih*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.5.

Tom Eames Hughes (1980), *Tangled Worlds: The Story of Maria Hertogh*, Singapore : Institute of Southeast Asia Studies.

Tun Mohamad Suffian (1990), *Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Uthman el-Muhammady (1995), *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan yang Mengamalkan Pegangan Ahlis Sunnah Wal-Jamaah*, Kuala Lumpur: BAHEIS.

Utusan Malaysia, bertarikh 3 Februari 1997.

Wood, E.E.(1970), *Practical Yoga*, California, Wilshire Book Company.

Zainah Anwar, "Listen to cries of the silent majority", *New Straits Times*, 12 Januari 2006.

Zainah Anwar, "Making Taboo A Cherished Tradition", *New Straits Times*, 16 Jun 2006.

Zaini Nasohah (2004), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Zuhaili, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dimasyq: Dar al-Fikr.

Zulkiflee Bakar, "121 (1A) Kekal : PM, Perbuatan Sembilan Menteri Serah Memorandum Luar Biasa", *Utusan Malaysia*, 21 Januari 2006.

<http://aliran.com/about-us>.

<http://bantahifc.bravehost.com/>.

<http://harmonymalaysia.wordpress.com/>.

http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=4813:pointers-isu-sebatan-ke-atas-kes-kartika&catid=16:isu-nasional.

http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=4287:zaid-dan-hujah-dangkalnya-tentang-kes-lina-joy-dikecam-hebat&catid=1:utama&Itemid=50.

- http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2413:zaid-ibrahim-tarik-balik-saman-hudud&catid=1:utama&Itemid=50.
- http://www.ipsnews.net/news.asp?idnews=33940.
- http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html.
- http://www.islam.gov.my/sites/default/files/awas22.pdf. 2 April 2011.
- http://www.kaskus.us/showthread.php?t=1135414.
- http://www.malaysiakini.com/news/11780.
- http://www.mindamadani.my/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=126.
- http://www.sistersinislam.org.my/BM/zai-24march06.htm.
- http://www.sistersinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=417&Itemid=194.
- http://www.sistersinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=699&Itemid=270. 4
- http://www.tranungkite.net/lama/b02/pum2.htm.
- http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1018&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_04.htm.
- http://www.aljazeera.net/home/print/0353e88a-286d-4266-82c6-6094179ea26d/b3b1607c-a61e-4459-98d0-b25a149ae62c.
- http://www.onislam.net/arabic/ask-the-scholar/8419/8418/52847-2004-08-01%2017-37-04.html.
- http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0107&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm.
- http://www.saaid.net/Doat/Zugail/179.htm.
- http://id.wikipedia.org/wiki/Materialisme.
- http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/mimpi-dari-perspektif-islam.
- http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html.

Diskusi

Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa

di Malaysia

Mohd Aizam bin Mas'od

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

© HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama ...2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519, Putrajaya, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Aizam Mas'od, 1976-,

DISKUSI ISU AQIDAH & PEMIKIRAN SEMASA DI MALAYSIA /

MOHD AIZAM BIN MAS'OD

Bibliography: page 505

ISBN 978-983-042-533-7

1. Faith (Islam). 2. Islam--Doctrines.

I. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. II. Judul.

297.2

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok D7 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.

KATA PENGANTAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan petunjuk dan inayah-Nya, buku Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia ini berjaya diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mutakhir ini, kita dapat melihat pelbagai isu yang melibatkan ancaman terhadap aqidah Islam datang dalam pelbagai bentuk seperti ajaran sesat, perbomohan, amalan khurafat dan tahlul serta aliran pemikiran yang menyeleweng. Kesemua ini jika tidak dibendung dan ditangani segera, ia boleh menggugat kesucian aqidah Islam, malah boleh mencabar kedudukan istimewa agama Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, isu-isu yang dikupas dalam penulisan ini sesuai untuk diketengahkan kepada masyarakat sebagai penjelasan terhadap isu-isu semasa berkaitan aqidah. Buku ini telah melalui semakan dan telah diperakurkan oleh Panel Pakar Aqidah (PPA), Jakim supaya dapat dijadikan panduan dalam mengenal pasti dan menjawab isu-isu semasa aqidah yang berlaku.

Sehubungan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada penulis, Ustaz Mohd Aizam bin Mas'od daripada Seksyen Aqidah,

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM dan semua pihak yang berlibat atas usaha yang bersungguh-sungguh bagi menyiapkan penerbitan buku ini. Semoga usaha ini akan memberi manfaat kepada seluruh ummah dan dikurniakan ganjaran oleh Allah SWT di akhirat kelak.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Bersyukur kepada Allah SWT kerana penulis telah diberi kekuatan untuk menyiapkan buku ini dengan izin-Nya.

Pada dasarnya, kandungan buku ini adalah kompilasi artikel-artikel karangan penulis sejak terlibat secara langsung menjalankan kajian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan ancaman aqidah dan pemikiran semasa di Malaysia. Terdapat artikel-artikel yang ditulis secara serius berdasarkan metode akademik dan sebahagian yang lain ditulis secara santai tetapi masih mengekalkan nilai-nilai ilmiyyah. Di samping itu, penulis turut mengambil rujukan daripada pihak berautoriti bagi menentukan kedudukan atau pendirian rasmi pihak berwajib berkenaan satu-satu isu.

Manhaj penulisan buku ini merangkumi pelbagai pendekatan, sama ada ia berbentuk penjelasan mendatar atau hujah balas terhadap aqidah dan pemikiran yang menyeleweng daripada aqidah dan syariah Islam. Oleh kerana isu-isu yang menjadi topik perbincangan menyentuh bidang yang berbeza, justeru penulis membahagikan buku ini kepada enam bab seperti berikut:-

Bab 1: Islam Sebagai Agama Negara

Bab 2: Isu Ajaran Sesat (Ilmu Hakikat, al-Arqam dan Syiah)

Bab 3: Isu Islam Liberal dan Pluralisme Agama

Bab 4: Isu Bid'ah dan Anti Mazhab

Bab 5: Isu Mistisisme dan Khurafat

Bab 6: Fatwa Aqidah Semasa

Penulis juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan guru dan sahabat penulis terutamanya Prof. Dr. Abdulfatah Haron bin Ibrahim (ahli Panel Kajian Aqidah JAKIM), Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (ahli Panel Kajian Aqidah JAKIM), al-Marhum Ustaz Abdul Hamid Yunus (bekas Pakar Rujuk Aqidah JAKIM) atas bimbingan dan tunjuk ajar mereka dalam menyiapkan buku ini.

Akhir kalam, penulis berdoa semoga apa yang dipersembahkan melalui buku ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam di Malaysia, apatah lagi dalam tujuan memelihara dan mempertahankan aqidah dan syariah Islam di Negara ini.

Sekian, *wassalam*.

MOHD AIZAM BIN MAS'OD

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	v
SEKAPUR SIRIH	vii
Bab 1: ISLAM SEBAGAI AGAMA NEGARA	1
Islam Sebelum Kedatangan Penjajah	1
Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia	5
• Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama	
Bukan Islam	9
• Maksud Islam Agama bagi Persekutuan	10
Malaysia: Negara Islam berlandaskan Ahli Sunnah Wal-Jamaah	
Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Aqidah Wasatiyyah	14
• Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah	15
• Pendapat Para Ulama Tentang Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah	17
• Keputusan Panel Kajian Aqidah JAKIM	19
• Sekilas Sejarah Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia	19
Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Aqidah Wasatiyyah Definisi Aqidah	22
• Definisi Wasatiyyah dalam Aqidah	24
• Manhaj Wasatiyyah dalam Definisi Iman	26
• Manhaj Wasatiyyah dalam Sumber Aqidah	29
• Manhaj Wasatiyyah dalam Pendekatan Ilmu Aqidah	36
• Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara <i>Ilahiyyat</i>	39
• Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara <i>Nubuwwat</i>	44
• Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara <i>Sam'iyyat</i>	48
Kesimpulan	53
Bab 2: ISU AJARAN SESAT (ILMU HAKIKAT, AL-ARQAM DAN SYIAH)	57
Pengenalan Ajaran Sesat dan Penentuannya	57
• Takrif Ajaran Sesat	57

• Penentuan Hukum Ajaran Sesat	58
• Penentuan Hukum Pengamal Ajaran Sesat	59
• Kaedah <i>Takfir</i> Menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah	59
• Syarat-syarat <i>Takfir</i> Peribadi (<i>Syahsi/Mu'ayyan</i>)	62
• Perkembangan Ajaran Sesat di Malaysia	63
Ajaran Ilmu Hakikat	65
• Ciri-ciri Ajaran Ilmu Hakikat	66
• Beberapa Gambar Rajah Ajaran Ahmad Laksamana	74
• Pengharaman Ajaran	96
• Penjenamaan Semula	96
Kesimpulan	98
Ajaran al-Arqam	99
• Pengenalan Kumpulan al-Arqam @ Rufaqa' @ Global Ikhwan	99
• Perkara-perkara yang Meragukan dalam Kumpulan Bekas al-Arqam	102
Menjawab Kesesatan dalam Aurad, Mahdi dan Bani Tamin	104
Menjawab Dakwaan Yaqazah Sesat Jemaah al-Arqam	110
Asaari Muhammad Bukan Putera Bani Tamim	115
Ghaibkah Asaari Muhammad?	121
Menjawab Hujah Dangkal Keghaiban Abuya	124
Ajaran Syiah	131
• Sejarah Ringkas Kemunculan Syiah	131
• Syiah Imamiyyah Ithna 'Asya'riyyah	133
• Pendirian Kerajaan Berkenaan Syiah	135
• Penyelewengan Syiah dari Sudut Aqidah	136
• Penyelewengan Syiah dari Sudut Syariah	150
• Pelbagai Penyelewengan Umum	155
Menjawab Artikel Berbau Syiah	161
• Bid'ah Asyura Tajaan Syiah	162
• Syiah Pencetus Peristiwa Karbala	163
• Tuduhan	166
• Larangan Meratap	168
• Sunni Pejuang Bumi Palestin	169
• Malaysia Bumi Sunni	174
Membongkar Syiah dalam Karya "Perempuan Nan Bercinta"	175
Mempertikaikan Sayyidina Abu Hurairah RA dan Hadith Sahih	177
• Isu Diskriminasi Wanita	179
• Mempertikaikan Kredibiliti Sayyidah 'Aisyah RA	182
• Menuduh Hadith-Hadith Keutamaan Para Sahabat Hanyalah Rekaan Sunni	183

• Menghina Khulafa' al-Rasyidin	183
• Menghina Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah (Asya'irah-Maturidiyyah)	184
Kesimpulan	188
Bab 3: ISU ISLAM LIBERAL DAN PLURALISME AGAMA	189
Serangan Pemikiran @ Ideologi	189
Fahaman Islam Liberal	191
• Perbandingan Antara Islam dan Liberalisme	193
• Doktrin Utama Islam Liberal	194
Beberapa Fenomena Liberalisme dan Pluralisme Agama di Malaysia	195
• Membenarkan Murtad atau Pertukaran Agama	195
• Penentangan Terhadap Pelaksanaan Syariah dan Autoriti Agama	208
• Keputusan Fatwa Kebangsaan	214
Fahami Kewajaran Fatwa Islam Liberal	216
Islam Liberal Pada Neraca Ulama al-Azhar	220
Islam Liberal Pertikai Pemakaian Tudung	225
Bahaya Pluralisme Agama	229
• Kekeliruan Pluralisme Agama Menurut Islam	231
• Perbezaan Pluraliti Agama dan Pluralisme Agama	232
• Perbezaaan Pluralisme Agama dan Toleransi Agama	233
• Tips Membenteng Diri daripada Pluralisme Agama	234
• Fatwa Berkenaan Pluralisme Agama	238
Mengapa Ulama Tolak Pluralisme Agama	238
Kebebasan Beragama: Antara Universal Islam dan Pluralisme Agama	243
• Inklusif dan Eksklusif	244
• Syariah Islam	245
• Islam Agama Universal	248
• Dialog Keagamaan Sebagai Medium Dakwah	249
Kecelaruan Beragama	252
• Dakwaan Islam, Yahudi dan Kristian sebagai Agama 'Monoteisme'	252
• Monoteisme Menjadi Pluralisme Agama	255
• Konsep 'Falsafah Abadi'	256
• Islam Agama Tauhid Sebenar	258
Kisah Farish, Zainah dan Armstrong	259
Islam Liberal Menolak Hadith Ahad	265

Murtad Bukan Hak Asasi	271
Awas! Artikel Menghina Islam	278
• Laporan Polis Terhadap Artikel Menghina Islam	279
• <i>'I Promise to be a good, non-hypocritical Muslim'</i>	281
• Menafikan Kewajipan Bertudung	282
• Menolak Kewujudan Syariat dan Negara Islam	286
Polemik Kongsi Raya	290
• Garis Panduan Menyertai Perayaan Bukan Islam	293
Pluralisme Agama dalam Buku ESQ 165	295
• Konsep Spiritualiti yang Bertentangan dengan Agama Islam	295
• Pluralisme Agama Melalui Falsafah Perennial	297
• Berpegang Kepada Konsep <i>Universal Sufism</i>	299
• Mencapai Kecerdasan Spiritual Tanpa Mensyaratkan Ibadah	300
• Beberapa Keputusan Mengenai ESQ	
Liberalisme dan Pluralisme Agama dalam Buku Irshad Manji	302
• Membawa Ideologi Pluralisme Agama	302
• Menyeru Kepada Ijtihad Bebas dan Menolak Ijmak	312
• Menghina al-Qur'an dan Rasulullah SAW	318
• Dekonstruksi Syariah Islam Atas Nama Kebebasan Beragama Termasuk Kebebasan Murtad	321
• Mempromosikan Fahaman Sekularisme	324
• Meruntuhkan Syariat Solat	326
Implikasi Islam Liberal dan Pluralisme Agama Terhadap Umat Islam	328
Kesimpulan	331
Bab 4: ISU BID'AH DAN ANTI MAZHAB	333
Isu Salafi @ Wahhabi	333
• Awal Kemunculan Gerakan Salafi @ Wahhabi	334
• Kesilapan Wahhabiyah	336
• Pertembungan Wahhabiyah dengan Asya'irah	337
• Pendirian Terhadap Wahhabiyah	338
Bahaya Anti Mazhab	340
• Golongan Menolak Mazhab	342
• Golongan Mengharuskan Mazhab	345
• Berpegang kepada Satu Mazhab	347
• Mampukah Beramal Tanpa Mazhab	350
• Bid'ah dalam Masalah Khilafiyah	353
• Pengajaran al-Banna dalam Masalah Khilafiyah	356

• Pesanan Buat Anti Mazhab	358
Bid'ah antara Dua Pendekatan	359
• Definisi Bid'ah	359
• Takrif Lanjut Bid'ah Buat Golongan yang Bertegas (<i>Mutasyaddidin</i>)	362
• Sebahagian Perkara Bid'ah Menurut Persepsi yang Bertegas	363
• Justifikasi Golongan yang Bertegas dalam Soal Bid'ah	365
• Bid'ah Menurut Golongan Sederhana (<i>Mu'tadilin</i>)	367
• Meninjau Pandangan al-Syatibi Tentang Bid'ah	371
• Konsep Bid'ah Menurut Hasan al-Banna	374
• Pandangan al-Qaradhawi Tentang Bid'ah	376
• Pendekatan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam Persoalan Bid'ah	377
Teguran Buat <i>Salafiyah</i>	380
Menjawab Isu Khilaf	386
Tajdid Fiqh atau Islah Mafhum Mazhab?	390
Kesimpulan	393
Bab 5: ISU MISTISISME DAN KHURAFAT	395
Budaya Mistisisme	395
• Subjektif	396
• Mistisisme dalam Masyarakat Melayu	397
• Penyebaran Faham Mistisisme Masa Kini	398
• Melanggar Garis Panduan JAKIM	399
Fenomena Takut Hantu	404
• Bagaimana Iblis, Jin dan Syaitan Menyerupakan Diri?	406
• Adakah Hantu Boleh Memudaratkan Manusia?	407
• Perlukah Takut Kepada Hantu?	408
Pameran Jin dan Hantu: Antara Khurafat dan Kenyataan	410
• Keputusan Fatwa Berkaitan	414
Jurus dalam Ilmu Silat Kebatinan	414
Khurafat dalam Perbomohan @ Perdukunan	419
• Erti ' <i>'Arraaf</i> dan <i>Kahin</i>	420
• Makna Hadith	421
• Contoh-contoh Ajaran Perbomohan dan Perdukunan Menyeleweng	423
• Menyalahi Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam	426
Penjualan Air Jampi Secara Komersial	431
Larangan Melukis Wajah Nabi SAW	437

Bab 6: FATWA AQIDAH SEMASA	445
Fatwa Penggunaan Kalimah ‘Allah’ oleh Kristian	445
• Pendahuluan	445
• Alasan Gereja Katolik Menggunakan Kalimah ‘Allah’	446
• Hujah-hujah Menolak Alasan Pihak Gereja Katolik	446
• Hujah-hujah Tambahan	457
• Pandangan Tokoh Ulama Luar Negara	460
• Keputusan Kerajaan	462
• Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan	462
Fatwa Pengharaman Yoga	463
• Pendahuluan	463
• Definisi Yoga	464
• Sumber Ilmu Yoga	465
• Matlamat Tertinggi Yoga	466
• Falsafah Yoga Menurut Agama Bukan Islam	466
• Aspek Fizikal Yoga	467
• Kesimpulan Kaitan Senaman Yoga dengan Hinduisme	472
• Dalil dan Hujah	473
• Fatwa Ulama dan Institusi Islam Berkenaan Yoga	481
• Keputusan Fatwa Kebangsaan	487
Fatwa Meminta Orang Bukan Islam Doa Bersama	487
• Kesucian Aqidah Islam	488
• Doa Merupakan Ibadah	489
• Doa Orang Bukan Islam Menurut Syarak	491
• Kiasan Kepada Hukum Penyertaan Orang Bukan Islam Dalam Solat Istisqa’	492
• Hukum Memohon Kerjasama Bukan Islam untuk Doa Bersama	494
• Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia	494
Fatwa Penglibatan Orang Islam dalam Perbuatan <i>Candlelight Vigil</i>	495
• Takrif <i>Candlelight Vigil</i>	495
• Kaitan Amalan <i>Candlelight Vigil</i> atau Kepercayaan Terhadap Kuasa Cahaya/Lilin/API dengan Agama-agama Bukan Islam	497
• Amalan Pada Masa Kini	500
• Keputusan Fatwa Kebangsaan	503
BIBLIOGRAFI	505

1

ISLAM SEBAGAI AGAMA NEGARA

ISLAM SEBELUM KEDATANGAN PENJAJAH

Pengaruh utama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu ialah terhadap aqidah dan kepercayaan. Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat permulaan adalah berbentuk animisme. Dalam kepercayaan ini mereka menganggap setiap benda-benda mempunyai semangat dan kuasa ghaib. Sehubungan itu, wujudlah pemujaan atau penyembahan kepada batu-batu, pokok-pokok, sungai-sungai dan fenomena alam yang lain. Kuasa ghaib itu disifatkan sebagai hantu, jembalang atau jin yang menjadi penunggu objek tersebut¹.

Dengan kedatangan Islam, ia telah mengubah *world-view* masyarakat Melayu daripada mempercayai roh, semangat dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan Yang Maha Esa, percaya adanya para nabi, rasul, malaikat dan kitab-kitab suci. Keimanan mereka diikuti dengan amal ibadat seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan rukun haji. Masyarakat Melayu juga merayakan hari-hari kebesaran Islam seperti mengadakan sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul dan Nuzul al-Qur'an. Perubahan yang paling utama ialah daripada sudut kepercayaan yang mana masyarakat Melayu telah diperkenalkan dan diyakinkan dengan keyakinan yang berteraskan tauhid. Fahaman tauhid telah mengubah *world-view* orang Melayu daripada zaman Hindu-Buddha

¹ Haron Daud (1989), *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26.

yang beridentitikan penyembahan raja, berhala dan alam khayalan kepada ajaran tauhid yang murni².

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, kedatangan Islam telah mengubah masyarakat Melayu dari segi dalamannya. Jika dahulu mereka lebih asyik dengan bidang kesenian, mitos dan khayalan, tetapi selepas kedatangan Islam timbul pandangan-pandangan yang mementingkan unsur-unsur rasionalisme dan intelektualisme. Ini adalah hasil daripada usaha para pendakwah Islam yang menyeru kepada kepercayaan ketuhanan yang tunggal; yang kudrat-Nya terhukum pada hikmat-Nya; yang iradat-Nya berjalan selaras dengan akal. Insan diciptakan dengan sifat asasnya adalah akal dan unsur inilah yang menjadi perhubungan antara Dia dengan hakikat alam semesta. Jika dulunya mereka asyik menggemari bermenungan, berfoya-foya, dongengan khayal, kini mereka giat menganjurkan penulisan dan penafsiran ilmu-ilmu sejarah, tasawuf serta falsafah Islam³. Bermula dengan revolusi pemikiran ini, ia mengarah kepada revolusi sosial apabila masyarakat Melayu dengan sendirinya menolak kepercayaan tahuil Hindu dan fahaman animisme⁴.

Dalam aspek pendidikan, Islam telah memperlihatkan perubahan yang besar dalam struktur sosial masyarakat Melayu. Selepas kedatangan Islam, golongan bawahan turut menerima pendidikan yang sama seperti golongan atasan. Sistem pendidikan yang bermula di istana mula beralih ke beberapa institusi pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah. Tradisi keilmuan yang ditekankan oleh Islam telah mengembangkan pula tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun. Dorongan belajar bermula dengan pengajaran membaca al-Qur'an dan kitab-kitab agama. Golongan pemerintah dan para pembesar berperanan penting dalam

² Muhammad Uthman El-Muhammady (1977), *Memahami Islam: Insan, Ilmu dan Kebudayaan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 185.

³ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, c. 4. Petaling Jaya: ABIM, h. 19-21.

⁴ Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah, h. 133-134.

mengembangkan ilmu pengetahuan tersebut. Melalui sistem pengajian ilmu tersebut lahirlah para cendekiawan dan ulama Melayu yang menjadi pegawai-pegawai pemerintah, guru-guru dan ahli agama⁵.

Hasil daripada didikan agama yang berkesan, masyarakat Melayu mula membentuk suatu jati diri yang mantap. Mereka dikenali sebagai bangsa yang beragama, berakhhlak dan berbudi. Keluarga adalah agen sosialisasi utama dalam mendidik dan mengajar supaya seseorang anak itu menjadi anggota masyarakat yang baik. Sejak lahir lagi, seseorang itu akan dididik berteraskan Islam dan adat sehingga mereka dewasa. Contohnya, sebaik sahaja seseorang itu dilahirkan, bapa atau datuk akan mengazarkan bayi lelaki, atau mengiqamatkan bayi perempuan. Tujuannya ialah untuk memperdengarkan buat pertama kalinya kepada bayi itu seruan azan dan kalimah syahadah serta meniupkan roh dan semangat Islam kepada bayi tersebut. Sejak kecil lagi kanak-kanak akan diajar konsep-konsep dosa, pahala, halal, haram dan sebagainya. Setelah meningkat umur lima tahun ke atas kanak-kanak juga akan diajar bersembahyang, berpuasa dan lain-lain. Selain itu mereka juga diajar supaya hormat-menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seharian. Perihal pentingnya sistem kekeluargaan ini terserlah apabila hukum syarak berkaitan perkahwinan turut dikanunkan dalam Hukum Kanun Melaka⁶.

Hakikatnya, kedatangan Islam bukan sahaja mengubah kehidupan peribadi dan cara bermasyarakat orang Melayu, tetapi ia turut mengubah sistem politik yang sebelumnya banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu-Buddha. Ini terlihat dalam perubahan cara hidup masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka daripada sistem politik warisan Tamadun Hindu-Buddha kepada sistem Islam yang menyeluruh dan

⁵ Hashim Hj. Musa (2004), Dialog Peradaban, Pemerksaan Tamadun Melayu Menghadapi Globalisasi Barat, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 46.

⁶ Azmah Abdul Manaf (2001), Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia, Petaling Jaya, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 217.

meliputi segala aspek kehidupan manusia. Islam kemudiannya muncul sebagai suatu kuasa politik baru yang mampu mengatur kehidupan manusia dan memerintah negara.

Masyarakat juga diberi kefahaman bahawa kuasa yang ada pada pemerintah bukanlah mutlak tetapi ianya merupakan amanah yang dipinjamkan oleh Allah SWT. Tanggungjawab dan amanah seorang raja dalam menggalas kuasa politik Islam bagi menegakkan syariah sering ditekankan dalam hasil penulisan historiografi Melayu tradisional dan undang-undang Melayu lama. Ia dengan mengibaratkan pemerintah dan para rasul sebagai dua biji permata dalam sebentuk cincin. Apabila pemerintah melaksanakan apa yang diperintahkan oleh rasul, maka ia samalah dengan memenuhi tugas kepada Allah SWT. Mereka sama-sama memakmurkan dunia sepertimana yang diamanahkan Allah SWT⁷.

Kewujudan Empayar Melayu Melaka dengan segala kehebatannya amat berkait rapat dengan pelaksanaan hukum-hakam Islam oleh para pendakwah. Pemerintah Melaka amat menghormati ajaran Islam dan menjadikan istana sebagai pusat perkembangan Islam. Peranan Islam begitu penting ketika itu apabila ia dijadikan syarat untuk menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran di Melaka. Contohnya, pemimpin dikehendaki mengetahui dan memahami Hukum Kanun Melaka.

Undang-undang Melaka yang disusun lengkap dan dijadikan undang-undang pemerintahan terbahagi kepada dua bahagian:

- a) Hukum Kanun Melaka⁸. Ia mengandungi Undang-undang Jenayah (meliputi *qisas*, *hudud*, *ta'zir* dan *diyah*), Undang-undang Muamalah,

⁷ A. Samad Ahmad (1979), Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 190.

⁸ Hukum Kanun Melaka mempunyai 44 fasil dan bidangkuasa merangkumi pusat negeri Melaka, anak sungai, dusun dan juga takluk pada negeri itu. Lihat Prof. Ahmad Mohamed brahim dan Ahilemah Joned (1987), Sistem Undang-undang di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

Undang-undang Keluarga, Undang-undang Keterangan dan Acara, syarat-syarat menjadi pemerintah serta tanggungjawab terhadap pemerintahan.

- b) Undang-undang Laut Melaka⁹. Ia berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan, kesalahan jenayah perniagaan dan bidangkuasa nakhoda kapal serta kes-kes yang berkaitan.

Selain daripada Undang-undang Melaka terdapat beberapa teks undang-undang Melayu lama seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Sembilan Puloh Sembilan Perak, Undang-undang Sungai Ujong dan Undang-undang Johor. Dalam pemerintahan baginda Sultan Umar di Terengganu pada tahun 1837, Undang-undang Jenayah Islam seperti *qisas*, *hudud*, *ta'zir* dan *diyah* dijalankan. Segala bentuk maksiat termasuk judi adalah dilarang¹⁰.

Berdasarkan kenyataan ini, amat jelas dilihat bagaimana kedudukan beragama masyarakat Islam sebelum kedatangan penjajah yang membawa pelbagai pengaruh ideologi baru. Ketika itu, Islam diambil sebagai satu cara hidup yang meliputi segenap lapangan kehidupan sehingga kepada pentadbiran negara. Malah sebelum kedatangan penjajah Islam telah menjadi satu agama yang mentadbir negara dan bukan sekadar diamalkan secara individu semata-mata.

KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan syariah Islam telah pun bermula sebaik sahaja Islam sampai ke Tanah Melayu. Telah dijelaskan sebelumnya bagaimana syariah Islam telah dijadikan undang-undang di

⁹ Undang-undang Laut Melaka mengandungi 25 fasil. Ibid., h. 12.

¹⁰ Clifford H (1961), Expedition: Terengganu and Kelantan, Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society, h. 60-61.

beberapa negeri di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah. Namun begitu, selepas kedatangan penjajah, syariah Islam masih dilaksanakan walaupun dalam ruang lingkup yang agak terbatas. Setelah kedatangan British menerusi beberapa perjanjian dengan Sultan, bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874, agama Islam telah dipisahkan menjadi dua aspek yang berasingan iaitu aspek awam dan aspek peribadi. Undang-undang Islam telah diasingkan dan dipakai dalam perkara kekeluargaan sahaja. Pendekatan ini pada umumnya menjadi asas kepada perjanjian Malayan Union 1946 dan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948¹¹.

Kini, tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang Islam merupakan salah satu sumber undang-undang Malaysia. Tetapi perlembagaan hanya membenarkan ianya dipakai terhadap orang-orang Islam sahaja dalam perkara-perkara seperti yang disenaraikan dalam Senarai 2 Jadual Kesembilan. Tetapi dari segi menggubal dan menghukum kesalahan-kesalahan, undang-undang ini dibenarkan hanya setakat mana yang diberi oleh undang-undang Persekutuan. Satu contoh undang-undang Persekutuan yang mengawal bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah ialah *Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965 (Pindaan 1984)*. Akta ini memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah di Semenanjung berhubung kesalahan-kesalahan agama. Ini telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak menerusi *Syariah Courts (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Act 1989 (A 730)*. Undang-undang ini menetapkan hukuman maksimum kesalahan jenayah yang boleh dikenakan, iaitu tidak melebihi 3 tahun penjara atau denda RM5,000 atau 6 kali sebatan atau mana-mana

¹¹ Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 5; Abdul Aziz Bari (2005), *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 8, 34-35; Abdullah Alwi Hj. Hasan, "Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia: Suatu Ulasan", *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang di Malaysia*, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 92-95; Mahmood Zuhdi (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 54-56; Abdul Samat bin Musa (2006), "Kedudukan Islam dan Kebebasan Beragama Dalam Perlembagaan Malaysia", kertas kerja Seminar Pertukaran Agama dan Kesan Dari Segi Perspektif Syariah dan Perundangan, Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, h. 4.

gabungan hukuman tersebut. Manakala pelaksanaan undang-undang jenayah yang lebih luas dan umum adalah merupakan perkara undang-undang Persekutuan yang ditadbir oleh Mahkamah Sivil berasaskan undang-undang sivil¹².

Walaupun dalam keadaan pelaksanaan syariah Islam yang terbatas, Perlembagaan Persekutuan tetap memperuntukkan agama Islam pada kedudukan yang amat istimewa. Ini dapat dilihat dalam Fasal (1) Perkara 3 yang meletakkan agama Islam sebagai agama utama dan dominan dalam Perlembagaan Persekutuan¹³. Agama-agama lain tidak diberikan status yang sama seperti Islam kerana agama-agama lain tersebut tidak dinyatakan secara spesifik dalam Perlembagaan.

Berdasarkan Fasal (2)¹⁴ dan Fasal (5) Perkara 3, Sultan di Negeri-Negeri menjadi Ketua Agama Islam Negeri masing-masing dan Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) menjadi Ketua Agama Islam di negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan seperti di Sabah, Sarawak, Penang, Melaka dan Wilayah-Wilayah Persekutuan¹⁵. Kedudukan istimewa Islam sebagai agama utama dan dominan turut dikukuhkan melalui fasal (1) dan fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan¹⁶.

Fasal (4) Perkara 11 memperuntukkan kuasa Negeri-Negeri untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang bagi memelihara agama Islam daripada penyebaran pengaruh kepercayaan, ajaran dan amalan agama bukan Islam kepada orang Islam atau ajaran yang menyimpang dalam agama Islam sendiri.

¹² Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), op.cit., h. 38-39; Abdul Aziz Bari (2005), op.cit., h. 142.

¹³ Perlembagaan Persekutuan, Bahagian I, h. 1 : 15

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid., h. 1 : 16.

¹⁶ Ibid., h. 1 : 22.

Kedudukan istimewa Islam ini juga terserlah melalui sumpah jawatan YDPA [Jadual Keempat dibaca bersama Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan]¹⁷. Berdasarkan peruntukan tersebut, YDPA mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memelihara Islam pada setiap masa di negara ini¹⁸. Oleh yang demikian, tugas dan tanggungjawab ini turut terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dalam menjalankan fungsi eksekutifnya.

Peruntukan Perlembagaan secara jelas menyatakan kedudukan dan fungsi YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja sebagai ketua agama Islam bagi negeri masing-masing di bawah Fasal (2), (3) dan (5) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan kesemua hak, hak keistimewaan dan kuasa prerogatif YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja sebagai Ketua Agama Islam hendaklah dihormati, bukan sahaja oleh orang Islam bahkan juga semua masyarakat di Negara ini tanpa mengira bangsa dan agama¹⁹.

Sehubungan itu, sekiranya YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja telah menjalankan kuasa prerogatif untuk meluluskan undang-undang tertentu seperti Enakmen Keluarga Islam atau Enakmen Jenayah Islam, maka undang-undang tersebut hendaklah dipatuhi dan dihormati oleh semua rakyat Malaysia. Mana-mana tindakan ketidakpatuhan akan dikira sebagai ketidaksetiaan dan ketidakhormatan kepada YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja. Ini adalah selari dengan prinsip Rukun Negara iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” dan “Keluhuran Perlembagaan”²⁰.

Dengan kedudukan Islam yang begitu tinggi dan terserlah ini, sudah tentu tiada sebab untuk syariah Islam tidak dapat dilaksanakan atau sekurang-kurangnya diperkasakan dalam konteks perundangan yang sedia ada. Menurut Ahmad Ibrahim, oleh kerana perkataan “Islam”

¹⁷ Ibid., h. 1 : 40.

¹⁸ Ibid., h. 1 : 178.

¹⁹ Ibid., h. 1 : 15-16.

²⁰ Ucapan Tuan Hj. Mahamad Nasir bin Disa (Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara) dalam Wacana Pendidikan Fatwa: Penggunaan Lafaz Allah pada 28 Januari 2010M anjuran Jakim.

dan bukan “ugama Islam” yang digunakan dalam Perkara 3 bolehlah dihujahkan bahawa apa yang dimaksudkan ialah Islam sebagai cara hidup iaitu Islam sebagai *al-Din*. Jika disebut “agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”, orang-orang bukan Islam mendakwa bukan sahaja mereka diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan dan upacara-upacara agama mereka akan tetapi cara hidup mereka. Jika ini makna yang dikehendaki diberi kepada perkataan “ugama” oleh orang-orang yang bukan Islam, lebih-lebih lagi lalah orang-orang Islam berhak memberi makna yang luas kepada “Islam” sebagai agama Persekutuan²¹.

Malangnya dalam keadaan pelaksanaan syariah Islam yang terbatas ini pun, tetap wujud pihak tertentu yang mengkritik dengan keras dan memohon kepada kerajaan supaya perundangan syariah dihapuskan sama sekali. Antaranya, kritik dan penentangan terhadap pelaksanaan undang-undang jenayah syariah yang sering dilabelkan sebagai undang-undang moral kian lantang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Selain berselindung di sebalik slogan kebebasan dan hak asasi, ada pihak yang turut menggunakan perlumbagaan sendiri dalam hujah-hujah mereka. Antara hujah teknikal yang mereka kemukakan ialah bahawa bidang kuasa jenayah sepatutnya berada di tangan persekutuan yakni pihak berkuasa pusat dan tidak sepatutnya dilaksanakan oleh negeri.

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam

Antara bukti keistimewaan lain agama Islam dalam perlumbagaan adalah kerajaan telah diberi hak oleh Perlumbagaan Persekutuan dalam

²¹ Hj. Salleh Buang, “Kedudukan Undang-undang Islam di Bawah Perlumbagaan: Suatu Ulasan”, h. 49; Tun Mohamad Suffian (1990), Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101-103; Zaini Nasohah (2004), Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 77-79; Abdul Kadir Muhamad (1996), Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100. Lihat Artikel “Kedudukan Islam Dalam Perlumbagaan Malaysia” oleh Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, <http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html>, 31 Mac 2011.

Perkara 11(4) (untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti ugama Islam). Di bawah peruntukan ini kerajaan (sama ada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri) telah menggubal undang-undang mengawal dan menyekat pengembangan agama-agama bukan Islam terhadap umat Islam. Sehingga kini sepuluh buah Negeri iaitu Terengganu (1980), Kelantan (1981), Melaka (1988), Kedah (1988), Selangor (1988), Perak (1988), Pahang (1989), Johor (1991), Negeri Sembilan (1991) dan Perlis (2003) telah mempunyai undang-undang tersebut yang bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin agama dan kepercayaan bukan Islam dalam kalangan orang Islam. Sebagai contoh Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu 1980, Seksyen 9 menyebut; (melarang seseorang (bukan Islam) daripada menggunakan perkataan-perkataan tertentu baik dalam tulisan, ucapan atau kenyataan untuk menggambarkan antaranya kepercayaan atau konsep mana-mana agama bukan Islam. Perkataan-perkataan itu termasuklah Allah, Ilahi, Rasul, Nabi, Wahyu, Iman, Imam, Syariah, Ulama, Dakwah, Ibadah, Injil dan lain-lain). Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa menggunakan kalimah ‘Allah’ bagi golongan bukan Islam adalah menyalahi undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negara ini.

Maksud Islam Agama bagi Persekutuan²²

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

²² Terdapat banyak penulisan yang menyentuh tentang isu ini. Di antaranya Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (1994), "Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia" dalam Ahmad Ibrahim dll, Al-Ahkam - Islam dalam Perlembagaan; Ahmad Ibrahim (1997), Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: IKIM; Abdul Mohaimin Noordin Ayus, "Agama dan Perlembagaan: Suatu Isu Pentafsiran" [Disember 1996] 8 KANUN (4); Hasan Bahrom, "Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam" Jurnal Syariah, Jil. 7, Bil.1, Januari 1999. Ahmad Hidayat Buang (penyunting), Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999 dan banyak lagi.

Semua pihak juga telah bersetuju, kewujudan peruntukan ini tidak sekali-kali menjelaskan hak-hak sivil orang bukan Islam. Dalam memorandum yang dikemukakan oleh Perikatan telah disebut agama Persekutuan hendaklah Islam. Peruntukan prinsip ini tidak akan menghilangkan apa-apa hak ke atas rakyat bukan Islam untuk menganuti dan mengamalkan agama mereka masing-masing. Malah tidak terdapat apa-apa dalam draf Perlembagaan itu dalam apa-apa keadaan yang memudaratkan hak-hak sivil individu bukan Islam.

Hakim Abdul Hamid yang terlibat dalam penggubalan Perlembagaan berpendapat bahawa perisytiharan Islam sebagai agama Persekutuan perlu dimasukkan seperti yang dicadangkan oleh Perikatan. Dalam cadangan beliau, Hakim Abdul Hamid dari Pakistan itu mengesyorkan, oleh kerana cadangan oleh Perikatan itu adalah dibuat sebulat suara, ia harus diterima. Peruntukan seperti itu telah pun terdapat di negeri-negeri dan apa yang perlu ialah memindahkannya dari perlembagaan negeri-negeri ke Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang penting, tidak disebut dalam Perlembagaan bahawa negara ini adalah negara sekular (seperti disebutkan di India umpamanya) dan oleh kerana itu tidak ada halangan untuk dihujahkan kemudiannya bahawa oleh kerana Islam adalah agama Persekutuan, ia membolehkan ajaran Islam dimasukkan dan diterapkan dalam keseluruhan pentadbiran negara apabila masanya sesuai.

Oleh kerana perkataan “Islam” dan bukan “agama Islam” yang digunakan dalam Perkara 3, bolehlah dihujahkan bahawa apa yang dimaksudkan ialah Islam sebagai cara hidup iaitu Islam sebagai *Ad-Din*. Apabila disebut “agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”, orang-orang bukan Islam mendakwa bukan sahaja mereka diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan dan upacara-upacara agama mereka akan tetapi cara hidup mereka. Mereka tidak mahu undang-undang Islam dikenakan kepada mereka dan lebih suka mengikut undang-undang Inggeris. Jika ini makna

yang diberi kepada perkataan "agama" oleh orang-orang yang bukan Islam, maka umat Islam lebih berhak memberi makna yang luas kepada "Islam" sebagai agama Persekutuan.

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan, "*Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada fasal (4) mengembangkan ugamanya.*" Daripada peruntukan ini jelaslah umat Islam berhak menganuti dan mengamalkan agamanya sebagai suatu cara hidup. Fasal (4) menyebutkan undang-undang boleh dibuat untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama lain terhadap penganut Islam.

Jika dirujuk kepada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia, terdapat beberapa kes lama yang memberi makna sempit kepada perkataan "*Islam ialah ugama bagi Persekutuan*". Dalam kes Che Omar bin Che Soh Iwn Pendakwa Raya [1988] 2 MLJ 55, hujah yang dibuat bagi pihak perayu ialah hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedor dadah berbahaya dan memiliki senjata api adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan secara tidak langsung ia terbatal.

Dihujahkan juga bahawa oleh kerana Islam adalah agama bagi Persekutuan, maka hukuman mati mandatori adalah berlawanan dengan ajaran Islam kerana ia tidak termasuk di bawah kesalahan *hudud* atau *qisas*, oleh itu hukuman tersebut tidak sah mengikut Perlembagaan. Sungguhpun begitu, Tun Salleh Abas, Ketua Hakim Negara ketika memberikan penghakiman telah mengakui bahawa tidak syak lagi Islam bukan hanya kumpulan kepercayaan dan upacara agama sahaja tetapi cara hidup yang lengkap termasuk semua bidang sama ada peribadi atau umum, perundangan, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, moral atau kehakiman. Cara mengatur kehidupan termasuk hukum-hukum dan akhlak semuanya berpandu kepada wahyu dari Allah yang terdapat dalam al-Qur'an dan Hadith Nabi SAW. Namun begitu, beliau mempersoalkan adakah itu makna Islam yang dimaksudkan oleh penggubal Perlembagaan?

Beliau telah kembali merujuk kepada sejarah kemasukan British di Malaysia sebagai penjajah yang mana mereka telah membahagikan agama kepada dua jenis, satu dari segi peribadi dan satu dari segi awam. Dalam semua perkara awam termasuk undang-undang pentadbiran dan kehakiman, mereka telah mengenepikan Islam dan mengikut cara yang sekular. Sementara itu, undang-undang Islam telah diasingkan dalam lingkungan yang sempit meliputi undang-undang perkahwinan, perceraian dan warisan. Inilah makna “Islam” yang dimaksudkan oleh penggubal Perlembagaan menurut beliau.

Oleh kerana itu, beliau berhujah bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan tidak boleh dijadikan hujah untuk membatalkan hukuman mati bagi kesalahan mengedor dadah berbahaya atau mana-mana kesalahan lain dengan asas berlawanan dengan Islam, ini kerana ia berlawanan dengan maksud Islam dalam Perlembagaan sendiri.

Penghakiman yang dibuat oleh Yang Arif Hakim ketika itu jelas menunjukkan beliau masih terikat dengan konsep penjajah dan tidak menimbangkan bahawa Malaysia telah merdeka dan tidak lagi di bawah kuasa penjajahan.

Justeru, dalam konteks hari ini, terutamanya selepas kes Lina Joy pada tahun 2007 diputuskan, inilah masanya untuk kita mengetengahkan perundangan Islam yang lebih komprehensif. Kita sendiri melihat bagaimana Tun Ahmad Fairuz Syeikh Abdul Halim, Ketua Hakim Negara pada ketika itu, memberi alasan penghakiman terhadap penolakan rayuan Lina Joy. Beliau berpandangan bahawa adalah perlu jika seseorang itu masuk Islam dengan undang-undang Islam, maka hendaklah keluar daripada Islam juga melalui proses perundangan Islam. Dengan itu, sudah tiba masanya kita memahami bahawa “Islam ugama bagi Persekutuan” seperti yang termaktub dalam Perlembagaan itu sebagai Islam yang menyeluruh dan komprehensif.

MALAYSIA: NEGARA ISLAM BERLANDASKAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH

Malaysia adalah sebuah Negara Islam yang berteraskan dasar Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Aqidah, Syariah dan Akhlak ummah sentiasa dipelihara agar selari dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam dasar tersebut. Dasar ini jelas termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Manakala tafsiran ‘Islam’ dalam perlembagaan telah diperincikan lagi menerusi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah antara lain juga telah menetapkan keputusan seperti berikut:

- a) Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.
- b) Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa:

- i. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak
- ii. Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut:

“Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertiannya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, syariah dan Akhlak”

- iii. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah dilarang
- iv. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam Hukum Syarak yang berdasarkan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja
- v. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah diharamkan

Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Dalam konteks nusus perkataan Ahli Sunnah dalam bahasa Arab bererti pengikut atau pendukung Sunnah Rasulullah. Perkataan "Jamaah" pula merujuk kepada jamaah Rasul bersama Sahabat, *Tabi'in*, *Tabi'ut Tabi'in* dan orang Islam yang mewarisi Islam menurut cara dan pendekatan mereka itu. Hakikat ini bertepatan dengan Hadith Nabi SAW:

عَلَيْكُمْ بِسْنَتِي وَسُنَّةُ الْخَلَفَاءِ الْمَهْدَىٰ إِلَيْهَا تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَصُّوْا عَلَيْهَا بِالنَّوْاجِذِ

Bermaksud: *Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Kamu gigitlah dengan geraham (kamu berpeganglah bersungguh-sungguh).*

(Riwayat Abu Daud)

Rasulullah SAW juga bersabda:

تَرْكُتُ فِيهِمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكُتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Bermaksud: *Aku tinggal pada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.*

(Riwayat Imam Malik)

Kita juga dapat bahawa terminologi Ahli Sunnah Wal-Jamaah mempunyai sokongan yang implisit dan eksplisit di dalam al-Qur'an. Umat Islam diperintahkan mentaati Allah dan mengikut Sunnah Rasul-Nya dengan menjadikan kedua-duanya sebagai rujukan utama, firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ هُمُ الْمُرْسَلُونَ
الْأَمْرُ مِنْ كُوْنِكُمْ فِي إِنْ تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَأَيْمَوْمُ الْآخِرَةِ لَكَ خَيْرٌ وَأَحَسَنُ تَأْوِيلًا

(Surah al-Nisaa': 59)

Bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikan kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul-Nya (Sunnah). Jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat.*

Daripada matan yang disebutkan tadi sama ada al-Qur'an atau al-Hadith menunjukkan betapa jelas dan kuatnya gesaan supaya berpegang dan menghayati sunnah Nabi SAW dan menjadikan para sahabat RA sebagai manhaj dan rujukan dalam mengamalkan ajaran Islam. Maka boleh diambil satu kesimpulan bahawa Ahli Sunnah Wal-Jamaah bermakna jamaah umat Islam yang majoritinya (*al-sawad al-a'zam*) berlitzam kepada al-Qur'an dan al-Sunnah mengikut pemahaman yang diajarkan oleh Nabi SAW. Pemahaman ini dipegang dan dihayati oleh sahabat, *tabi'in*, *tabi'ut tabi'in* dan orang Islam yang mewarisi mereka itu sehingga ke hari ini. Nama ini juga membezakan golongan terbesar umat Islam dengan golongan yang tidak berpegang kepada manhaj yang betul atau sunnah Nabi SAW terutamanya dalam perihal yang berkaitan dengan aqidah.

Dalam perspektif ini, bagi golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah, para sahabat dan *tabi'in* adalah sebenarnya pendukung dan penegak Sunnah. Oleh itu merekalah pengasas Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Maka

kewujudan Ahli Sunnah Wal-jamaah selepas itu sebagai kelangsungan dan kesinambungan wujudnya para pendukung dan penjunjung Islam yang telah dirintis sejak zaman Rasulullah SAW. Ia diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi. Mereka berjuang bagi menjamin kemurnian Islam sentiasa terpelihara di atas landasan kebenaran²³.

Pendapat Para Ulama Tentang Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Para ulama memberikan banyak takrifan berkenaan istilah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, antaranya seperti berikut:

- i. Mereka yang berpegang dengan sunnah Nabi SAW, para sahabatnya dan yang mengikut mereka serta berjalan mengikut perjalanan mereka dalam aqidah, ucapan dan amalan. Mereka juga beristiqamah dalam mengikut sunnah dan menjauhi daripada bid'ah. Mereka kekal untuk memenangkan dan dimenangkan sehingga hari kiamat. Maka ikutan mereka adalah mendapat petunjuk sedangkan menyalahi mereka merupakan kesesatan²⁴.
- ii. Mereka ialah yang mengikut cara Rasulullah SAW, para sahabatnya dan sekali-kali tidak melakukan bid'ah dalam urusan agama di samping tidak menyalahi cara Rasulullah SAW²⁵.
- iii. Mereka yang berpegang dengan sunnah seperti pegangan para sahabat sebelum munculnya perkara bid'ah seperti yang dilakukan oleh golongan muktazilah, Syiah Rafidah dan lain-lainnya. Pemimpin utama mereka iaitu 2 orang, iaitu:
 - a) Imam Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi yang bermazhab Hanafi. Mempunyai kitab dan karya seperti Kitab **Tauhid, Maqolat** dan kitab **Takwilat al-Quran**. Meninggal dunia pada tahun 333 Hijrah.

²³ Ringkasan daripada kertas kerja Abdul Shukor Husin (1998). Ahli Sunnah Wal-Jamaah Pemahaman Semula, Bangi: UKM, h. 16.

²⁴ Lihat al-Wajiz fi-Aqidat al-Salaf al-Soleh, h. 25.

²⁵ Lihat al-Insaf fi Haqiqat al-Auliya' wa Ma Lahum min al-Karamah wa al-Altaf, h. 51.

- b) Abu Hasan Ali bin Ismail al-Asya'ari bermazhab Syafi'i yang lahir pada tahun 262 Hijrah. Pada awalnya mengikut mazhab Juba'ie dalam fahaman Muktazilah selama hampir 40 tahun kemudian meninggalkannya serta membangkang fahaman Muktazilah berdasarkan hujah Sunnah. Beliau adalah pemimpin utama fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Meninggal dunia pada tahun 330 Hijrah²⁶.
- iv. Apabila disebut nama Ahli Sunnah secara umum, maka maksudnya adalah Asya'irah (para pengikut faham Abu al-Hasan al-Asy'ari) dan Maturidiyah (para pengikut faham Abu Mansur al-Maturidi)²⁷.
- v. Dan Ahlul-Haqq (orang-orang yang berjalan di atas kebenaran) adalah gambaran tentang Ahli Sunnah Asya'irah dan Maturidiyah, atau maksudnya mereka adalah orang-orang yang berada di atas sunnah Rasulullah SAW, maka mencakup orang-orang yang hidup sebelum munculnya dua orang syaikh tersebut, iaitu Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi²⁸.
- vi. Bahawa kumpulan-kumpulan Ahli Sunnah ada tiga iaitu Asya'irah, Hanabilah dan Maturidiyah berasaskan dalil diiringkan golongan Hanabilah kepada golongan Asya'irah dalam kitab-kitab ilmu kalam dan diiringkan golongan Asya'irah kepada golongan Hanabilah dalam kitab-kitab Hanabilah²⁹.
- vii. Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu tiga kumpulan, al-Athariyyah, imam mereka ialah Ahmad bin Hanbal, al-Asy'ariyah, imam mereka Abu al-Hasan al-Asy'ari dan al-Maturidiyah, imam mereka Abu Mansur al-Maturidi³⁰.

²⁶ Lihat Qawaaid al-Fiqh, j. 1, h. 197.

²⁷ Lihat Ittihaf Sadat al-Muttaqin, Muhammad Az-Zabidi, juz 2, h. 6 nukilan K.H. Siradjuddin Abbas dalam l'tiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah, h. 17.

²⁸ Lihat Hasyiyah Al-'Adwi, j. 1, h. 105.

²⁹ Lihat al-Mawahibi al-Hanbali, al-'Ayn wa al-Athar fi 'Aqa'id Ahl al-Athar, h. 53.

³⁰ Lihat Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyah, h. 73.

Keputusan Panel Kajian Aqidah JAKIM

Selepas mengadakan perbincangan dalam Bengkel Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Panel Kajian Aqidah JAKIM bertarikh 28 Disember 2010 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, panel telah memutuskan bahawa definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah ialah:

“Golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip aqidah, syariah dan akhlak”.³¹

Penjelasan definisi:

- a) Mereka adalah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah salaf dan khalaf (Asya'irah dan Maturidiyyah).
- b) Mereka adalah golongan berfahaman sederhana (*wasatiyyah*), tidak melampau dan tidak terlalu longgar, ini mengeluarkan Khawarij, Syiah Rafidah, Qadariyyah, Jabariyyah, Muktazilah, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya.
- c) Mereka ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam.

Sekilas Sejarah Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia

Perkembangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia adalah seiring dengan perluasan pengaruh mazhab Asya'irah-Maturidiyah di Nusantara. Pada zaman keagungan Aceh sejak abad ke-17, berkembanglah aliran Kalam dalam pengajian Usul al-Din, baik menurut fahaman Asya'irah

³¹ Cawangan Akidah (2011a), “Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah”, (Kertas Mesyuarat Panel Kajian Akidah kali ke-42, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

mahupun Maturidiyah. Antara tokoh yang mempeloporinya ialah Bukhari al-Jawhari pengarang Kitab *Taj al-Salatin* yang membahaskan tentang mengenal diri dan Tuhan sebagaimana yang terkandung dalam ajaran Imam al-Ghazali. Kitab ini bukan sahaja dianggap sebagai kitab pertama yang menonjolkan fahaman Asya'irah menurut tafsiran Imam al-Ghazali bahkan mungkin merupakan kitab pertama dalam Bahasa Melayu yang diketahui nama penyusunnya.

Selain itu terdapat dua orang ulama besar yang membahaskan persoalan Kalam ini, iaitu Syeikh Nur al-Din al-Raniri (1658) dan Syeikh Abd al-Rauf Fansuri (1620-1693). Mengenai Nur al-Din beliau membincangkan fahaman Maturidiyah yang bermazhab Hanafi dengan menterjemahkan kitab *Syarh al-'Aqaid al-Nasafiyah* oleh Sa'd al-Din al-Taftazani dan diberi judul *Durrat al-Fara'id bi Syarh al-'Aqaid*. Sebenarnya kitab al-Taftazani ini berasaskan karangan 'Umar ibn Muhammad al-Nasafi (m. 1143). Al-Nasafi dan al-Taftazani adalah ulama Hanafiyah dalam bidang fiqh.

Pengaruh ajaran Maturidiyah juga dapat dilihat dalam karya Nur al-Din al-Raniri yang berjudul *Hidayat al-Imam* yang membincangkan masalah zat, sifat dan perbuatan Allah SWT serta kebenaran Rasul dan rukun Islam yang lima. Sewaktu membahaskan persoalan zat dan sifat Allah itu, beliau turut terbawa-bawa dengan pembahagian sifat ma'ani dan ma'nawiyah yang dikatakan pengaruh Maturidiyah, kerana dalam ajaran Asya'irah tidak terdapat sifat-sifat itu.

Mengenai Abdul al-Rauf Fansuri yang juga dikenali dengan nama Abdul Rauf Singkil, kuperasannya tentang Ilmu Kalam terkandung dalam kitab tasawufnya yang bertajuk *Umdat al-Muhtajin* yang dianggap sebagai ulama yang pertama mengajarkan Sifat Dua Puluh. Beliau mengupas sifat wajib, mustahil dan harus atau *jaiz* bagi Allah SWT. Mengenai sifat wajib yang berjumlah dua puluh itu beliau membahagikannya kepada empat kategori: *Nafsiyah*, *Salbiah*, *Ma'ani* dan *Ma'nawiyah*. Selain itu beliau juga menyentuh tentang sifat yang wajib dan mustahil bagi Rasulullah SAW.

Pada abad ke-18, Muhammad Zayn Faqih Jalal al-Din al-Ashi telah menterjemahkan serta mengubah suai kitab yang bertajuk *al-Barahin* oleh al-Sanusi yang membahas tentang ajaran Sifat Dua Puluh kemudian diberi tajuk *Bidayat al-Hidayah*. Selepas itu muncullah beberapa buah kitab tentang Ilmu Kalam yang berdasarkan kitab *Umm al-Barahin* itu. Antaranya ialah *Zuhrat al-Murid fi Bayani Kalimat al-Tawhid* oleh Abd al-Samad al-Falimbani pada tahun 1764 di Makkah. Syeikh Nawawi Bentan juga ada menyusun sebuah kitab syarah *Umm al-Barahin* yang bertajuk *Zari'at al-Yaqin*.

Kemudian pada abad ke-19 muncul lagi kitab-kitab Ilmu Kalam yang membahaskan tentang ajaran Sifat Dua Puluh itu. Antara kitab yang terpenting ialah "Ini Kitab Sifat Dua Puluh", oleh Sayid Uthman Ibnu Yahya al-Betawi pada tahun 1886. Begitu juga kitab bertajuk *Siraj al-Huda* yang disusun oleh Muhammad Zayn al-Din ibn Muhammad Badawi al-Sambawi sekitar tahun 1885-1886 dan juga kitab yang bertajuk *Aqidah al-Najin* yang ditulis oleh Zayn al-'Abidin Muhammad al-Fatani pada tahun 1890.

Pada abad ke-20 juga terdapat seorang alim yang produktif dalam bidang penulisan iaitu Syeikh Dawud ibn 'Abdullah al-Fatani. Antara kitab-kitabnya yang membahas tentang Sifat Dua Puluh ialah *al-Durr al-Thamin* dan sebuah kitab tulisan tangan bertajuk Sifat Dua Puluh. Di Kelantan terdapat tokoh Haji 'Abd al-Samad ibn Muhammad Salih (1840-1891), yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal turut membahaskan masalah Sifat Dua Puluh dalam kitabnya yang bertajuk *Bi Kifayat al-'Awwam*. Di Kedah pula terdapat seorang ulama yang berasal daripada keturunan Muhammad Arshad al-Banjari iaitu Muhammad Tayb ibn Mas'ud al-Banjari yang membahaskan ajaran Sifat Dua Puluh dalam kitabnya bertajuk *Miftah al-Jannah*³².

³² Lihat: Abdul Rahman Hj. Abdullah(1998), Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fakta-fakta ini, jelas menunjukkan betapa umat Melayu Islam di Tanah Melayu, telah turun temurun menganut fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah berteraskan aqidah al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Oleh itu apa jua aqidah yang bersalahan dengan disiplin ini akan ditentang atas alasan ianya bercanggah dengan asas-asas aqidah Islam yang boleh menjerumuskan seseorang ke lembah kesesatan.

Kesimpulannya, anutan Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi tradisi di Malaysia adalah dirujuk kepada pengikut mazhab fiqh beraliran Syafi'iyyah dan dari segi teologinya beraliran Asya'irah. Manakala dari segi akhlak atau rohaniahnya adalah dipengaruhi oleh pandangan-pandangan Imam al-Ghazali (505H)³³. Kitab *al-Farqu Baina al-Firaq* karangan al-Baghdadi berkenaan takrif golongan Ahli Sunnah juga sering dijadikan rujukan majoriti pengkaji mazhab dan aliran pemikiran aqidah di dunia Islam terutama dalam menyokong pandangan yang mengatakan bahawa pelopor Ahli Sunnah adalah bermula dengan dua orang tokoh Islam terkemuka iaitu Abu Hasan al-Asy'ari (334H) dan Abu Mansur al-Maturidi (333H)³⁴.

AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH: AQIDAH WASATIYYAH DEFINISI AQIDAH

Aqidah dari sudut bahasa berasal daripada perkataan (العقد) iaitu ikatan dan simpulan yang kuat, antara ertinya juga adalah kemuktamadan, keyakinan, pegangan, keutuhan dan kepercayaan³⁵. Jadi, apa yang ditetapkan oleh seseorang insan dalam hatinya secara muktamad maka disebut aqidah.

Sehubungan dengan itu, aqidah dari sudut istilah yang am adalah kepercayaan atau keimanan yang muktamad tanpa sedikit pun rasa

³³ Uthman el-Muhammady (1995). Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan Yang Mengamalkan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Kuala Lumpur: BAHEIS.

³⁴ Abdul Shukor Husin (1998). Ahli Sunnah Wal-Jamaah Pemahaman Semula, Bangi: UKM, h. 15.

³⁵ Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (t.t), Lisan al-'Arab, Beirut: Dar Sadir, j.3, h. 295-300.

syak dan ragu-ragu bagi orang yang berpegang kepada kepercayaan itu. Takrifan ini adalah umum merangkumi kepercayaan aqidah yang hak mahupun yang batil (palsu), apa yang penting adalah aqidah yang dipegang di dalam hati penganut aqidah tersebut.

Manakala aqidah Islamiyyah, adalah istilah khusus yang merujuk kepada keimanan yang teguh dan bersifat pasti kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala kewajiban, mentauhidkan-Nya dan taat kepada-Nya, beriman kepada para malaikat-Nya, para rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, hari akhirat, takdir baik dan buruk serta mengimani seluruh apa yang telah sahih tentang prinsip-prinsip agama atau usuluddin, perkara-perkara yang ghaib, beriman kepada apa yang menjadi *ijma'* salafussaleh, serta seluruh berita-berita *qat'i* (pasti), baik secara *'ilmiyah* mahupun secara *'amaliyah* yang telah ditetapkan menurut al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih serta *ijma'* para ulama³⁶.

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, aqidah Islam juga sering ditakrifkan sebagai satu ilmu yang mendedahkan kebatilan, keraguan dan pendustaan orang-orang musyrikin terhadap orang-orang yang beriman yang mempercayai Allah, malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab Allah, hari akhirat dan takdir baik serta buruk³⁷.

Ilmu aqidah Islam juga sering diberikan beberapa nama lain seperti berikut:

- a) Al-Fiqh al-Akbar: ia dinamakan begini oleh Imam Abu Hanifah dalam kitabnya *al-Fiqh al-Akbar*, yang mana beliau menyebut, "kefaqihan dalam agama lebih utama daripada kefaqihan dalam ilmu, kerana kefaqihan dalam agama itu *asal* (prinsip) manakala kefaqihan dalam ilmu itu *furu'* (cabang), sedang keutamaan *asal* atas *furu'* itu adalah sesuatu yang dimaklumi"³⁸.

³⁶ 'Aql, Na'ir bin 'Abd al-Karim (1419h), *Buhuth fi 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Saudi: Dar al-'Asimah, h. 13.

³⁷ Sa'id Ibrahim (1996), *'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah, h. 9.

³⁸ Duri, Qahtan al-(1996), *Usul al-Din al-Islami*, Amman: Dar al-Fikr, h. 14.

- b) Ilmu *al-nazar wa al-istidlal* : Digelar dengan nama ini kerana ia bersandar kepada manhaj pemerhatian fikiran dan kewarasan akal sebagai jalan untuk menetapkan asas-asas aqidah yang telah sabit dengan nas-nas agama³⁹.
- c) Tauhid dan Sifat: Disebutkan dengan nama ini kerana ia adalah perbahasan yang paling masyhur, paling utama dan paling serius dalam ilmu aqidah. Membincangkan soal berkaitan tauhid dan sifat-sifat ketuhanan⁴⁰.
- d) Ilmu ‘aqa’id : Disandar dengan nama ini kerana ia bertujuan untuk mengkaji aqidah-aqidah agama dan menetapkannya dengan dalil-dalil yang yakin serta mempertahankannya daripada segala kepercayaan dan pemikiran yang bertentangan dengannya⁴¹.
- e) *Usul al-Din*: Dinamakan begini kerana ia adalah prinsip pengetahuan agama. Dengan prinsip-prinsip tersebut agama terbina dan lahirnya cabang-cabang daripada prinsip-prinsip tersebut. Ia ilmu yang berperanan menjelaskan apa yang ditetapkan sebagai prinsip-prinsip agama dan rukun-rukun yang tidak sempurna iman tanpa kewujudannya. Ia berbeza dengan ilmu fiqh yang berfungsi menerangkan perkara cabang amali dalam agama. Juga berbeza dengan ilmu akhlak dan tasawuf yang menyentuh sudut perilaku dan akhlak berdasarkan rasa rohani dan kehalusan jiwa⁴².

Definisi Wasatiyyah dalam Aqidah

Wasatiyyah dalam aqidah adalah suatu manifestasi kesederhanaan dalam keadilan, istiqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan dalam prinsip-prinsip keimanan⁴³.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Ibid., h. 15.

⁴² Ibid.

⁴³ Al-Qaradawi mengatakan kesederhanaan (*wasatiyyah*) itu adalah adil, is iqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan. Lihat Qaradawi, Yusuf al-(2010), Kesederhanaan Dalam Islam, terj. Mohd Lokman & Hasan Basri, Seri Kembangan: Mj Production, h. 5-10.

Bahkan hukum *wasatiyyah* dalam aqidah adalah wajib sebagaimana yang diisyaratkan dalam beberapa firman Allah SWT yang menegah daripada sikap melampaui umat-umat terdahulu dalam beraqidah. Firman Allah SWT:

يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَىٰ
اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ

(Surah al-Nisaa': 171)

Bermaksud: “Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar”.

Begitu juga firman Allah SWT:

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ غَيْرُ الْحَقِّ وَلَا تَتَبَعُوا أَهْوَاءَ
قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوْ أَمْنَ قَبْلٍ وَأَضْلَلُوْ أَكْثِرًا وَضَلُّوْ أَعْنَ سَوَاءَ السَّبِيلِ

(Surah al-Ma'idah: 77)

Bermaksud: “Katakanlah: Wahai ahli Kitab! janganlah kamu melampaui dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul”.

Berdasarkan beberapa definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa *wasatiyyah* dalam aqidah boleh dibahaskan meliputi enam perkara pokok iaitu *wasatiyyah* dalam definisi iman, *wasatiyyah* dalam sumber aqidah, *wasatiyyah* dalam pendekatan ilmu aqidah, *wasatiyyah* dalam perkara *ilahiyyat*, *wasatiyyah* dalam perkara *nubuwwat* dan *wasatiyyah* dalam

perkara *ghaibiyat*. Keenam-enam perkara inilah yang perlu dilihat secara pandangan *wasatiyyah* sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Manhaj Wasatiyyah dalam Definisi Iman

Perkataan iman amat sinonim dengan perkataan aqidah. Ini kerana perbahasan utama aqidah adalah bertumpu kepada soal keimanan yang juga bermakna kepercayaan. Bagaimanapun, definisi iman yang terlampaui ketat atau terlampaui longgar boleh memberi implikasi kepada pegangan aqidah. Manhaj *wasatiyyah* berada di pertengahan antara golongan-golongan tersebut.

Golongan pertama mendakwa iman itu bertempat di hati dan di lidah semata-mata. Cukup bagi seseorang apabila ia mengaku beriman di dalam hati dan dilafaz dengan lidah, maka dia menjadi mukmin yang sempurna dan tiada seorang pun yang boleh mempertikaikan keimanannya selepas itu walaupun dia melakukan perkara-perkara yang boleh membantalkan iman. Dalam sejarah teologi Islam, golongan ini dinamakan sebagai kelompok Murji'ah.

Golongan kedua pula mengatakan bahawa iman itu terletak pada amal perbuatan seseorang. Apabila seseorang itu melakukan dosa terutamanya dosa besar, maka tergelincirlah keimanannya dan dia menjadi kafir. Dalam sejarah teologi Islam, golongan ini dinamakan sebagai kelompok Khawarij.

Implikasi bagi golongan pertama adalah, amal perbuatan tidak akan diambil kira sebagai pembuktian dalam soal aqidah dan keimanan. Ini bermakna, seseorang yang dilihat pada zahir kehidupannya tidak mengamalkan Islam seperti minum arak, berzina, menolak hukum hudud, berfikiran terbuka seperti menerima pluralisme agama dan lain-lain adalah dianggap masih dalam keimanan yang sempurna selagi mana masih ada iman dalam hati dan lidahnya mengaku beriman.

Implikasi bagi golongan kedua pula ialah, amalan hati dan perakuan lidah tidak akan diambil kira, selagi mana dia telah melakukan dosa besar seperti berzina, minum arak, melantik pemimpin yang zalim dan tidak berhukum dengan hukum Allah maka dianggap sebagai kafir terkeluar daripada Islam.

Kesilapan kedua-dua golongan ialah wujudnya keterlampauan dalam memahami definisi iman, di antara iman itu di dalam hati dan ucapan lidah, dengan iman itu pada amal perbuatan. Dengan pendekatan *wasatiyyah*, pandangan kedua-dua golongan ini tidak ditolak secara total dan tidak juga diterima secara total, tetapi kedua-duanya diseimbangkan.

Manhaj *wasatiyyah* mengatakan iman itu adalah pemberian dengan hati, perakuan dengan lisan dan beramal dengan anggota badan. Ia adalah pandangan majoriti Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Al-Khallal meriwayatkan daripada Imam Ahmad bin Hanbal tentang penjelasan iman:

“Adalah Ahmad bin Hanbal berpandangan bahawa iman itu ucapan dengan lisan, beramal dengan anggota badan dan iktikad dengan hati, ia bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan kemaksiatan, menjadi kuat dengan ilmu dan menjadi lemah dengan kejahilan, dengan hidayah Allah seseorang boleh mencapai iman, bahawa iman itu kata nama yang merangkumi perkara-perkara yang dinamakan yang banyak, terdiri daripada perbuatan dan perkataan. Beliau menyebut hadith daripada Nabi SAW yang bersabda, Iman itu lebih daripada tujuh puluh cabang, sebaik-baiknya adalah ucapan ‘tiada tuhan melainkan Allah’ dan serendah-rendahnya membuang perkara yang memudarangkan di jalanan. Di sisi beliau, solat juga termasuk erti kata iman, begitu juga membaca al-Qur'an”⁴⁴.

Malah al-Lalaka'i telah meriwayatkan daripada Imam al-Syafi'i berkenaan ijmak dalam kalangan para sahabat dan *al-tabi'in* bahawa

⁴⁴ Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1408h), al-'Aqidah Riwayah Abi Bakr al-Khallal, Dimashq: Dar Qutaybah, h. 117.

iman itu adalah ucapan, amalan dan niat. Ia seperitimana ungkapan Imam al-Syafi'i: "Dan telah berlaku *ijmak* (kesepakatan) dalam kalangan para sahabat dan *al-tabi'in* yang datang selepas mereka yang sempat ditemui oleh kami: bahawa iman itu ialah ucapan, amalan dan niat. Setiap satu daripada tiga tidak memadai tanpa yang lainnya"⁴⁵.

Bagi Ahli al-Sunnah Wal-Jamaah, amal perbuatan juga termasuk dalam hakikat iman bahkan tiada iman yang sempurna tanpa amalan. Fahaman ini jelas berasaskan kepada nas-nas yang banyak dalam al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya ialah firman Allah SWT ketika menjelaskan sejumlah sifat golongan yang bertakwa dalam kalangan orang mukmin. Firman Allah SWT:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُوا وُجُوهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ
 وَلَا كِنَّ الْبِرَّ مِنْ إِيمَانَ بِإِلَهٍ وَأَلْيَوْمَ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
 وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذُو الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى
 وَالْمَسَكِينَ وَأَبْنَ السَّبِيلِ وَالسَّاَلِيْلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ
 الصَّلَاةَ وَءَاتَى الْزَّكُوْةَ وَالْمُوْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
 وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ أَبْأَسُوكُمْ أُولَئِكَ الَّذِينَ
 صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ (٧٧)

(Surah al-Baqarah: 177)

Bermaksud: "Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala

⁴⁵ Lalakal'i, Hibah Allah bin al-Hasan al-(1402h), Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma' al-Sahabah, j.1. Riyad: Dar al-Tayyibah, h. 887.

kitab, dan sekalian nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi; dan yang mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. Orang yang demikian, mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertakwa”.

Ayat ini jelas memasukkan amal perbuatan seperti mendermakan harta, mendirikan solat, menunaikan zakat, menyempurnakan janji dan berjihad pada jalan Allah ke dalam pengertian iman. Di penghujung ayat, Allah SWT mengiktiraf mereka sebagai golongan yang benar. Menurut al-Baghawi dan al-Suyuti, maksud golongan yang benar iaitu golongan yang benar dalam keimanan mereka⁴⁶.

Malah menurut al-Qaradhawi, walau bagaimana sekalipun perselisihan para ulama kalam dalam membahaskan kaitan iman dengan amal perbuatan, sama ada amal perbuatan itu sebahagian daripada erti iman atau syaratnya atau hasil daripada hasilan iman, kesemua mereka bersepakat bahawa amal perbuatan adalah bahagian yang tidak terpisah daripada iman yang sempurna⁴⁷.

Manhaj Wasatiyyah dalam Sumber Aqidah

Sumber aqidah Islam, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith sebagai dua sumber yang terpelihara kandungan dan maksudnya⁴⁸. Kedua-dua sumber ini berdasarkan Hadith Rasulullah SAW yang masyhur bermaksud:

⁴⁶ Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-(t.t), Tafsir al-Baghawi al-Musamma Ma'alim al-Tanzil, j.4. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 144; al-Sayuti wa al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad wa 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr (t.t) Tafsir al-Jalalayn, Kaherah: Dar al-Hadith, h. 36.

⁴⁷ Qaradawi, Yusuf al-(2006), al-Iman wa al-Hayah, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 293.

⁴⁸ Sebahagian ulama memasukkan ijmak juga sebagai sumber aqidah. Bagaimanapun ijma' bukanlah sumber yang berasingan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana ijmak berlaku atas kefahaman para ulama berdasarkan nusus al-Qur'an dan al-Sunnah.

“Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku tinggalkan bagi kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selepas kedua-duanya, Kitabullah dan Sunnah-ku, kedua-duanya tidak akan terpisah sehingga menemuiku di haudh (telaga di syurga)”⁴⁹.

Ia juga disokong oleh dua lagi sumber ilmu yang diiktiraf keupayaannya iaitu akal dan deria. Kedua-duanya adalah termasuk dalam perkara yang dikategorikan sebagai *asbab al-ilmi* atau sumber-sumber ilmu dalam aqidah. Imam al-Taftazani mengatakan sumber-sumber ilmu ada tiga iaitu *al-khabar al-sadiq* (perkhabarhan yang benar iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah), *al-'aql* (akal) dan *al-hawas* (pancaindera)⁵⁰. Bagaimanapun keupayaan akal dan pancaindera dalam mensabitkan aqidah adalah tertakluk kepada kemampuannya selagi mana tidak bercanggah dengan nas-nas al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW yang sahih. Malah sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah tetap menjadi asas yang utama, jalan yang tiada pilihan kecuali berpegang kepada mereka dalam segenap kehidupan bagi mengenali hakikat-hakikat yang tidak mungkin dirungkaikan oleh manusia menerusi pancaindera mahupun akal yang sejahtera⁵¹.

Oleh itu, sumber aqidah menurut manhaj *wasati* adalah berada di pertengahan antara mengambil aqidah menerusi zahir nusus al-Qur'an dan Hadith sahih semata-mata tanpa penghayatan akal, dengan mengambil aqidah hanya menerusi akal di samping mengenepikan nas ketika bertembung dengan kewarasan akal.

Dalam sejarah teologi Islam, memang telah wujud pertembungan antara golongan yang membataskan akal dalam menerima aqidah

⁴⁹ Hadith ini diriwayatkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak (no. 319), al-Daruqutni dalam al-Sunan (no. 149) dan al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (no. 20124). Menurut Ibn 'Abd al-Bar, "Hadith ini terpelihara, dimaklumi dan masyhur daripada Nabi SAW, di sisi para ulama ianya masyhur sehingga hampir tidak memerlukan sanad...". Ibn 'Abd al-Barr (1387h), al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid, al-Maghrib: Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, j 24, h. 331.

⁵⁰ Taftazani, Sa'd al-Din al-(1988), Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah, Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, h. 15.

⁵¹ Habannakah, 'Abd al-Rahman Hasan (1979), al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah, Dimasyq: Dar al-Qalam, h. 41.

semata-mata melalui zahir nusus al-Qur'an dan al-Sunnah, dengan golongan yang melampau dalam menggunakan akal sehingga ke peringkat mengutamakan akal mengatasi nusus al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebagai contoh, golongan Muktazilah memberi keutamaan kepada kewibawaan akal dan mensekunderkan teks al-Qur'an dan al-Hadith. Ahli falsafah Islam pula berpegang sepenuhnya kepada dalil aqli dan unsur-unsur agama ditafsirkan mengikut pendekatan akal dan falsafi. Pada awal kurun ke-4 Hijrah ketika kekuatan pengaruh Muktazilah masih di puncak, muncul dua orang tokoh ulama Islam yang sangat terkenal kewibawaannya dalam membela dan mempertahankan Ahli Sunnah Wal-Jamaah daripada dipermain-mainkan oleh golongan yang menyeleweng. Mereka ialah Abu Hasan al-Asy'ari (260H - 330H) dan Abu Mansur Maturidi (w. 333H).

Kedua-dua tokoh ini terutama al-Asy'ari muncul dalam suasana kemelut dan pertarungan yang berlaku di antara golongan Muktazilah yang diasaskan oleh Abu Huzaifah Wasil bin 'Ata. Abu Huzaifah sangat yakin dengan kewibawaan akal dalam menangani isu aqidah manakala golongan Mujassimah (*anthropomorphists*) dan Karramiah terus berpegang kepada pendekatan lafzi atau literal. Abu Hasan al-Asy'ari sangat gigih dan berani membenteras segala fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Kesederhanaan sikap dan pendekatan al-Asy'ari ternyata apabila beliau menolak kedua-dua golongan di atas yang dianggap keterlaluan. Beliau menerima pendekatan Ahli Salaf dan pendekatan akal dalam memahami teks (nusus) agama tetapi tidak sampai ke tahap peranan dan kewibawaan akal dalam kalangan Muktazilah. Al-Asy'ari juga tidak menerima manhaj literal dalam memahami aqidah Islam seperti yang dianuti oleh golongan Mujassimah dan Karramiah⁵².

⁵² Abdul Shukor Husin (1998), Ahli Sunah Wal-Jamaah Pemahaman Semula, Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 25.bd al-Rahman Hasan (1979), al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhā, Dimasyq: Dar al-Qalam, h. 41.

Pendekatan *wasatiyyah* ini terkandung dalam dua ungkapan al-Asy'ari. Pertama, manhaj dan dasar agama yang kita berpegang dengannya ialah Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnah Nabi kita Muhammad SAW dan apa yang diriwayatkan oleh para Sahabat, *Tabi'in* dan Imam-imam Hadith. Kita berpegang dengan apa yang dikatakan oleh Imam Abdullah Ahmad bin Hanbal (W.241H.) dan sesiapa yang menentang atau menyalahi pendapatnya maka dia menyalahi prinsip-prinsip di atas⁵³.

Kedua, beliau menyatakan bahawa sesungguhnya ada segolongan manusia yang menjadikan kejahilan sebagai asas pegangan. Mereka lebih cenderung bertaklid, mengkritik sesiapa jua yang menganalisis dasar agama dan menganggap perbuatan itu menyeleweng. Dalam menentukan masalah agama, hendaklah dikembalikan kepada sumbernya yang disampaikan iaitu wahyu, begitu juga masalah yang berkaitan akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumbernya. Ia tidak boleh dicampur aduk antara masalah aqliyyah dengan masalah *sam'iyyah* begitu juga sebaliknya⁵⁴.

Kedua-dua ungkapan al-Asy'ari tadi, jelas menunjukkan sikap kesederhanaan beliau. Dalam ungkapan pertama, beliau tidak mahu memberikan wibawa secara mutlak kepada akal sekalipun untuk memperkuatkan agama atau aqidah. Oleh itu, beliau menekankan tentang perlunya umat Islam kembali berpegang pada nusus agama tanpa membuat takwilan yang jauh. Menurut al-Asy'ari, manhaj Ahli Salaf merupakan sebaik-baik manhaj bagi umat Islam untuk diikuti dan Imam Ahmad bin Hanbal adalah sebaik-baik contoh ikutan dalam menghayati manhaj tersebut.

Beliau berjuang bersungguh-sungguh untuk menghidupkan kembali manhaj Ahli Salaf yang telah diterima dan dihayati oleh generasi

⁵³ Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1977), Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah, Kaherah: Dar al-Ansar, h. 20.

⁵⁴ Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1995), Risalah Istihsan al-Khawdh fi 'Ilm al-Kalam, Beirut: Dar al-Masyari', h. 47-48.

pertama muslim sebelum bertapaknya aliran Muktazilah. Manakala dalam ungkapan kedua, al-Asy'ari bersikap lebih terbuka dan menentang fikiran yang jumud dan taklid buta. Pada masa beliau mengajak masyarakat Islam kembali kepada manhaj Ahli Salaf, beliau juga mengajak masyarakat Islam memberikan perhatian dan tempat kepada peranan akal dalam mengukuhkan agama dan aqidah yang dinyatakan oleh nusus agama.

Beliau berpendapat bahawa dengan adanya paduan antara aqli dan naqli, adalah lebih mudah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Islam tentang aqidah dan sekaligus memudahkan pula penyebarannya kepada masyarakat yang belum Islam. Walaupun demikian keterbukaan al-Asy'ari, beliau tetap mengutamakan nusus daripada akal. Ini jelas apabila berlaku percanggahan di antara akal dan naql dalam sesuatu isu aqidah, maka nusus mestilah diutamakan kerana nusus lebih berwibawa dan muktamad⁵⁵.

Dalam konteks Malaysia, manhaj *wasatiyyah* sangat penting bagi menyeimbangkan antara aliran literalisme, liberalisme dan sufisme⁵⁶ dalam mengambil sumber aqidah. Bagi aliran literalis, mereka menolak perbahasan aqli dalam menetapkan kebenaran aqidah Islam, apatah lagi perbahasan saintifik yang semakin mendapat tempat dalam kalangan sebahagian umat Islam pada zaman moden ini. Golongan ini terlampau *rigid* sehingga menolak secara total sebarang unsur-unsur luar yang

⁵⁵ Abdul Shukor Husin (1998), op. cit, h. 26-27.

⁵⁶ Aliran sufisme di sini bermaksud penganut tarekat sufi yang ekstrem sehingga mengutamakan pengalaman-pengalaman rohani guru mereka dari diri sendiri melebihi nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah dalam mengambil sumber aqidah. Imam al-Ghazali menuliskan daripada Sahi bahawa setiap wujud atau zawaq (naluri atau perasaan) yang tidak diperakui oleh al-Kitab dan al-Sunnah maka ianya batil. Ghazali, Abu Hamid al-(t.t), hya"Ulum al-Din, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j.2, h. 302. Imam al-Qusyairi pula mengatakan bahawa barangsiapa yang tidak menghafaz al-Qur'an dan tidak menulis Hadith, dia tidak boleh diikuti pada urusan (kesufian) ini, kerana ilmu kita ini terikat dengan al-Kitab dan al-Sunnah. Qusyairi, 'Abd al-Karim bin Hawazin (2001), al-Risalah al-Qusyairiyah, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 51. Berkendalian tarekat, setelah banyak kajian dibuat, kerajaan berpendirian bahawa kerajaan tidak mengiktiraf atau merekemendasi mana-mana tarekat tertentu kerana dibimbangi ada berlaku penyelewengan dalam aspek tertentu. Bagaimanapun mana-mana tarekat yang tidak diharamkan adalah kekal pada hukum harus, kecuali setelah terbukti wujudnya penyelewengan. Abdul Hamid Yunus (2010), Asas Rujukan Dalam Bidang Akidah Islam, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 26.

dikatakan boleh mencarik kesucian sumber asli aqidah iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Golongan yang menyalahi mereka dianggap sebagai ahli bid'ah atau menyeleweng daripada aqidah Islam.

Manakala golongan liberalis pula berpegang kepada kebebasan yang melampau dalam menggunakan akal walaupun kadangkala bercanggah atau di luar kemampuan akal dan deria manusia. Golongan ini menganggap berpegang kepada nusus semata-mata adalah jumud dan akal akan menjadi penentu di saat berlaku pertembungan antara akal dan naqal. Penentang golongan ini akan dilabel sebagai golongan fundamentalis atau konservatif.

Dalam masa yang sama, wujud aliran sufisme yang gemar mengambil sumber-sumber aqidah menerusi pengalaman-pengalaman kerohanian seperti ilham dan *kasyaf*⁵⁷, mimpi⁵⁸, *yaqazah*⁵⁹ dan lain-lain. Kesemua perkara ini adalah tertolak daripada menjadi sumber aqidah kerana ia bukan termasuk ke dalam punca-punca ilmu atau *asbab al-'ilmi* seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

⁵⁷ Kasyaf bermaksud buka hijab. Bagi kalangan ahli sufi, kasyaf bererti sesuatu yang dicampak ke dalam hati dengan cara anugerah (al-Jurjani, al-Ta'rifat), ini tidak berbeza dengan ilham kerana ia juga bermaksud terbuka maklumat yang tersembunyi kepada mereka. Menurut Dr. Yusof al-Qardhawi; setakat ini tidak diketahui ada 'ulama' yang menafikan secara mutlak berlaku ilham dan kasyaf kepada orang-orang tertentu. Seterusnya beliau menambah bahawa kedua-duanya bukan menjadi sumber syara'. Walau bagaimanapun kasyaf adalah termasuk dalam karamah daripada Allah, ia boleh diterima asalkan tidak menolak atau merosakkan kaedah agama dan hukum syara' yang dijima'kan ke atasnya, sebagaimana yang dijelaskan dengan dalil-dalil. Yang merosakkan kaedah hukum syara' bukanlah sesuatu yang benar, bahkan tidak lebih dari khayalan atau waham atau bisikan syaitan. Perkara utama di kalangan orang sufi ialah menerima ilham daripada Allah atau terbukanya tabir yang disebut kasyaf, bukan sahaja dapat menerima daripada nabi, malaikat atau Allah bahkan dapat meninjau terus di Luh-Mahfuz, dapat melihat di alam ghaib. Inilah yang dianggap jauh menyimpang daripada aqidah, kerana ia merupakan suatu yang mengingkari al-Qur'an ayat 65 surah al-Najm. Abdul Hamid Yunus (2010), Penjelasan Istilah yang Boleh Membawa Penyelewengan Aqidah, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 4

⁵⁸ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-36 yang bersidang pada 15 Dec 1994 telah membincangkan Mimpi Dari Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa: 1) Mimpi seorang nabi dan rasul adalah wahyu yang menjadi hukum adalah benar. 2) Mimpi orang ramai di zaman Rasulullah S.A.W. seperti melihat Baginda dalam tidur menyamai melihat Rasulullah S.A.W. dalam masa jaga adalah khusus di zaman semasa Baginda masih hidup. 3) Mimpi orang Islam selepas wafat Rasulullah S.A.W. maka ia akan berjumpa di akhirat nanti dan akan

Antara kesemua aliran ini, manhaj *wasatiyyah* berada di pertengahan antara menerima dan menolak secara total. Tiada yang diterima secara total dan tiada juga yang ditolak secara total. Manhaj *wasatiyyah* sentiasa berpegang teguh dalam meletakkan nusus al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber aqidah yang murni tetapi dalam masa yang sama tidak mengabaikan fungsi akal dan pancaindera dalam menyokong dan mendokong kebenaran wahyu. Namun fungsi akal itu tidak akan melebihi kemampuan dan keupayaannya sehingga mengatasi kesucian wahyu dan ia dipimpin dan dibimbing berdasarkan prinsip dan disiplin yang ditetapkan oleh para ulama. Begitu juga manhaj *wasatiyyah* tidak menolak secara total unsur-unsur sufisme yang disebutkan dalam memperkuuhkan aqidah selagimana ia tidak menjadi sumber utama, sahih dan tidak bercanggah dengan kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah.

mendapat syafaat Rasulullah S.A.W 4) Mimpi orang Islam ada tiga peringkat, peringkat pertama bisikan jiwa, yang kedua godaan syaitan dan yang ketiga ialah mimpi khabar gembira dari Allah S.W.T. Mimpi orang bukan Islam adalah ditolak. 5) Mimpi orang awam bukan hujah terhadap satu hukum atau berita atau satu kenyataan. Lihat <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/mimpi-dari-perspektif-islam>.

59 Yaqazah iaitu bertemu secara jaga/sedar dengan Rasulullah SAW. Jumlah ASWJ menolak berlakunya yaqazah (bertemu secara jaga) dengan Rasulullah SAW atau mereka yang sudah mati. Mengenai hadi h yaqazah, Imam Nawawi menjelaskan terdapat beberapa pandangan ulama mengenai maksudnya iaitu: 1) boleh melihat Rasulullah SAW secara jaga itu ialah mereka yang hidup semasa hayat Baginda, atau 2) orang yang bermimpi itu boleh melihat benar-benar apa yang dimimpikan secara jaga semasa di akhirat nanti, atau 3) Orang bermimpi Rasulullah SAW itu dapat melihatnya di akhirat dengan cara melihat yang khusus kerana hampirnya ia dengan Rasulullah SAW. Lihat: Nawawi (1995) Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, Dar al-Fikr , j.15, h. 21-22. Berkenaan hadith yaqazah juga, Imam Ibnu Hajar memberi komentar seperti berikut: "Keadaan ini adalah sangat bermasalah. Ini kerana sekiranya kita membawa lafadz hadi h ini secara zahir maka sudah tentu kesemua mereka yang disebutkan adalah terdiri di kalangan sahabat Nabi SAW, dan berkemungkinan subah akan berlaku sehingga ke hari Qiyamat. Ia mengelirukan kerana sekumpulan besar di kalangan sahabat telah bermimpi bertemu Nabi SAW (setelah Baginda wafat) tetapi tiada seorang pun yang melihatnya secara jaga dan perkhabaran yang benar tidak boleh disanggah. Imam al-Qurtubi juga amat mengingkari sesiapa yang mengatakan bahwa sesiapa yang melihatnya di dalam tidur maka telah melihatnya hakikatnya, kemudian dia juga akan melihatnya secara sedar". Lihat Ibn Hajar al-Asqalani (1995) Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari, Dar al-Fikr, j.14, h. 413. Bagaimanapun terdapat para ulama yang membenarkan yaqazah seperti Imam Sayuti dalam karyanya bertajuk Tanwir al-Halak fi Imkan Ru'yat al-Nabi Jiharan aw al-Malak atau karangan Imam al-Qastallani berjudul al-Mawahib al-Ladunniyyah bi Syarh al-Zurqani atau juga kitab karangan Imam al-Subki tentang karamah para wali dalam Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra. Hakikatnya sekiranya dibaca kitab-kitab karangan para ulama ini tiada seorang pun di kalangan mereka yang mengiktiraf yaqazah sesat sebagaimana yang diimani dan dipegang sesetengah ajaran sesat seperti al-Arqam. Sesungguhnya para ulama yang membenarkan yaqazah dengan Rasulullah SAW kesemua mereka sepakat mengatakan ia hanya boleh berlaku melalui karamah para wali. Karamah pula perlu difahami sebagai sesuatu yang diperolehi bukan dalam bentuk dipelajari atau diminta. Ia merupakan perkara yang mencari yang adat yang berlaku ke atas orang soleh sebagai penghormatan (takriman) oleh Allah SWT kepadanya. Habannakah, 'Abd Rahman (1994) al-Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah, Dar al-Qalam, h. 347.

Manhaj Wasatiyyah dalam Pendekatan Ilmu Aqidah

Ilmu aqidah merupakan subjek terpenting yang perlu diketengahkan kepada masyarakat. Meskipun begitu, pendekatan dalam menyampaikan ilmu aqidah perlu mengambil kira latar belakang masyarakat yang mempunyai tahap pemikiran dan pengetahuan agama yang berbeza-beza. Lazimnya, pengajaran ilmu aqidah dilatari oleh pelbagai madrasah dan mazhab tertentu. Ia bergantung kepada siapa yang menyampaikan pengajaran ilmu aqidah tersebut. Misalnya, seorang graduan lulusan Mesir, Lubnan atau pengajian tempatan mungkin akan mengambil pendekatan aqidah berdasarkan aliran Asya'irah-Syafi'iyyah, manakala lulusan Madinah dan Mekah mungkin akan membawa aliran Salafiyah-Hanabilah. Terdapat juga sesetengah ilmuwan agama yang mengambil pendekatan perbandingan sesama aliran Sunni dengan mentarjihkan pendapat yang terkuat.

Apa yang menjadi kemasukan tentang kepelbagaian madrasah dan mazhab aqidah adalah tahap penguasaan ilmu, keterbukaan dan memahami realiti (*waqi'*) oleh para pengajar. Tahap penguasaan ilmu sangat penting kerana penguasaan ilmu yang luas mampu mengurangkan perselisihan, salah faham dan prasangka buruk. Tahap keterbukaan pula penting kerana tanpa keterbukaan akan membawa kepada ketaksuban membawa tuli dan kurang adab di samping aliran lain akan dianggap bid'ah, sesat dan menyeleweng. Dalam pada itu keperluan memahami realiti tidak boleh diabaikan kerana setiap pengajaran yang disampaikan hendaklah sesuai dengan *waqi'* latar belakang masyarakat sekeliling.

Oleh yang demikian, manhaj *wasatiyyah* diperlukan bagi membentuk pendekatan yang ideal, sesuai dan harmoni dalam mengetengahkan ilmu aqidah. Ia penting supaya ilmu aqidah benar-benar menjadi sumber kekuatan dan perpaduan umat Islam seperti di zaman Rasulullah SAW dan para sahabah RA serta bukan menjadi punca kelemahan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Dalam konteks ini, disyorkan beberapa pendekatan yang berpaksikan prinsip-prinsip *wasatiyyah* iaitu tidak terlalu ketat (*ifrath*) dan

tidak terlalu longgar (*tafrith*) serta mengutamakan apa yang lebih utama. Antaranya adalah seperti berikut:

Pertama: Mengutama dan meraikan pengajaran aqidah yang bersifat mesra tempatan supaya ia sesuai dengan latar belakang aqidah yang sedang menjadi pegangan umat Islam semasa. Sebagaimana sedia maklum, aqidah yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia adalah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Kedua: Pengajaran aqidah hendaklah memberi fokus kepada perkara *usul al-i'tiqad*⁶⁰ yang jelas dan disepakati ulama dan cuba mengelakkan perbincangan *furu' al-i'tiqad*⁶¹ yang diperselisih antara ulama Ahli Sunnah⁶².

Ketiga: Bertegas dalam perkara-perkara yang menyalahi usul aqidah dan bermaaf-maafan serta tidak mengkafirkan, membid'ahkan atau menfasiqkan pada perkara-perkara yang menjadi khilaf sesama Ahli Sunnah Wal-Jamaah⁶³.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi adalah antara ulama yang tegas mengatakan ketidakharusan *takfir*, *tabdi'* dan *tafsiq* dalam soal khilaf antara manhaj salaf dan khalaf. Beliau mengatakan:

⁶⁰ Usul al-i'tiqad iaitu perkara-perkara yang berkaitan prinsip keimanan kepada Allah, malaikat, kitab, rasul, hari akhirat dan qadha' serta qadar, al-Qur'an itu benar dan diturunkan daripada Allah SWT, Rasulullah SAW diutuskan kepada seluruh manusia dan lain-lain. Ia adalah hukum-hakam aqidah yang menyeluruh (kulliyah) yang disepakati ulama secara ijma' dan perkara yang dimaklumi di dalam agama secara darurat. Lihat Khatib, Syarif al-(t.t), Masyru'iyyah al-Ijtihad fi Furu' al-I'tiqad, Mafraq: Jami'ah Al al-Bayt, h. 9.

⁶¹ Furu' al-i'tiqad iaitu persoalan cabang yang imbul akibat nusus yang tidak muktamad sama ada dari sudut thubut atau dhilalah. Ia termasuk perbahasan ilmu kalam yang diperselisih oleh ulama hingga terjadinya perdebatan yang berpuncu daripada dilalah nusus yang bersifat zhan. Antara isu-isu tersebut adalah ijtihad dalam masalah sama ada Nabi SAW melihat Allah SWT ketika mi'raj atau tidak, ijtihad tentang makna sifat-sifat Allah SWT dan lain-lain. Ibid., h. 9 & 12-21.

⁶² Menurut Dr. Yusuf al-Qaradhawi ilmu aqidah itu terbahagi kepada dua bahagian: 1) Usul aqidah: Iaitu ilmu bersumber ayat al-Qur'an yang tidak terdedah kepada sebarang tafsiran dan takwilan menurut ilmu Usul Fiqh seperti kewujudan Allah SWT, keesaan-Nya, sifat kesempurnaan-Nya dan banyak lagi. 2) Furu' aqidah: Imu aqidah yang bersumber al-Qur'an dan Hadith sahih tetapi terdedah kepada tafsiran dan takwilan yang sesuai menurut kaedah dalam ilmu Usul Fiqh. Ia seperti syafaat di akhirat, melihat Allah SWT di syurga, mentakwil ayat sifat Allah SWT, Imam Mahdi, penurunan Nabi Isa a.s dan banyak lagi. Lihat Qaradhawi, Yusuf al-(2001) Kayfa Nata'amal Ma'a Turath wa at-Tamazhab wa al-Ikhtilaf, Mesir: Maktabah Wahbah, h. 142. Dinukil daripada web zaharuddin.net.

⁶³ Kaedah usul fiqh menyebut, "La yunkaru al-mukhtalafu fihi wa innama yunkaru al-mujma'u 'alaikh" bererti "Tidak dimungkiri perkara yang diperselisihkan padanya, tetapi dimungkiri perkara yang disepakati atasnya". Sayu i, 'Abd al-Rahman al-(1403), al-Asyabah wa al-Nazha'ir, Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiyah, h. 158.

“Aku ingin tegaskan di sini bahawa khilaf antara dua manhaj atau dua mazhab (salaf dan khalaf) tidak mewajibkan takfir antara satu dengan lain, dengan makna menghukumnya sebagai kafir dengan kekufuran yang besar terkeluar daripada Islam!. Maka ini sesuatu yang tidak diterima oleh jiwa seorang muslim dan tidak boleh diterima oleh akal seorang alim. Bagaimana umat Islam datang dengan mengkafirkan antara satu dengan lain, mengeluarkan antara sesama sendiri daripada agama Islam, sedangkan mereka semua beriman kepada Tuhan Yang Esa, Rasul yang satu, kitab yang satu, manhaj yang satu dan solat menghadap kiblat yang satu...aku melihat khilaf dalam isu ini tidak menyebabkan ta’thim, tafsiq dan tabdi’, sedangkan paling jauh pun ianya adalah khilaf antara yang benar (dua pahala) dan yang salah (satu pahala) atau antara yang benar dan yang lebih benar daripadanya. Bagaimana seorang alim yang hebat berani untuk menuduh fasiq, berdosa atau bid’ah kepada tokoh-tokoh ulama ummah yang telah menjunjung syariat Islam, mempertahankan aqidahnya, ditentang musuh dakwahnya, menghabiskan umurnya sebagai pendakwah dan pengislah, ulama yang beramal seperti al-Baqillani, al-Isfirayini, al-Maturidi, al-Ghazali, al-Razi, Ibn ‘Abd al-Salam, Ibn Daqiq al-‘Id, al-Rafi’i, al-Nawawi, Ibn al-Humam, al-Zarkasyi, al-Iraqi, Ibn Hajar, al-Sayuti dan lain-lain...dan ini adalah pendekatan Syaikh al-Islam Ibn Taimiyah dan muridnya al-Imam Ibn Qayyim iaitu tidak menuduh berdosa kepada yang tersilap dalam takwilannya pada permasalahan usuliyyah mahupun ilmiyyah, yang dimaksud engannya permasalahan yang berkaitan aqidah dan usuluddin”⁶⁴.

Sebagai contoh, terdapat cubaan untuk memperlekehkan pendekatan sifat 20 yang berteraskan aliran mazhab al-Asya’rah iaitu yang telah diterapkan dalam pengajian aqidah sejak sekian lama di Malaysia. Hal seperti ini, adalah sesuatu yang membuang masa kalau sarjana kini masih lagi mempertikaikan isu-isu remeh. Ini kerana pendekatan ini juga ada aspek positifnya. Ia memudahkan orang awam memahami persoalan tauhid dengan cara yang mudah. Pemantapan hanya perlu dibuat dari aspek bagaimana memastikan umat Islam dapat memahami konsep

⁶⁴ Qaradhawi, Yusuf al-(2009), Fatawa Mu’asirah, Kuwait: Dar al-Qalam, j.4, h. 151-152.

sebenar sifat-sifat ini dan apa kesannya pemahaman sifat tersebut dalam kehidupan seharian sehingga dengan itu, corak ia berfikir dan berperilaku dalam kehidupannya selaras dengan kefahaman tersebut⁶⁵.

Keempat: Menekankan pendekatan aqidah yang mampu menjawab permasalahan masyarakat dan kemosykilan pemikiran semasa. Antaranya seperti isu kewujudan Allah dan keesaan-Nya, kenabian, kehidupan selepas mati, qada' dan qadar dan lain-lain. Isu-isu ini perlu diketengahkan dengan cara yang bijaksana dan menarik agar dapat membenteng masyarakat daripada pelbagai aliran semasa yang dimaklumi kemudaratannya seperti faham sekularisme (dikotomi dunia akhirat), materialisme (kebendaan), hedonisme (hiburan melampau), liberalisme (agama tanpa disiplin) dan pluralisme agama (kesamarataan agama).

Kelima: Memperbanyakkan pengajaran aqidah ‘*amaliyyah* berbanding aqidah *nazhariyyah*. Aqidah ‘*amaliyyah* berobjektifkan untuk membentuk modal insan rabbani dari segi ketulusan hati, ketekunan beribadah dan akhlak yang luhur. Ia berbeza dengan aqidah *nazhariyyah* yang lebih cenderung kepada perbahasan ilmu kalam yang mendalam dalam soal *sam'iyyat* dan ‘*aqliyyat*. Dalam hal ini pendekatan para ulama salaf dalam menyampaikan aqidah adalah lebih mudah dan berkesan terutamanya kepada golongan awam. Oleh kerana itu, Mufti Mesir, Dr. 'Ali Jum'ah mengatakan *mazhab al-salaf mazhab i'tiqad* (mazhab salaf adalah mazhab untuk beriktikad) dan *mazhab al-khalaf mazhab munazarah* (mazhab khalaf adalah mazhab untuk berbahas)⁶⁶.

Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara *Ilahiyyat*

Perkara *ilahiyyat* adalah berkaitan dengan keimanan terhadap Allah SWT dan keesaan-Nya yang merupakan rukun iman pertama dalam

⁶⁵ Mohd Fauzi Hamat (2008), "Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran", *Jurnal Penyelidikan Islam* Bil. 21, Putrajaya: Jakim, h. 23.

⁶⁶ Jum'ah, 'Ali (2005), *al-Bayan lima Yusyghil al-Azhan*, Kaherah: el-Mokatam, h. 134.

agama Islam. Perbahasannya meliputi soal *zat*, *sifat* dan *af'āl* Allah SWT serta perkara yang berkaitan dengannya. Dalam hal *ilahiyyat*, manhaj *wasatiyyah* amat penting bagi memastikan keimanan yang tepat dan sahih sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT dan diimani oleh Rasulullah SAW. Antara pendekatan tersebut ialah seperti berikut:

Pertama: Dalam memperkatakan soal zat Allah, perlu berada di pertengahan antara golongan yang melampau sehingga mengatakan mereka mengenal zat Allah secara hakikat⁶⁷ dengan golongan yang langsung menolak kewujudan zat Allah⁶⁸. Manhaj yang pertengahan adalah beriman sesungguhnya akan kewujudan zat Allah SWT sebagaimana yang dinaskan dalam al-Qur'an, al-Sunnah yang sahih dan akal yang waras. Zat yang Maha Sempurna, tidak menerima sifat kekurangan dan tidak sekali-kali menyerupai sesuatu apapun.

Kedua: Tentang sifat-sifat Allah SWT, manhaj *wasatiyyah* berada di pertengahan antara golongan yang melampau dalam menetapkan sifat-sifat Allah SWT sehingga menjisimkan dan menyerupakan-Nya dengan sifat makhluk (*mujassimah* atau *musyabbihah*), dengan golongan yang menafikan dan menyelewengkan maksud sifat-sifat Allah SWT (*mu'attilah*).

Dalam hal ini, pendekatan terbaik adalah seperti yang dikemukakan oleh al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna. Isu sifat-sifat Allah SWT perlu dirujuk kepada pandangan dan pegangan dua golongan utama

⁶⁷ Berkata al-Imam Hasan al-Banna, "Ramai orang telah sesat apabila memperkatakan tentang zat Allah SWT, perbincangan mereka itu menjadi sebab kepada kesesatan, fitnah dan perselisihan mereka kerana mereka bercakap pada perkara yang mereka tidak ketahui ketentuannya, dan tidak berkemampuan mengetahui hakikatnya, kerana itu Rasulullah SAW menegah daripada memikirkan tentang zat Allah, tetapi memerintahkan supaya berfikir pada kejadian-kejadian-Nya. Daripada Ibn 'Abbas RA bahawa satu kaum telah berfikir tentang zat Allah, lalu Nabi SAW bersabda: Berfikirlah kamu tentang kejadian Allah dan jangan kamu berfikir tentang (zat) Allah, sesungguhnya kamu tidak mampu mencapainya. Al-'Iraqi berkata diriwayatkan oleh Abu Nu'a'im dalam al-Hilyah dengan sanad yang dha'if, juga al-Asbahani dalam al-Targhib wa al-Tarhib dengan sanad yang lebih sahih daripadanya dan diriwayatkan oleh Abu al-Syaikh begitu juga, apapun keadaannya maknanya adalah sahih". Banna, Hasan al-(t.t), Majmu' al-Rasa'il, T.T.P. h. 471-472. Antara ajaran yang difatwakan sebagai sesat disebabkan keterlampauan mereka membincangkan tentang zat Allah adalah ajaran Hakikat Insan di Kelantan, ajaran Taslim di Pulau Pinang, ajaran Khatijah Ali di Pucong dan ajaran Hj. Banuar di Selangor.

⁶⁸ Seperti yang dipercayai oleh golongan ateisme yang tidak mempercayai kewujudan tuhan.

dalam tradisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah iaitu mazhab salaf dan khalaf. Memetik pandangan mazhab salaf yang mengatakan; “*Kami beriman dengan ayat-ayat dan hadith-hadith yang sebagaimana ianya datang dan kami tinggalkan kepada Allah keterangan maksudnya yang sebenar*”. Al-Banna menjelaskan bawa mazhab ini menetapkan bagi Allah SWT sifat *yad, ‘ain, istiwa’* dan lain-lainnya dengan maksud makna sebenarnya terserahlah kepada Allah⁶⁹. Sebagai sandaran kepada mazhab ini, al-Banna membawakan beberapa nas daripada kitab-kitab seperti *al-Hilyah* oleh Abu Nu‘aim, *Usul al-Sunnah* dan lain-lainnya yang menaqalkan riwayat daripada beberapa tokoh daripada kalangan salaf seperti Imam Ahmad bin Hanbal.

Berdasarkan nama-nama yang disebut daripada kedua-dua mazhab Ahli Sunnah itu, jelas bahawa golongan salaf yang dimaksudkan dikenali juga sebagai golongan Hanabilah dan mazhab khalaf jelas merujuk kepada pendukung mazhab Asya‘irah. Menurut al-Banna mengenai perbezaan pendapat di antara kedua-dua golongan ini; bahawa mazhab salaf mengenai ayat-ayat atau Hadith-Hadith yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT ialah mereka menerima tanpa menafsir atau mentakwilkan maknanya. Mazhab khalaf pula mentakwilkannya demi mensucikan Allah daripada sebarang “*syubhah*” yang mengelirukan dengan kesamaran makhluk.

al-Banna dalam menangani khilaf ini, bahawa bagi sesiapa yang ingin cara yang selamat (*manhaj taslim*) mazhab salaf adalah pilihan yang terbaik. Namun beliau penuh yakin bahawa secara umumnya pentakwilan yang dibuat oleh golongan khalaf sudah tentu tidak sampai membawa

⁶⁹ Imam Abu al-Hasan al-Asy’ari dalam kitab al-Ibanah seperti yang dinukulkan oleh Imam Ibn ‘Asakir dalam Tabyin Kazib al-Muftari Fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy’ari telah mengambil pendekatan men’tafwidh’kan ayat-ayat yang mutasyabihat tersebut kepada Allah SWT tanpa memberikan sebarang makna kepadanya seperti yang dipegang oleh mazhab Salaf. Kaedah ini memang diakui dalam mazhab Asya‘irah sebagaimana ta’liq Imam al-Kauthari dalam Tabyin, yang mengatakan bahawa, kitab al-Ibanah membawakan kaedah al-mufawwidhah pada menahan diri daripada menentukan maksud ayat-ayat mutasyabihat. Lihat Ibn ‘Asakir, ‘Ali bin al-Hasan (1347h), Tabyin Kazib al-Muftari Fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy’ari, Dimasyq: al-Qudsi, h. 28. Rujuk juga al-Ibanah tahqiq Dr. Fauqiyyah Husain Mahmud. Asy’ari (1977), op. cit., h. 22.

kepada kekufuran dan kefasikan. Ini kerana para ulama khalaf tetap mengikat kaedah takwil yang mereka lakukan dengan kaedah-kaedah syar'i yang tidak bercanggah dengan mana-mana usul di dalam usuluddin seperti meraikan makna daripada sudut bahasa Arab yang makruf. Demikianlah dalam keadaan-keadaan tertentu golongan salaf seperti Imam Ahmad sendiri turut mengambil kaedah takwil.

Ketiga: Berkenaan perbuatan-perbuatan (*af'al*) Allah SWT, manaj *wasatiyyah* mengambil pendekatan pertengahan antara golongan yang melampau sehingga menyandarkan semua perbuatan kepada Allah SWT dan manusia tiada daya upaya kecuali dipaksakan oleh Allah SWT (*jabariyyah*), dengan golongan yang menafikan terus perbuatan Allah SWT sehingga menolak kekuasaan dan campur tangan Allah SWT dalam amal perbuatan manusia (*qadariyyah*).

Pendekatan *wasatiyyah* adalah tidak menolak secara total pandangan kedua-dua aliran *jabariyyah* dan *qadariyyah* sebaliknya diperbetulkan tanggapan kedua-duanya supaya kembali kepada pandangan pertengahan. Golongan *jabariyyah* benar apabila mengatakan Allah SWT yang menciptakan segala perbuatan makhluk, tetapi salah apabila mengatakan seorang manusia bukan pelaku kepada perbuatannya secara hakiki sebaliknya Allah SWT yang melakukannya. Golongan *qadariyyah* pula benar apabila mengatakan manusia berkuasa atas segala perbuatannya dan dia bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan, tetapi salah apabila mengatakan Allah SWT tidak menciptakan segala perbuatan manusia, lalu mereka terjebak dalam menetapkan dua pencipta (Allah dan manusia).

Oleh itu, pendekatan *wasatiyyah* adalah menetapkan bahawa Allah SWT adalah pencipta kepada perbuatan manusia secara hakiki, kerana manusia adalah ciptaan-Nya sebagaimana perbuatan manusia juga dicipta oleh-Nya berdasarkan firman Allah SWT:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَمَا تَعْمَلُونَ
⑥

(Surah al-Saffaat: 96)

Bermaksud: “*Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!*”

Begitu juga sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Allah SWT yang menciptakan setiap pelaku dan perlakuannya*”.

(Riwayat al-Bukhari)

Manakala, nusus yang menerangkan tentang perbuatan manusia secara hakiki juga diterima seperti firman Allah SWT:

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ

(Surah al-Baqarah: 197)

Bermaksud: “*Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah*”.

Atau firman Allah SWT:

فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكُفُرْ

(Surah al-Kahfi: 29)

Bermaksud: “*Maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya*”.

Manhaj wasatiyyah menerima kedua-dua bentuk nusus ini dan berusaha menghimpunkan makna kedua-duanya menjadi selari dan sekata. Ayat atau Hadith yang menunjukkan bahawa Allah SWT menciptakan perbuatan manusia tidaklah bermaksud manusia itu bukan pelaku secara hakiki, tidak berkemahan, tidak berkuasa memilih, atau pergerakannya yang berbentuk pilihan adalah umpama getaran, tiupan angin dan gerakan pokok. Begitu juga ayat yang menunjukkan bahawa

manusia itu pelaku secara hakiki bukanlah bermakna manusia itu berada di luar qadar (takdir) Allah SWT atau di luar kehendak dan kekuasaan Allah SWT⁷⁰.

Dengan mengambil pendekatan *wasatiyyah*, ia dapat mengelakkan daripada kesesatan golongan *jabariyyah* yang boleh membawa kepada penafian hukum hakam perintah dan larangan serta dosa dan pahala. Ini kerana apa gunanya perintah dan larangan, dosa dan pahala jika segala-galanya telah dipaksakan ke atas manusia. Misalnya, seseorang yang menjadi perompak atau pencuri akan mengatakan bahawa Allah SWT telah menetapkan dia menjadi pencuri. Begitu juga seorang artis yang berkahwin dan bercerai berulang kali akan mengatakan bahawa Allah SWT telah menetapkan nasibnya begitu. Segala keburukan yang berlaku pada dirinya seolah-olah sengaja dipasrahkan kepada taqdir Allah SWT sedangkan dia sendiri tidak pernah memuhasabah dirinya apakah perbuatan yang dilakukannya hingga menyebabkan natijah sesuatu itu terjadi.

Manhaj *wasatiyyah* juga mengelak daripada menjadi golongan *qadariyyah* yang menjurus kepada iktikad mensyirikkan Allah SWT. Iaitu menyanjung hasil usaha dan amal perbuatannya sendiri sehingga merasakan ia tiada kena mengena dengan kehendak dan kekuasaan Allah SWT dalam menentukan sesuatu. Tiada erti kata doa dan tawakkal bagi golongan seperti ini sehingga mereka menjadi makhluk yang sombong dan angkuh seolah-olah semua yang berlaku di dunia adalah berlaku dengan kehendak dan usaha manusia semata-mata.

Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara Nubuwwat

Nubuwwat adalah perkara yang berkaitan dengan keimanan terhadap para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Manhaj *wasatiyyah* berada

⁷⁰ Ba 'Abdullah, Muhammad Ba Karim (1994), *Wasatiyyah Ahl al-Sunnah Bayn al-Firaq*, Riyadh: Dar al-Rayah, h. 380-382.

di pertengahan antara golongan yang mendewakan para nabi dan rasul sehingga menganggap mereka sebagai tuhan yang disembah, dengan golongan lain yang mendustakan para nabi, melemparkan tuduhan ke atas mereka malah menyakiti para nabi.

Para nabi adalah manusia biasa yang makan, berjalan ke pasar, ada yang berumah tangga dan beranak-pinak, yang hanya membezakan antara kita dan mereka ialah mereka dikurniakan wahyu untuk disampaikan dan disokong dengan mukjizat. Firman Allah SWT:

قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِنَّنَا نَحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ وَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَمَا كَانَ لَنَا أَنْ تَأْتِيَكُمْ بِسُلْطَنٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلْ كُلُّ مُؤْمِنٌ
⑩

(Surah Ibrahim: 11)

Bermaksud: “Rasul-rasul mereka berkata kepada mereka: “Kami ini tidak lain hanyalah manusia seperti kamu juga, tetapi Allah melimpahkan kurniannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya; dan Kami tiadalah berkuasa membawa kepada kamu sebarang bukti (mukjizat) melainkan dengan izin Allah. Dan dengan yang demikian maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri”.

Dalam konteks Nabi Muhammad SAW, manhaj wasatiyyah mengambil pendekatan mengutamakan penegakan risalah dan sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW berbanding sekadar mengagung-agungkan jasad dan keturunan Baginda. Adalah tidak salah untuk memuji dan mengenang Rasulullah SAW dengan membaca pelbagai qasidah dan syair berkenaan jasad dan keturunan Baginda SAW, namun apa yang lebih penting adalah melaksanakan risalah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا أَءَيْتُكُم مِّنْ رَسُولٍ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَأَنْتُمْ تَهُوَّرُونَ

(Surah al-Hasyr: 7)

Bermaksud: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahnya)”.

Ia juga merupakan wasiat Rasulullah SAW supaya kita berpegang teguh dengan sunnahnya. Sabda Rasulullah SAW:

Bermaksud: “Saya wasiatkan kepada kalian agar bertaqwa kepada Allah SWT, taat dan tunduk kepada-Nya, walaupun yang menyampaikannya hanyalah seorang hamba habsyi. Dan sesungguhnya, sesiapa antara kalian yang akan hidup sepeninggalku akan mendapati perselisihan yang banyak, maka berpeganglah dengan sunnah-ku dan sunnah para Khulafa’ Rasyidin yang telah mendapat petunjuk, berpegang eratlah dengannya. Dan berwaspadalah kalian daripada setiap perkara yang diada-adakan, kesemuanya itu adalah bid’ah dan setiap bid’ah adalah sesat”⁷¹.

Terdapat segelintir golongan yang mengaku pencinta Rasulullah SAW, namun kecintaan itu apabila tidak diseimbangkan antara cinta kepada jasad Baginda dengan cinta kepada sunnah Baginda dibimbangi akan membawa kepada pelanggaran terhadap batas-batas hukum. Sebagai contoh, mengadakan bacaan rawi berupa qasidah atau syair atau nasyid yang memuji-muji Baginda SAW sambil menunggu waktu Isyak, di dalam masjid atau surau, sambil diiringi dengan alatan muzik seperti duf

⁷¹ Hadith ini diriwayatkan oleh al-Darimi, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Hakim. Al-Tirmizi mengatakan Hadith ini hasan sahih. Lihat Tirmizi, Muhammad bin 'Isa (t.t), al-Jami' al-Sahih, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.5, h. 44. Al-Hakim pula mengatakan hadith ini sahih dan tidak mempunyai 'illah. Hakim, Muhammad bin 'Abdullah (1990), al-Mustadrak 'ala al-Sahihain, Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiah, j.1, h. 174.

dan *tambourine*, dengan penuh keasyikan sehingga menyebabkan terluput syiar azan, adalah sesuatu yang amat dikesali dan bertentangan dengan semangat cintakan Nabi SAW⁷².

Imam al-Sayuti *rahimahullah* pernah menegaskan berkaitan senario yang berlaku ini sambil menjelaskan seperti berikut:

ومن ذلك الرقص، والغناء في المساجد، وضرب الدف أو غير ذلك من آلات الطرب. فمن فعل ذلك في المسجد، فهو مبتدع، ضال، مستحق للطرد والضرب لأنه استتحف بما أمر الله بتعظيمه، قال الله تعالى: (في بيته أذن الله أن ترفع "أي تعظم ويدرك فيها اسمه)، أي يتلى فيها كتابه. وببيوت الله هي المساجد وقد أمر الله بتعظيمها وصيانتها عن الأقدار، والأوساخ، والصبيان، والمخاط، والثوم، والبصل، وإنشاد الشعر فيها، والغناء والرقص؛ فمن غنى فيها أو رقص فهو مبتدع، ضال مضل، مستحق للعقوبة

Bermaksud: “Di antaranya adalah menari, menyanyi di dalam masjid, memukul duf (rebana) atau rebab (sejenis alat muzik), atau selain itu dari jenis alat-alat muzik. Maka, sesiapa yang melakukan itu di dalam masjid maka dia mubtadi’ (pelaku bid’ah), sesat, patut baginya diusir dan dipukul, kerana dia meremehkan perintah Allah untuk memuliakan masjid. Allah Ta’ala berfirman: “Bertasbihlah kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya.” Iaitu dibacakan kitab-Nya di dalamnya. Rumah-rumah Allah adalah masjid-masjid, dan Allah Ta’ala telah memerintahkan untuk memuliakannya, menjaganya dari kotoran, najis, kanak-kanak, hingus (ludah), bawang putih, bawang merah, nasyid-nasyid dan sya’ir di dalamnya, nyanyian dan tarian, dan barangsiapa yang bernyanyi di dalamnya atau menari maka dia adalah pelaku bid’ah, sesat dan menyesatkan, dan berhak diberikan hukuman”⁷³.

⁷² Perkara ini berlaku di hadapan mata penulis sendiri di salah sebuah surau Jumaat di negeri Selangor pada malam sambutan Tahun Baru 2012 yang lalu.

⁷³ Sayuti, Jalal al-Din al-(1995) al-Amr bi al-I’tibā’ wa al-Nahy ‘an al-Ibtida’, Dammam: Dar Ibn al-Qayyim, h. 275.

Oleh itu, cinta kepada Rasulullah SAW hendaklah disemai dan dibajai dengan cinta kepada sunnah atau risalah yang ditinggalkan oleh Nabi SAW, bukan semata-mata cinta kepada jasad dan keturunan Baginda. Ini kerana cinta kepada Nabi SAW adalah cabang kepada cinta kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ كُنْتُمْ تُحِبُّوْنَ اللَّهَ فَاتَّبِعُوْنِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝ ۳۱

(Surah Ali 'Imran: 31)

Bermaksud: “Katakanlah (Wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Manhaj Wasatiyyah dalam Perkara Sam'iyyat

Perkara *sam'iyyat* atau *ghaibiyat* adalah keimanan terhadap perkhabaran-perkhabaran *ghaib* yang diwahyukan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya seperti beriman terhadap hari akhirat, alam barzakh, titian sirath, *mizan* atau timbangan, malaikat, jin dan sebagainya.

Manhaj *wasatiyyah* dalam perkara *sam'iyyat* berada di pertengahan iaitu tidak melampau sehingga keterlaluan mencari dan membongkar hakikat sebenar perkara-perkara *sam'iyyat* tersebut, serta tidak terlalu longgar sehingga menolak kewujudan perkara *sam'iyyat* secara total. Kedua-dua pendekatan yang melampau ini ditolak kerana ia boleh membawa kepada kerosakan aqidah. Malah antara punca berlakunya kesyirikan dan kekufuran adalah disebabkan keterlampauan dalam perkara *sam'iyyat*.

Misalnya terdapat golongan manusia yang keterlaluan untuk membongkar hakikat roh, malah ada yang mendakwa bahawa mereka

mengetahui apakah itu roh. Sedangkan Allah SWT telah menyembunyikan hakikat roh itu hanya dalam khazanah ilmu-Nya. Allah SWT berfirman:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوْتِيْتُمُ
مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

(Surah al-Isra': 85)

Bermaksud: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.

Ada juga yang mendakwa mereka mampu mengetahui hal-hal yang akan berlaku pada masa hadapan termasuk bila akan berlakunya hari kiamat, jantina bayi yang akan lahir (sebelum membentuk janin di dalam perut ibu), bila dan di mana seseorang akan menemui ajalnya serta untung nasib hayat seseorang. Semua perkara ini adalah termasuk dalam perkara *ghaibiyyat* yang mustahil diketahui oleh manusia dan jin kerana ianya berada dalam ilmu Allah SWT. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ
وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَا ذَاتَ كَسِبٍ غَدَاءً وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ
تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

(Surah Luqman: 34)

Bermaksud: “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah juga yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa

yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya”.

Terdapat pula kalangan manusia yang sanggup bekerjasama atau meminta pertolongan dengan makhlus halus iaitu jin dengan anggapan para jin itu mengetahui perkara-perkara yang ghaib sedangkan Allah menegah jin daripada mengetahui perkara yang ghaib. Hal ini digambarkan oleh Allah SWT:

وَإِنَّهُ وَكَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنْسِينَ يَعْوِذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَرَأَوْهُمْ
 رَهْقًا ⑥ وَإِنَّهُمْ ظَنُوا كَمَا ظَنَنُوا أَنَّ لَنَّ يَبْعَثَ اللَّهُ أَحَدًا
 وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلْئَةً حَرَسًا شَدِيدًا
 وَشُهْبَيَا ⑧ وَأَنَا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقْعِدًا لِلسمْعِ فَمَنْ
 يَسْتَمِعُ أُلَّا نَحْدُلُهُ وَشَهَابَارَصَدًا ⑨ وَأَنَا لَأَنْذِرِي أَ
 شَرًّا يُرِيدُ بِمَنْ فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ⑩

(Surah al-Jin: 6-10)

Bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombang dan jahat (6) Dan bahawa sesungguhnya (tidaklah benar) manusia menyangka sebagaimana yang kamu sangka, bahawa Allah tidak sekali-

kali mengutuskan sebarang Rasul (atau tidak akan membangkitkan manusia pada hari qiyamat) (7). Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala (8) Padahal Sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya (9) Dan bahawa sesungguhnya kami tidak mengetahui adakah (dengan adanya kawalan langit yang demikian) hendak menimpa bala bencana kepada penduduk bumi, atau pun Tuhan mereka hendak melimpahkan kebaikan kepada mereka? (10)".

Kepercayaan melampau sesetengah manusia tehadap kehebatan dan keistimewaan jin ini akhirnya menjadi punca kepada berlakunya banyak penyelewengan aqidah. Antaranya dengan mendatangi dan mempercayai ramalan-ramalan para dukun dan bomoh yang berdamping dengan jin sedangkan ia ditegah oleh Nabi SAW sebagaimana terkandung dalam beberapa Hadithnya.

Namun demikian, fenomena mistisisme semakin membudaya dalam masyarakat Melayu Islam di negara ini. Lambakan drama, filem, akhbar tabloid, majalah dan lain-lain yang gemar memaparkan cerita-cerita mistik semakin mendapat tempat di hati khalayak. Perkara seumpama ini amat membimbangkan kerana ia boleh menghakiskan keimanan umat Islam terhadap perkara-perkara *ghaibiyat* seperti yang selayaknya diimani. Keterlaluan dalam membongkar perkara-perkara seumpama ini membuka ruang yang luas kepada berlakunya bid'ah, khurafat dan tasyul⁷⁴ dalam kepercayaan dan amal perbuatan yang akhirnya membawa kepada kesesatan dan kerosakan aqidah.

⁷⁴ Khurafat ialah sesuatu perkara mempesonakan berbentuk rekaan atau dongeng (legenda) yang karut yang menyimpang dari ajaran Islam sedangkan tasyul pula iaitu semua cerita sama ada khayalan atau rekaan yang meliputi cerita-cerita yang mempesonakan dan bercampuraduk dengan perkara-perkara yang dusta.

Sementara itu, manhaj wasatiyyah juga menolak golongan yang langsung tidak menerima kewujudan perkara-perkara ghaib. Bagi golongan ini, kewujudan hanya terbatas kepada perkara yang boleh dicapai oleh pancaindera yang lima. Golongan ini berpegang kepada fahaman materialisme iaitu suatu falsafah yang mengatakan bahawa hal yang dapat dikatakan benar-benar ada adalah material, fizikal atau jasmaniah.

Pada dasarnya semua hal terdiri atas material dan semua fenomena adalah hasil interaksi material. Materialisme tidak mengakui entiti-entiti non-material seperti roh, hantu, syaitan dan malaikat. Pelaku-pelaku immaterial tidak ada. Tidak ada Allah atau dunia supranatural. Realiti satu-satunya adalah material dan segala sesuatu merupakan manifestasi dari aktiviti material. Material dan aktivitinya bersifat abadi. Tidak ada penggerak pertama atau sebab pertama⁷⁵.

Golongan ini pernah wujud pada suatu ketika dahulu dan mereka digelar sebagai golongan *dahriyyun*. Mereka tidak percaya dengan hari kebangkitan semula manusia, yang mana pada hari itu segala amal perbuatan manusia akan dihitung dan diganjar oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an ketika merakamkan kenyataan golongan ini terhadap Nabi Saleh yang mengingatkan mereka tentang ancaman hari akhirat:

هَيَّاهَاتٌ هَيَّاهَاتٌ لِمَا تُوَعْدُونَ ﴿٣٦﴾
الْدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

(Surah al-mukmin: 36-37)

Bermaksud: "Jauh, amatlah jauh (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu! (36) Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, kita mati dan kita hidup (silih berganti) dan tiadalah kita akan dibangkitkan hidup semula(37)"

⁷⁵ Lihat subjek materialisme dalam <http://id.wikipedia.org/wiki/Materialisme>.

Demikian juga firman Allah SWT:

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاةٌ أُنْتُمْ تَنْحِيَأْ وَمَا يَهْلِكُنَا إِلَّا الْدَّهْرُ وَمَا
لَهُمْ بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنَّهُمْ إِلَّا يُظْنُونَ
٢٤

(Surah al-Jathiyah: 24)

Bermaksud: “Dan mereka berkata: Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini, kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman, padahal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata”.

Menolak kewujudan hari akhirat bermakna menolak kewujudan pencipta yakni Allah SWT. Fahaman ini jelas terkeluar daripada Islam. Namun begitu, perlu diberi perhatian apabila wujud golongan yang mirip-mirip kepada golongan *dahriyyun* atau materialis ini, seumpama mengatakan bencana alam yang berlaku adalah hanya berpunca daripada fenomena alam semulajadi yang boleh dirumus secara saintifik, sehingga terlupa untuk mengaitkannya dengan tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT.

Oleh itu, pendekatan terbaik adalah manhaj *wasatiyyah*, iaitu tidak menolak perkara *ghaibiyat* secara total, sebaliknya beriman dengan sepenuh keyakinan tentang perkara *ghaibiyat* seperti yang terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa sebarang tokok tambah, rekayasa dan takwilan yang batil.

KESIMPULAN

Setelah membentangkan secara ringkas beberapa asas penting *wasatiyyah* dalam aqidah, dapat di simpulkan seperti berikut:

- a) Aqidah bererti keimanan yang teguh dalam hati, perakuan dengan lisani dan pembuktian dengan amal perbuatan.
- b) Perbahasan aqidah menekankan sumber, pendekatan, mafhum iman, soal ketuhanan (*ilahiyyat*), kenabian (*nubuwwat*) dan perkara-perkara ghaib (*ghaibiyyat*).
- c) Sumber asal aqidah adalah nas-nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW yang sahih.
- d) Akal dan deria berperanan dalam mensabitkan aqidah selagi mana dalam kemampuannya dan tidak bercanggah dengan nas-nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW yang sahih.
- e) Aqidah yang sahih tidak boleh terpisah dengan tasawuf yang murni dalam erti melahirkan amalan dan akhlak yang soleh.
- f) Aqidah yang haq adalah berasaskan manhaj Ahli Sunnah Wal-Jamaah.
- g) Bertegas dalam perkara *usul al-i'tiqad* yang disepakati dan bermaaf-maafan dalam perkara *furu' al-i'tiqad* yang diperselisih antara ulama Ahli Sunnah.
- h) Bersungguh-sungguh dalam mengikuti manhaj salaf dalam menghayati aqidah (*mazhab al-salaf mazhab i'tiqad*) dan meraikan manhaj khalfah dalam membentengi aqidah (*mazhab al-khalaf mazhab munazarah*).
- i) Memuliakan dan menghormati golongan salafussoleh dan menganggap pegangan mereka adalah paling selamat, paling mengetahui dan paling bijak.
- j) Mendaulukan naqli daripada aqli dan menjadikan hukum aqli hendaklah tunduk kepada hukum naqli.
- k) Komited dalam menyebarkan aqidah yang disepakati kebenarannya, dan menentang aqidah yang disepakati kebatilannya.
- l) Bersungguh-sungguh menyatukan ummah dengan sifat rahmat, ehsan dan sangka baik ke dalam satu aqidah yang sama dan menjauhkan sikap gemarkan perselisihan dan perpecahan sehingga mengeluarkan seseorang daripada aqidah tanpa hak.
- m) Mengelakkan diri daripada menghukum dengan kafir mengkafir (*takfir*), bid'ah membid'ah (*tabdi'*) dan sesat menyesatkan (*tadhlii'*)

antara sesama muslim secara sesuka hati, sebaliknya mengambil pendekatan dakwah secara ilmu dan berdasarkan prinsip keadilan.

- n) Mengutamakan aqidah untuk membentuk sebaik-baik manusia dari segi keperibadian dan penyucian jiwa dalam mentaati Allah, bukan membentangkan aqidah yang membangkitkan perdebatan antara ahli ilmu dan membingungkan orang awam yang jahil.
- o) Menjadikan aqidah sebagai sumber inspirasi kehidupan muslim dalam *ibadah, munakahah, muamalah, jinayah* dan *siyasat al-daulah*.

2

ISU AJARAN SESAT (ILMU HAKIKAT, AL-ARQAM DAN SYIAH)

PENGENALAN AJARAN SESAT DAN PENENTUANNYA

Takrif Ajaran Sesat

Takrif ajaran sesat yang diguna pakai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada masa ini adalah “sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah (iaitu Hadith sahih) serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah”.

Takrif ini disokong pula dengan takrif yang disebut oleh Tafsir Pimpinan Rahman (muka surat 4 edisi jawi dan muka surat 5 edisi rumi), orang yang sesat ialah “orang yang tidak berpengetahuan agama kerana tidak berusaha mempelajarinya atau orang yang berpengetahuan agama yang tidak betul kerana dipelajari dengan tidak menurut peraturan dan jalan sebenarnya”.

Menerusi takrif yang diguna pakai oleh JAKIM, jelas menunjukkan bahawa tiada sebarang ayat yang menunjukkan JAKIM secara langsung menghukumkan bahawa seseorang pengamal ajaran sesat itu telah murtad. Sebaliknya takrif ini hanya menisbahkan kesesatan atau penyelewengan itu berlaku terhadap sesuatu perbuatan atau perkataan yang menjadi ajaran atau amalan seseorang pengamal ajaran sesat.

Dengan kata lain definisi ajaran sesat yang dikemukakan oleh JAKIM adalah bersifat penghukuman terhadap sesuatu ajaran atau amalan itu. Ia adalah satu kaedah umum yang boleh diguna pakai terhadap apa jua ajaran atau amalan yang didapati menepati ciri-ciri kesesatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Islam. Manakala untuk memberi penghukuman terhadap status Islam seseorang pengamal ajaran sesat secara khusus (penetapan murtad) adalah tertakluk kepada pihak berautoriti seperti institusi fatwa atau melalui proses kehakiman Islam.

Penentuan Hukum Ajaran Sesat

Secara zahirnya pengamal ajaran sesat telah memenuhi ciri-ciri murtad. Persoalannya adakah ia boleh dihukumkan murtad? Hukum bagi menentukan status keislaman sesebuah ajaran sesat adalah bergantung kepada tahap atau jenis kesesatan yang dilakukan oleh pengamalnya. Menurut para ulama, jenis kesesatan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama; kesesatan yang mengkafirkan (*bid'ah mukaffirah*). Kedua; kesesatan yang tidak mengkafirkan (*bid'ah ghair mukaffirah* atau *bid'ah mufassiqah*)⁷⁶. Takrifannya adalah seperti berikut:

- a) Kesesatan yang mengkafirkan (*bid'ah mukaffirah*) iaitu mengingkari sesuatu hukum syarak yang telah disepakati (*ijmak*), telah mutawatir (khabarnya) serta sewajibnya dimaklumi dalam agama (*ma 'ulima min al-din bi al-dharurah*) atau orang yang meyakini sebaliknya.
- b) Kesesatan yang tidak mengkafirkan (*bid'ah ghair mukaffirah* atau *bid'ah mufassiqah*) iaitu kesesatan yang tidak menyebabkan kekafiran tetapi ia dihukumkan sebagai *fasiq* atau pelaku dosa. Kesesatan jenis ini tidak sampai merosakkan pokok-pokok keimanan (*usul al-iman*), tidak membatalkan sesuatu hukum yang mutawatir dan sesuatu hukum yang sewajibnya dimaklumi dalam agama (*ma 'ulima min al-din*

⁷⁶ Lihat: Syarah Nukhbah Fi Mustalah Ahl al-Athar, Ahmad ibn Hajar al-'Asqalani, Ta'lîq: Syaikh Muhammad Ghias al-Sibagh, Maktabah al-Ghazali, Damsyiq, h. 101.

bi al-dharurah). Akan tetapi ajaran atau amalan ini tetap dikategorikan sebagai sesat dan menyimpang daripada kebenaran (*al-haq*).

Penentuan Hukum Pengamal Ajaran Sesat

Penentuan bagi menentukan status keislaman seseorang pengamal ajaran sesat adalah tertakluk kepada kategori sesat yang dilakukannya. Sekiranya kesesatan yang dilakukan adalah termasuk dalam jenis *bid'ah ghair mukaffirah*, maka tidak syak lagi bahawa dia adalah kekal sebagai seorang Islam. Namun sekiranya kesesatan itu menyentuh persoalan *bid'ah mukaffirah*, maka menjadi tanggungjawab umat Islam agar berhati-hati serta benar-benar melakukan penelitian kerana ia boleh mengakibatkan seseorang dijatuhkan hukuman terkeluar daripada Islam atau murtad.

Kaedah *Takfir* Menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Para ulama menggariskan dua kaedah dalam *takfir* (mengkafirkan orang)⁷⁷.

- (a) *Takfir Mutlak*. Bererti menyatakan bahawa sesiapa berbuat sesuatu perkara yang boleh mengkafirkan maka ia boleh membawa kepada kekuferan, tanpa memaksudkan pelaku atau orang tertentu. Kenyataan seumpama ini difokuskan kepada perbuatan atau ajaran atau pembawaannya, bukan pelaku atau orang secara khusus.
- (b) *Takfir Mu'ayyan*. Bererti menyatakan bahawa si fulan bin si fulan, iaitu dengan menyebut nama orang tertentu telah kafir. Kenyataan seumpama ini ditujukan secara langsung kepada seseorang yang melakukan sesuatu perkara yang boleh mengkafirkan.

Menurut Dr. Yusof al-Qaradhawi *takfir* perlu dibezakan dengan dua cara iaitu *takfir nau'* (jenis) dan *takfir syakhs mu'ayyan* (peribadi). Beliau menyebut: “*Hendaklah diberikan perhatian apa yang telah*

⁷⁷ Al-Qaradhawi, Yusuf (1996), *Fatawa Mu'asirah*, Kaherah: Dar al-Qalam, j.1, h. 126-127.

Ingin membaca buku ini lebih lanjut?
Dapatkan naskhah anda di:
Bahagian Penerbitan Jakim
Aras 1, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 W.P. Putrajaya.
No. Tel : 03-8886 4575

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an

Al-Hadith

Perlembagaan Malaysia.

_____ (1990), *Mengapa Kalimah Allah?*, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM KL.

_____ (2002), *Islam, dakwah dan politik*, Pustaka Thariqul Izzah.

_____ (1991), *Kamus Dwi-Bahasa*, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

'Ulwan, 'Abdullah Nasih, Dr.(1988), *Hurriyah al-I'tiqad fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam

'Akbari, 'Ubayd Allah bin Muhammad bin Battah al-(1418h), *al-Ibanah 'an Syari'ah al-Firqah al-Najiyah wa Mujanabah al-Firaq al-Madhmmah*, j.1, c.2, Riyadh :Dar al-Rayah.

'Ala' al-Din, Abu Abdullah (1999), *Syarh Sunan Ibn Majah*, Saudi: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz, j.1.

'Allal al-Fasi , *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*, al-Dar al-Baydha'.

'Amili, al-Hurr (1414h), *Wasa'il al-Sy'i'ah*, T.T.P: Muassasah Al al-Bayt li Ihya' al-Turath.

'Amili, Muhsin al-Amin (1983), *A'yarus Syi'ah*, T.T.P: T.P.

'Aql, Nasir bin 'Abd al-Karim (1419h), *Buhuth fi 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, Saudi : Dar al-'Asimah.

A.S Hornby(1985), *Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English*, Oxford University Press, Great Britain.

- Abadi, Syams al-Haq al-Azim, *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Abduh, Muhammad (1341H), *Tafsir Juzz 'Amma*, Misr: Sharikah Musahamah Misriyyah.
- Abdul Aziz Bari (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Hamid Yunus (2010), *Asas Rujukan dalam Bidang Akidah Islam*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Hamid Yunus (2010), *Penjelasan Istilah yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Kadir Muhamad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim al-Khudhair, *al-Hadith al-Dha'if*, Dar al-Muslim
- Abdul Rahman Hasan Habannakah al-Maidani(1994), *al-Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, Dar al-Qalam.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah(1998), *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samat bin Musa (2006), “Kedudukan Islam dan Kebebasan Beragama dalam Perlembagaan Malaysia”, kertas kerja Seminar Pertukaran Agama dan Kesan dari Segi Perspektif Syariah dan Perundangan, Bangi : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Abdul Shukor Husin (1998), *Ahli Sunah Wal-Jamaah Pemahaman Semula*, Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Pengaruh Asing Terhadap Kefahaman Allah-Muhammad*, Cakera Padat, Putrajaya: JAKIM.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Sumber Ajaran Sesat*, Putrajaya: JAKIM.
- Abdullah Alwi Hj. Hasan, “Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia : Suatu Ulasan”, *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang di Malaysia*, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Batu Caves : Thinkers Library Sdn. Bhd.

- Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya : al-Rahmaniah.
- Abu Habib, Sa'di (1988), *al-Qamus al-Fiqhi*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Adian Husaini, M.A dan Nuim Hidayat, *Islam Liberal*, (Jakarta: Gema Insani, 2002).
- Ahmad al-Kisrawiy al-Syi'iy *Al-Tasyayyu' Wasy-Syi'ah*.
- Ahmad Husnan (1993), *Ilmiah Intelektual dalam Sorotan*, Surakarta: Uil Albab Press.
- Ahmad Laksamana, *Hakikat Insan*
- Ahmad Laksamana, *Tajalli*.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned (1987), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rasyad, Dr. (1998), *Hurriyah al-'Aqidah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Itrak li al-Nasyr al-Tawzi'
- Alain, *Yoga for Perfect health*, New York: Pyramid Books, 1970.
- Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Hijab al-Mar'ah al-Muslimah*, al-Maktab al-Islami
- Ali Shari'ati (1980), *Marxisme and Other Western Fallacies, an Islamic Critique*, terj. R. Campbell, Berkeley : Mizan Press.
- Al-Kitab, The Bible Society Of Malaysia
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*(1427), Kuwait: Wizarat al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Amudi(1955), *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Qahirah: Muassasat al-Halabi wa Syuraka'uhu.
- Anwar al-Jundi (1993), *Pembaratan di Dunia Islam*, Bandung : PT Remaja Rosdakarya.
- Anis Malik Thaha (2005), *Tren Pluralisme Agama*, Jakarta: Gema Insani.

- Apte, Vaman Shivram (1965). *The Practical Sanskrit Dictionary*. Delhi: Motilal Banarsi Dass Publishers.
- Armstrong, K, . *A History of God*, New York: Ballantine Books, 1993.
- Ary Ginanjar Agustian(2009), *Spiritual Company: Kecerdasan Spiritual Pembawa Sukses Kampiun Bisnis Dunia*, Jakarta: Arga Publishing.
- Asnawi, 'Abd al-Rahim ibn Hasan, *Nihayat al-Su'al fi Syarh Minhaj al-Usul li al-Baidhawi*, al-Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Asuki Abas, "PM : Tangguh Tubuh ICM – Adalah lebih baik dimulakan dialog antara pelbagai agama", *Utusan Malaysia*, 27 Februari 2005.
- Asy'ari, Abu al-Hasan al-(t.t), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1977), *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, Kaherah: Dar al-Ansar.
- Asy'ari, Abu al-Hasan al-(1995), *Risalah Istihsan al-Khawdh fi 'Ilm al-Kalam*, Beirut: Dar al-Masyari'.
- Athari, Abdullah bin Abdul Hamid (1422h), *Al-Wajiz Fi Aqidah al-Salaf al-Soleh*, Saudi: Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Irsyad.
- Azmah Abdul Manaf (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Petaling Jaya, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ba 'Abdullah, Muhammad Ba Karim (1994), *Wasatiyyah Ahl al-Sunnah Bayn al-Firaq*, Riyadh: Dar al-Rayah.
- Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-(t.t), *Tafsir al-Baghawi al-Musamma Ma'alim al-Tanzil*, j.4. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Bahagian Penyelidikan (1997), *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*, Putrajaya: JAKIM.
- Banna, Hasan al-(t.t), *Majmu' al-Rasa'il*, T.T.P: T.P.
- Berita Harian, 4 Februari 1997.
- Bukhari, Abd al-'Aziz, *Kasyf al-Asrar 'ala Usul al-Bazdawi*, Istanbul: al-Syirkah al-Sohafiyyah al-'Uthmaniyyah.

- Bukhari, Muhammad bin Isma'il al-(1987), *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*, c.3, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Buti, Sa'id Ramadhan, Dr. (2004), *Hurriyah al-Insan fi Zill 'Ubudiyyah Li-Allah: Damsyik*.
- Buti, Sa'id Ramadan (1981), *Alla mazhabiyah*, Pent. Anas Tahir Syamsudin, Surabaya: Bina Ilmu.
- Clifford H (1961), *Expedition : Terengganu and Kelantan*, Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society.
- De Kleine W.P. Encylopaedie (1950, Mr. G.B.J. Hiltermann dan Prof.Dr.P. Van De Woestijne.
- Dihlawi, Shah Abdul Aziz (t.t), *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*: Kuala Lumpur: DBP.
- Duri, Qahtan al-(1996), *Usul al-Din al-Islami*, 'Amman : Dar al-Fikr.
- Fatawa al-Azhar*, Mesir: Wizarat al-Auqaf al-Misriyyah.
- Flood, Gavin (1996), *An Introduction to Hinduism*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazali(1973), *al-Mustasfa*, Mesir: Maktabat Tijariyyah al-Kubra.
- Ghazali, Abu Hamid al-(t.t), *Ihya 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Habannakah, Abdul Rahman Hasan (1994), *al-Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, Beirut: Dar al-Qalam.
- Haja Maiden (1991), *The Nadra Tragedy*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications.
- Hakim, Muhammad bin 'Abdullah (1990), *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, j.1.
- Haron Daud (1989), *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan al-Banna, *Majmu'at al-Rasa'il*.
- Hasbi, al-Siddiqi, *Pokok-pokok Pegangan Imam-imam Mazhab dalam Membina Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.

- Hashim Hj. Musa (2004), *Dialog Peradaban, Pemerkasaan Tamadun Melayu Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press.
- Hassan Bandung(1980), *Risalah al-Mazhab*, Bangil: Pustaka Abdul Muis.
- Hasyim, Ahmad 'Umar (1998), *Wasatiyyah al-Islam*, Kaherah: Mansyurat Dar al-Rasisyad.
- Hindi, Nasir al-Din (2008), *al-Suyuf al-Musyriqah wa Mukhtasar al-Sawa'iq al-Muhriqah*, Kaherah: Maktabah al-Imam al-Bukhari.
- Ibn 'Asakir, 'Ali bin al-Hasan (1347h), *Tabyin Kazib al-Muftari Fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari*, Dimasyq: al-Qudsi.
- Ibn 'Abd al-Barr (1387h), *al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, al-Maghrib: Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah, j.24.
- Ibn al-Humam, *al-Tahrir fi Usul al-Fiqh*, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn al-Jawzi , *Talbis Iblis*.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj (1358H), *al-Muntazam fi Tarikh al-Muluk wa al-Umam*, Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Khatib al-Baghdadi, *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*.
- Ibn al-Subki(1965), *Jam'ul Jawami'*, Surabaya: Syarikat Maktabah Said bin Nubhan wa Awladuhu.
- Ibn Daqiq al-'Ied(1976), *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdat al-Ahkam*.
- Ibn Hajar al-'Asqalani (1964), *Talkhis al-Habir fi Ahadith al-Rafi'i al-Kabir*, Madinah: T.P.
- Ibn Hajar al-'Asqalani , *Syarah Nukhbat al-Fikar Fi Mustalah Ahl al-Athar*, Ta'lisiq: Syaikh Muhammad Ghias al-Sibagh, Damsyiq: Maktabah al-Ghazali.
- Ibn Hajar al-Asqalani(1995), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali (1984), *Tahzib al-Tahzib*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1408h), *al-'Aqidah Riwayah Abi Bakr al-Khallal*, Dimashq: Dar Qutaybah.
- Ibn Hazm al-Andalusi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*.

- Ibn Hazm(1965), *al-Muhalla*, Beirut: Maktabat Tijariyyah.
- Ibn Hazm, 'Ali bin Ahmad (t.t), *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, Mesir : Maktabah al-Khanji, j.4.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (t.t), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, j.3.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah(1968), *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Rajab al-Hanbali, *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*.
- Ibn Taimiyyah , *Majmu'at al-Rasa'il al-Kubra*, Beyrut.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim (2005), *Majmu' Fatawa*, Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Ibnu Hajar al-Haithami, *al-Fatawa al-Hadithiyyah*, Dar al-Ma'rifat, Beyrut.
- Ibnu Jaziy al-Maliki, *Qawa'id al-Ahkam al-Syar'iyyah*.
- Irbili, Ali bin Isa (1381h), *Kasyful Ghummah fi Ma'rifah al-A'imma*, Tabriz : Bani Hasimi.
- Ismail, Mohammad Ariffin (t.t), *Cabarani Akidah : Pemikiran Islam Liberal*, Kuala Lumpur : Jabatan Mufti Wilayah.
- Ittihaf Sadat al-Muttaqin*, Muhammad Az-Zabidi, juz 2, hal. 6 nukilan K.H. Siradjuddin Abbas dalam *I'tiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah*.
- Izz ibn 'Abd al-Salam(1968), *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*.
- Ja'bari, Hafiz Muhammad al-(1996), *Gerakan Kebangkitan Islam*, Solo : Duta Rahman.
- James McCartney(1969), *Yoga The Key to Life*, New York: E.P. Dutton & Co., Inc.
- John Ferguson(1977), *An Illustrated Encyclopaedia of Mysticism, "samsara"*, New York: Seabury Press.
- Jum'ah, 'Ali (2005), *al-Bayan lima Yusyghil al-Azhan*, Kaherah: el-Mokatam
- Khalif Muammar (2006), *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Islam Liberal*, Kajang : Akademi Kajian Ketamadunan.

Khatib, Syarif al-(t.t), *Masyru'iyyah al-Ijtihad fi Furu' al-I'tiqad*, Mafraq: Jami'ah Al al-Bayt.

Khomeini, Mustafa Ahmad (1389), al-Hukumah al-Islamiyyah, c.3. T.T.P : T.P.

Khudhari Bek(1960), *Usul al-Fiqh*, Mesir: Maktabat Tijariyyah al-Kubra.

Kisrawi, Ahmad (1988), *al-Tasyayyu' wa al-Syi'ah*, T.T.P: T.P.

Kulaini, Muhammad bin Ya'qub (1407h), *al-Kafi*, Tehran : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

Kulaini, Muhammad bin Ya'qub al-(t.t), *Usul al-Kafi (makhtutah)*.

Lalaka'i, Hibah Allah bin al-Hasan al-(1402h), *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma' al-Sahabah*, j.1. Riyadh : Dar al-Tayyibah.

Lawrence C. Becker (2001), *Encyclopedia of Ethics*, New York : Routledge, j.2.

Mahmood Zuhdi (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Majalah *Mannar al-Islam* bil.11/10/1405H.

Majalah Matra, Disember 1992.

Majalah *Rabitah al-'Alam al-Islami*, Bil. 7, Tahun 7/1389H.

Majlisi, Muhammad Baqir (1378h), *Jilaau al-'Uyun*, Tehran: Wizarat Farhang wa Irsyad Islami.

Makki, 'Abd al-Malik bin Husayn al-(1998), *Samt al-Nujum al-'Awali fi Abna' al-Awa'il wa al-Tawali*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Malti, Muhammad bin Ahmad al-(1997), *al-Tanbih wa al-Radd 'ala Ahl al-Ahwa' wa al-Bida'*, Kaherah : al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.

Manji, Irshad (2012), *Allah, kebebasan dan cinta*, Petaling Jaya: ZI Publication.

Marjah, Muwaffah Bani (1996), *Sahwah al-Rajul al-Maridh*, T.T.P: Muassasah al-Rayyan.

Mawahibi, 'Abd al-Baqi al-(1987), *al-'Ayn wa al-Athar fi 'Aqa'id Ahl al-Athar*, Lubnan: Dar al-Ma'mun.

Mc Cartney, J. *Yoga: The Key To Life*, New York: E.P/ Dutton & Co., Inc.

- Mohd Fauzi Hamat (2008), "Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran", Jurnal Penyelidikan Islam Bil. 21, Putrajaya: JAKIM.
- Morey, Robert (1992) *Islamic Invasion : Confronting the World's Fastest Growing Religion*, Oregon: Harvest House.
- Mufid, Muhammad bin Muhammad (1413h) *Al-Irsyad fi Ma'rifah Hijaj Allah a'la al-'Ibad*, Qom: Kangarah Syeikh Mufid.
- Muhammad Fathi 'Uthman (1969), *al-Tarikh al-Islami wa al-Mazhab al-Maddi*, Kuwait: T.P.
- Muhammad Uthman El-Muhammady (1977), *Memahami Islam : Insan, Ilmu dan Kebudayaan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Munawi (1994), *Faydh al-Qadir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Munawi, Muhammad 'Abd al-Ra'uf al-(1990), *al-Tawqif 'ala Muhimmaat al-Ta'ariif "Mu'jam Lughawiy Mustalahiy"*, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Munzari, *al-Targhib wa al-Tarhib*, 1373H.
- Nakri, 'Abd al-Rabb al-Nabi (2000), *Dustur al-'Ulama' aw Jami' al-'Ulum fi Istilahat al-Funun*, j.3. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nawawi, *al-Azkar*, al-Maktabah al-'Asriyyah, Beirut.
- Nawawi (1995), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Nawawi, Yahya bin Syaraf al-(1995) *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Dar al-Fikr. j.15.
- Neill,S (1956), Colonialism and Christian Missions. London: Lutterworth Press.
- Penjelasan Hukum*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, cet.1, 1998.
- Phelan, N and Volin, Michael, *Sex and Yoga*, New York: Bantam Books, 1969.
- Qaradhawi, Yusof, al-(1993), *Malamih al- Mujtama` al-Muslim Allazi Nansyuduhi*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(1995), *Fi al-Fiqh al-Awlawiyyat*, Qahirah: Maktabat Wahbah.
- Qaradhawi, Yusof, al-(1996), *Fatawa Mu'asirah*, Kaherah: Dar al-Qalam.

- Qaradhawi, Yusof, al-(t.t) *al-Sunnah Masdarun li al-Ma'rifat wa al-Hadharah*, al-Qahirah: Dar al-Syarq.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(2001) *Kayfa Nata'amal Ma'a Turath wa at-Tamazhab wa al-Ikhtilaf*, Mesir: Maktabah Wahbah.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(2006), *al-Iman wa al-Hayah*, Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Qaradhawi, Yusuf, al-(2010), *Kesederhanaan Dalam Islam*, terj. Mohd Lokman & Hasan Basri, Seri Kembangan: Mj Production.
- Qurtubi al-(2003), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Qusyairi, 'Abd al-Karim bin Hawazin (2001), *al-Risalah al-Qusyairiyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rafiq al-'Azm (1968), *Asyhar Masyahir al-Islam fi al-Hurub wa al-Siyasah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Rajih 'Abd al-Hamid al-Kurdi (1989), *al-Ittijah al-Salafi Bain al-Asalah Wa al-Mu'asarah*, Dar 'Ammar.
- Razi, Fakhruddin al-(2000), *al-Tafsir al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Razi, Muhammad bin 'Umar al-(1402h), *I'tiqadat Firaq al-Muslimin wa al-Mushrikin*, Beirut : Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Rifyal Ka'bah (1994), *Islam dan Serangan Pemikiran*, Jakarta : Granada Nadia.
- Ringkasan buku Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah, JAKIM.
- Shah Abdul Aziz al-Dahlawi. DBP: *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*.
- Sa'id Ibrahim (1996), *'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah.
- Safarini, Syamsuddin al-(1982), *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyah*, Damsyiq: Mu'assasah al-Khafiqin.
- Salleh Buang (2006), "Sikap dan Peranan Umat Islam dalam Menghadapi Cabaran Semasa", kertas kerja Simposium Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan, Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Samad Ahmad (1979), *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sayuti wa al-Mahalli, al-(t.t) *Tafsir al-Jalalayn*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Sayuti, Jalal al-Din al-(1403), *al-Asyabah wa al-Nazha'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sayuti, Jalal al-Din al-(1995), *al-Amr bi al-Ittiba' wa al-Nahy 'an al-Ibtida'*, Dammam: Dar Ibn al-Qayyim.
- Sabuni, Muhammad 'Ali al-(t.t), *Tafsir Ayat al-Ahkam*, Dimasyq: Maktabah al-Ghazali.
- Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad 'Abd al-Karim Abi Bakr Ahmad al-(1404h), *al-Milal wa al-Nihal*, Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Shaybani, Abu al-Hasan bin Ali al-Karam (1415h), *al-Kamil fi al-Tarikh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sulayman al-Nadawi, *Tahqiq Ma'na al-Sunnah wa Bayan al-Hajat llayh*, al-Qahirah, 1377H.
- Syahril A. Kadir, "Kabinet arah henti bincang isu sensitif agama", *Utusan Malaysia*, 27 Julai 2006.
- Syatibi (1997), *al-Muwafaqat*, Dar Ibn 'Affan.
- Syatibi , *al-I'tisam*, Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, c. 4. Petaling Jaya : ABIM.
- Tabari, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*.
- Tabari, Muhammad bin Jarir (1969), *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Tabarsi, Ahmad bin Ali (1403h) *Al-Ihtijaj 'ala Ahl al-Lajjaj*, Masyhad : Nasyr Murtada.
- Tabarsi, Fadhal bin Hasan (1390h), *I'lamlul Wara bi A'lam al-Huda*, Tehran: Islamiyyah.
- Taftazani, Sa'd al-Din al-(1988), *Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Tantawi, Muhammad Sayyid, *Tafsir al-Wasit*, Kaherah: Dar al-Sa'adah.

Tarmizi Abdul Halim, "Nyonya Tahir bukan Islam: Mahkamah Syariah benarkan si mati disemadi cara Buddha", *Utusan Malaysia*, 23 Januari 2006.

Tirmizi, Muhammad bin 'Isa (t.t), *al-Jami' al-Sahih*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.5.

Tom Eames Hughes (1980), *Tangled Worlds: The Story of Maria Hertogh*, Singapore : Institute of Southeast Asia Studies.

Tun Mohamad Suffian (1990), *Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Uthman el-Muhammady (1995), *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan yang Mengamalkan Pegangan Ahlis Sunnah Wal-Jamaah*, Kuala Lumpur: BAHEIS.

Utusan Malaysia, bertarikh 3 Februari 1997.

Wood, E.E.(1970), *Practical Yoga*, California, Wilshire Book Company.

Zainah Anwar, "Listen to cries of the silent majority", *New Straits Times*, 12 Januari 2006.

Zainah Anwar, "Making Taboo A Cherished Tradition", *New Straits Times*, 16 Jun 2006.

Zaini Nasohah (2004), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Zuhaili, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dimasyq: Dar al-Fikr.

Zulkiflee Bakar, "121 (1A) Kekal : PM, Perbuatan Sembilan Menteri Serah Memorandum Luar Biasa", *Utusan Malaysia*, 21 Januari 2006.

<http://aliran.com/about-us>.

<http://bantahifc.bravehost.com/>.

<http://harmonymalaysia.wordpress.com/>.

http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=4813:pointers-isu-sebatan-ke-atas-kes-kartika&catid=16:isu-nasional.

http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=4287:zaid-dan-hujah-dangkalnya-tentang-kes-lina-joy-dikecam-hebat&catid=1:utama&Itemid=50.

- http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2413:zaid-ibrahim-tarik-balik-saman-hudud&catid=1:utama&Itemid=50.
- <http://www.ipsnews.net/news.asp?idnews=33940>.
- <http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html>.
- <http://www.islam.gov.my/sites/default/files/awas22.pdf>. 2 April 2011.
- <http://www.kaskus.us/showthread.php?t=1135414>.
- <http://www.malaysiakini.com/news/11780>.
- http://www.mindamadani.my/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=126.
- <http://www.sistersinislam.org.my/BM/zai-24march06.htm>.
- http://www.sistersinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=417&Itemid=194.
- http://www.sistersinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=699&Itemid=270. 4
- <http://www.tranungkite.net/lama/b02/pum2.htm>.
- http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1018&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_04.htm.
- <http://www.aljazeera.net/home/print/0353e88a-286d-4266-82c6-6094179ea26d/b3b1607c-a61e-4459-98d0-b25a149ae62c>.
- <http://www.onislam.net/arabic/ask-the-scholar/8419/8418/52847-2004-08-01%2017-37-04.html>.
- http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0107&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm.
- <http://www.saaid.net/Doat/Zugail/179.htm>.
- <http://id.wikipedia.org/wiki/Materialisme>.
- <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/mimpi-dari-perspektif-islam>.
- <http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html>.